

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2023

**HARI ISNIN : 22 MEI 2023**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 149 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS  
TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak sejak penubuhannya dan apakah wawasan Bahagian ini *moving forward*.

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif asal penubuhan Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak (BHES), Jabatan Perdana Menteri adalah untuk menyelaraskan isu-isu berkaitan tuntutan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Semenjak dari awal penubuhannya pada 10 Mac 2020, BHES bertindak sebagai sekretariat kepada platform perundingan rasmi

## **NO SOALAN: 9**

di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak berkenaan MA63. Bermula daripada Majlis Khas MA63 pada tahun 2020-2022 di bawah pentadbiran mantan Perdana Menteri ke-8 dan Ke-9, sehinggalah di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri Ke-10. Bahagian ini telah memainkan peranan dalam menyelaras perbincangan bukan sahaja di peringkat tertinggi bahkan di peringkat pegawai dan seterusnya memantau pelaksanaan keputusan-keputusan yang telah dicapai.

2. Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) merupakan antara agenda yang diberikan penekanan utama Kerajaan Perpaduan di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri Ke-10 untuk diselesaikan dengan segera. Oleh yang demikian, fokus semasa BHESB buat masa ini adalah memastikan mandat utama yang diberikan berhubung isu-isu pelaksanaan MA63 yang masih tertunggak dan tidak begitu kompleks serta memerlukan pindaan undang-undang sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri dapat diselesaikan dengan sebaiknya demi kepentingan semua pihak yang terlibat.

3. Pada masa ini, BHESB dapat berfungsi dengan baik untuk menyelaraskan platform perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, sebarang usaha dan cadangan untuk menambah baik fungsi dan peranan BHESB adalah amat dialu-alukan dan keputusan mengenainya adalah tertakluk kepada pertimbangan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN  
BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah dan strategi Kementerian untuk menangani isu bilangan kemasukan pelajar ke IPTA (universiti awam dan politeknik khususnya) yang rendah dan '*trend*' menurun akhir-akhir ini sehingga ada yang mencapai hanya 60% dari '*capacity*'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Maklumat dirujuk oleh YB Kubang Pasu adalah tidak tepat.
2. Secara puratanya, bagi sesi 2022/2023 kesemua Universiti Awam beroperasi **pada tahap 86% daripada kapasiti dan unjuran rasmi** mereka.
3. Bagi politeknik pula, memang diakui terdapat penurunan iaitu sebanyak 14% bagi kemasukan tahun 2022 berbanding tahun 2021.
4. Namun, pada tahun 2022, bilangan pelajar berbanding kapasiti adalah pada **kadar 83%** iaitu **77,816 orang pelajar** berbanding kapasiti yang berjumlah **94,290**.
5. **Bagi meningkatkan kemasukan ke Politeknik pula, KPT telah mengambil langkah-langkah berikut.**
  - a. **Pertama**, KPT melalui Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti, telah memudahkan proses kemasukan. Ini bermaksud permohonan boleh dibuat sama ada melalui UPU atau pun secara *walk-in* terus dengan sesebuah institusi tersebut.
  - b. **Kedua**, politeknik turut dilibatkan dalam program promosi *Jom Masuk U*.
6. Secara kesimpulannya, Kementerian sentiasa mengambil serius semua usaha meningkatkan akses ke pendidikan tinggi dan konsisten mempergiat dan menyebarkan akses ke pendidikan tinggi.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana keberhasilan program IPR dalam meningkatkan ekonomi golongan B40, dalam usaha Kerajaan mengurangkan jurang pendapatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dilaksanakan dengan tujuan utama untuk meningkatkan keupayaan golongan miskin tegar, miskin serta B40 untuk menjana pendapatan yang mampan. Selain itu, pada masa yang sama, IPR dapat membantu mengatasi isu kos sara hidup yang meningkat, isu import bahan makanan yang tinggi serta memperbaiki struktur ekonomi negara di peringkat akar umbi

Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara Kerajaan, rakyat dan rakan-rakan strategik yang terdiri daripada sektor swasta, syarikat berkaitan kerajaan dan institusi pengajian tinggi melalui *whole-of-nation approach* dalam usaha menangani kemiskinan dan ketidaksamaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas serta prinsip Ihsan dalam Kerangka Dasar MADANI.

Tiga (3) inisiatif rintis telah diperkenalkan di bawah IPR iaitu **Inisiatif Usahawan Tani (INTAN)**, **Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN)** dan **Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN)**. Ketiga-tiga inisiatif rintis ini dikenal pasti untuk mengatasi isu utama yang dibangkitkan pada masa ini seperti keterjaminan makanan, peluang pekerjaan dan saluran pemasaran produk yang terhad.

IPR dilaksana secara bersepadu melibatkan semua pihak pada peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

Senarai peserta akan diambil berdasarkan permohonan yang dibuat menerusi laman sesawang IPR ([www.ipr.epu.gov.my](http://www.ipr.epu.gov.my)). Sehingga 22 Mei 2023, sejumlah 82,892 permohonan telah diterima. Daripada keseluruhan permohonan ini, sejumlah 33,501 individu daripada kategori berpendapatan rendah layak untuk dipadankan dengan tiga (3) inisiatif ini. Dari segi kategori, seramai 16,135 individu (bersamaan 48%) memohon untuk program INSAN, 10,055 individu (bersamaan 30%) memohon untuk program INTAN dan 7,311 individu memohon untuk program IKHSAN.

Kementerian Ekonomi melakukan semak silang dengan Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) di bawah ICU, JPM serta data penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) di bawah Kementerian Kewangan. Tujuan semak silang ini dilaksanakan adalah bagi memastikan hanya pemohon yang mempunyai pendapatan di bawah RM5,000 sahaja layak menyertai program ini. Selain itu, ketua isi rumah (KIR) dalam data eKasih dan iDamak juga akan dilibatkan dalam Program IPR yang bersesuaian mengikut minat KIR.

Program IPR akan memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan tegar dan kemiskinan di seluruh negara serta menjadi **pelengkap** kepada program sedia ada untuk menangani isu kemiskinan dalam kalangan miskin tegar, miskin dan B40. Kumpulan sasar miskin tegar ini merentasi pelbagai kumpulan etnik merangkumi Bumiputera,



Cina, India, Anak Negeri Sabah, Bumiputera Sarawak dan masyarakat Orang Asli.

Di bawah **Inisiatif Usahawan Tani** atau **INTAN**, tumpuan akan diberikan kepada tanaman seperti cili dan jagung bijirin sekaligus membantu mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah import. Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan memberikan bantuan berbentuk input, kemudahan infrastruktur, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elaun sara hidup sementara menunggu penuaian hasil tanaman.

**Inisiatif Usahawan Makanan** atau **INSAN** pula bertujuan untuk menggalakkan penjualan makanan berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan dan memberi ruang kepada peserta untuk memasarkan produk makanan mereka menggunakan mesin layan diri atau *vending machine* tanpa perlu berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan permit dan tapak perniagaan. Di bawah INSAN, Kerajaan akan menyediakan geran berbentuk bayaran sewaan mesin layan diri untuk tempoh 2 tahun.

Kerajaan juga mengambil langkah untuk memperkenalkan **Inisiatif Operator Perkhidmatan** atau **IKHSAN** sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam sektor yang dikenali sebagai 3D iaitu *Dirty, Dangerous and Difficult*. Melalui inisiatif ini, Kementerian Ekonomi sedang bekerjasama dengan semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mewujudkan peluang pekerjaan dengan gaji yang setimpal bagi kerja-kerja pembersihan di premis awam. Kerajaan akan menjadi pemudah cara dalam urusan pelantikan pekerja, menyediakan peralatan dan kelengkapan serta memberi bantuan elaun tambahan kepada peserta untuk tempoh tertentu.

Sehingga kini, sejumlah 10 mesin layan diri telah ditempatkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Sabah. Peserta INSAN ini telah meraih jualan purata harian antara RM80 hingga RM400. Dalam tempoh terdekat, Kementerian Ekonomi akan menempatkan mesin layan diri di Sarawak, Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Perak. Kerajaan menyasarkan sebanyak 5,000 mesin layan

diri akan ditempatkan di lokasi yang menjadi tumpuan awam seperti terminal/stesen pengangkutan awam, institusi pengajian tinggi (IPT), bangunan kerajaan, hospital dan kawasan perumahan yang berdensiti tinggi di seluruh negara.

Bagi pelaksanaan INTAN, Kementerian Ekonomi menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bagi melaksanakan projek penanaman cili fertigasi di tanah rintis Tenaga Nasional Berhad (TNB) berdekatan Pangsapuri Pelangi Damansara, Petaling Jaya.

Projek rintis melibatkan 10 ekar tanah dan diusahakan oleh 40 peserta telah dilancarkan pada 21 Mac 2023, manakala baki 70 ekar akan diusahakan oleh 280 peserta akan dimulakan pada bulan Jun 2023.

INTAN juga akan turut dilaksanakan di Presint 9, Putrajaya melibatkan kawasan seluas 30 ekar. Kerja-kerja pembersihan tapak telah dimulakan sejak 1 Mei 2023. Projek ini dijalankan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat ini dijangka memanfaatkan sejumlah 60 peserta.

Seterusnya, pelaksanaan INTAN juga memberi fokus di kawasan pantai timur Malaysia. Pelaksanaan INTAN akan diperluas ke Terengganu dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu dan Majlis Pembangunan Koridor Wilayah Pantai Timur (ECERDC) di kawasan berkeluasan 80 ekar di Kampung Telaga Papan, Setiu, Terengganu yang bakal memanfaatkan 160 peserta secara keseluruhan. Pelaksanaan projek ini dijangka akan bermula pada bulan Jun 2023.

Pelaksanaan INTAN juga akan turut dilaksanakan di wilayah utara dengan kerjasama erat bersama Kerajaan Negeri Kedah dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Syarikat GrasiCili di Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang.

Pelaksanaan IKHSAN telah dilaksanakan secara rintis melibatkan 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor dan 1 PBT di Pulau Pinang yang melibatkan keseluruhan peserta berjumlah 75 orang.

Pelaksanaan IKHSAN juga turut diperluas dengan kerjasama strategik bersama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) melibatkan 300 peserta, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah melibatkan 300 peserta serta di syarikat konsesi bangunan guna sama kerajaan dan jalan raya dan syarikat konsesi pengurusan pembersihan awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan proses perolehan terutama melibatkan perolehan mesin layan diri serta pelantikan pelaksana bagi IPR adalah teratur dan mengikut tatacara kewangan yang sedang berkuatkuasa, Kementerian Ekonomi akan memastikan segala proses yang melibatkan perolehan ini adalah telus sebagaimana pekeliling kewangan yang berkuatkuasa serta libat urus berterusan dengan Kementerian Kewangan.

Kerjasama semua pihak, termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan amat dialu-alukan untuk menjayakan dan memudahcara pelaksanaan Program IPR.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [ JASIN ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Madani terhadap cadangan yang pernah dilontarkan dan diusahakan oleh Kerajaan sebelum ini berkaitan penubuhan Suruhanjaya Patuh Syariah yang bukan sahaja memberi fokus kepada isu-isu Halal industri makanan tetapi juga terhadap isu muamalah, kewangan dan sebagainya.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM  
BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai negara yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan, Malaysia amat mementingkan kepatuhan syariah dalam semua aspek kehidupan. Kepatuhan syariah ini bukan sahaja dari sudut makan dan minum tetapi juga dari segi muamalat, kewangan dan urusan harian.

Kerajaan menyambut baik cadangan ini namun buat masa kini Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Patuh Syariah kerana seperti yang kita sedia maklum bidang kewangan Islam dan industri halal telah pun mempunyai tatakelola, undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Tatakelola dan undang-undang yang sedia ada ini sudah cukup dan memadai untuk menguruskan bidang-bidang ini dan ini terbukti apabila Malaysia muncul sebagai negara contoh dan rujukan dalam bidang kewangan Islam dan pengurusan halal. Masyarakat muslim di dunia Islam dan antarabangsa juga mempunyai keyakinan terhadap produk-produk halal yang datangnya dari negara ini dan sistem kewangan Islam yang dilaksanakan.

## **NO. SOALAN: 12**

Walau bagaimanapun, kerajaan menyedari bahawa usaha-usaha penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi tujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan, tatakelola dan peraturan di bidang patuh syariah ini. Oleh itu, kerajaan mengenalpasti ruang-ruang yang boleh ditambah baik menerusi libat urus dengan pihak yang berkepentingan. Contohnya sektor yang tidak dicakupi oleh kewangan Islam dan industri halal seperti sektor pelancongan, fesyen, kosmetik dan farmaseutikal, media dan rekreasi di mana wujud kesedaran di kalangan pengguna agar ianya juga diberikan penarafan patuh syariah. Masih ada ruang yang boleh diperbaiki untuk meningkatkan skor dalam sektor-sektor tersebut.

Manakala dalam bidang ekonomi halal, usaha boleh dilakukan untuk memperkasakan aktiviti akademik dan intelektual dalam bidang ini bagi membolehkan negara menerajui agenda ekonomi halal di peringkat pengajian tinggi. Pada masa yang sama, program pembangunan modal insan dalam bidang ekonomi halal di peringkat antarabangsa juga boleh dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023**

**SOALAN**

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan usaha untuk meningkatkan celik media atau celik digital untuk mencegah masalah disinformasi serta usaha untuk menggalakkan semakan fakta pihak ketiga selain daripada platform yang dikelola oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa berusaha dalam meningkatkan celik media atau celik digital untuk mencegah masalah disinformasi melalui semakan fakta pihak ketiga. Pelbagai dasar telah dibentuk oleh kerajaan bagi mengimbangi permasalahan disinformasi yang dihadapi di platform digital. Antara usaha yang telah dilaksanakan untuk tujuan ini ialah melalui:

- (i) Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi melaksanakan perkongsian maklumat untuk mendidik masyarakat ataupun digital literasi supaya sentiasa bertanggungjawab serta cakna dalam memastikan kesahihan maklumat yang diterima sebelum perkongsian dilakukan menerusi video mahupun gambar di platform media sosial. Sejak pelancarannya pada 14 Mac 2017 sehingga 30 April 2023, portal Sebenarnya.my secara purata telah menerima 2 juta “hits” setiap bulan dan sebanyak 2,998 artikel berhubung berita palsu telah pun diterbitkan di portal Sebenarnya.my dalam tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,299 artikel adalah berhubung berita palsu;
- (ii) Portal MyCheck Malaysia yang dibangunkan oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) pada Mac 2020 bertujuan untuk membanteras maklumat palsu terutamanya berkaitan isu yang memberi kesan kepada kehidupan seharian rakyat. Sehingga April 2023, lebih 260 laporan semakan fakta telah dihasilkan. Portal ini aktif menterjemahkan laporan dalam bentuk grafik dan video yang dimuat naik dalam media sosial bagi mendekati masyarakat. Fokus MyCheck Malaysia adalah isu-isu yang memberi impak kepada kehidupan (*live and livelihood*)



## SOALAN NO: 13

masyarakat terutamanya yang tinggal di Malaysia seperti isu melibatkan keharmonian masyarakat, keselamatan, rutin kehidupan dan kesan ekonomi;

- (iii) Penekanan dari sudut advokasi dan kesedaran serta dari sudut kawal selia sendiri dengan izin, *self-regulation* dalam usaha menguatkan daya ketahanan serta kesedaran pengguna untuk menggunakan apa jua platform komunikasi dengan positif dan tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada;
- (iv) Penerbitan program bual bicara “Pastikan Sahih” di RTM yang bersiaran setiap hari Isnin hingga Jumaat pada pukul 4.05 hingga 4.30 petang di TV1 dan Saluran Berita RTM bagi mengupas isu-isu berkaitan laporan atau berita palsu terutama yang menjadi tumpuan masyarakat;
- (v) Penerbitan dua Pesanan Khidmat Awam (PKA) yang telah ditayangkan di semua stesen penyiaran dan media digital bermula 23 Disember 2022 sehingga Disember 2023 oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang memberi mesej-mesej kesedaran mengenai penyebaran berita palsu; dan
- (vi) Penyebaran maklumat melalui platform media sosial rasmi seperti Facebook, Instagram, Twitter, Youtube dan TikTok milik Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) yang merangkumi infografik dan videografik serta kenyataan media daripada agensi-agensi Kerajaan berkaitan berita palsu dan kesedaran mesej-mesej celik media dan digital. Ia dapat mengekang propaganda dan hebahan maklumat palsu dalam kalangan rakyat yang disebarkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN YANG KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[BELURAN]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [ BELURAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperkasa peranan Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) dalam konteks perpaduan dan sejauh mana perancangan untuk menyerap pegawai-pegawai kontrak J-KOM ke lantikan tetap sebagai langkah pemerkasaan J-KOM?

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan ini berperanan membangunkan komuniti di peringkat akar umbi dengan pendekatan pengehakupayaan komuniti dengan berteraskan tiga fokus utama iaitu Berbudaya Ilmu, Berkemahiran Digital dan Berjiwa Patriotik.

2. J-KOM melaksanakan program penyampaian dasar Kerajaan seperti Malaysia MADANI menerusi program bersemuka dengan lima kumpulan utama iaitu:

- i. Penghulu, Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Tuai Rumah;
- ii. Institusi Agama Tempatan: Masjid, Tokong, Kuil, Gereja;
- iii. Institusi Organisasi Sosial Tempatan: Institusi Pengajian Tinggi, Sekolah dan Sekolah Tahfiz;
- iv. Institusi Organisasi Ekonomi Tempatan: Koperasi, Persatuan Usahawan/Peniaga, Kesatuan/Persatuan Pekerja); dan
- v. Pertubuhan Masyarakat Sivil Tempatan: Wanita, Belia, Golongan Minoriti dan Orang Kurang Upaya.

3. J-KOM sepertimana agensi Kerajaan lain tertakluk kepada peraturan pengambilan perjawatan mengikut Jabatan Perkhidmatan Awam - Panduan Pengambilan Pegawai Lantikan Kontrak (Contract Of Service) Untuk Tujuan Pelantikan Secara Tetap.

4. Kerajaan telah memutuskan bahawa pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan (*Contract of Service*) yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik secara tetap mulai 1 Julai 2016 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

5. Dalam konteks perpaduan, J-KOM boleh diperkasakan menerusi penambahan program dan peruntukan, pemantapan program serta peningkatan kerjasama dengan rakan strategik J-KOM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI  
(BATANG LUPAR)**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI (BATANG LUPAR)** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan usaha dan bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan bagi membantu memperkasakan usahawan-usahawan desa yang mana produk-produk mereka mempunyai potensi untuk dibangunkan secara komersial.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam membantu memperkasakan usahawan-usahawan desa, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan program-program keusahawanan seperti berikut:

- i. **Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB):** Program ini merupakan bantuan pembiayaan berbentuk geran penuh sehingga RM10 ribu sebagai sokongan kepada usahawan mikro luar bandar bagi tujuan mengukuh dan mengembangkan perniagaan. Bagi tahun 2023, sebanyak **RM4 juta** telah diperuntukkan bagi membantu sehingga 600 usahawan luar bandar untuk mengukuhkan dan mengembangkan perniagaan sedia ada bagi tujuan pemasaran yang lebih meluas.
- ii. **Program Pembangunan Usahawan *Start Right* (PSR):** Program ini menyediakan pakej bantuan yang merangkumi Latihan Asas Keusahawanan, dan set peralatan dan modal permulaan sehingga RM10 ribu kepada usahawan berkemahiran lepasan TVET. Pada tahun 2023, sebanyak **RM1.5 juta** telah diperuntukkan untuk program ini dengan menasaskan sehingga 120 penerima manfaat.
- iii. **Program *Outreach* Keusahawanan:** Program *Outreach* Keusahawanan merupakan satu program bagi memartabatkan produk dan perkhidmatan melalui perluasan akses pasaran serta peningkatan aktiviti pemasaran usahawan-usahawan luar bandar dan sebagai platform menyebarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang di tawarkan oleh KKDW dan agensi. Pada tahun 2023, KKDW menasaskan untuk melaksanakan 4

## SOALAN NO : 15

program di seluruh negara dengan mensasarkan sekurang-kurangnya 400 usahawan luar bandar dengan peruntukan sebanyak **RM2 Juta**.

- iv. **Rural Business Challenge 2.0:** Program pengembangan perniagaan menerusi pertandingan penyediaan rancangan perniagaan dalam kalangan usahawan belia luar bandar seluruh Malaysia (berumur 18-40 tahun) yang akan melalui 5 peringkat penilaian. Bagi tahun 2023, KKDW mensasarkan sehingga 20 orang usahawan belia luar bandar sebagai pemenang bagi memajukan perniagaan masing-masing dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM10.5 Juta**.

Selain itu, pelbagai program turut dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi di bawah KKDW sebagai usaha untuk membantu memperkasakan usahawan-usahawan desa. Sebagai contoh, pihak MARA melaksanakan pembangunan potensi usahawan desa melalui skim pembiayaan khas iaitu Skim Pembiayaan Ekonomi Desa Nano (SPED Nano). Antara objektif skim ini adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan mudah tanpa penjamin, menggalakkan penglibatan dan pembangunan masyarakat luar bandar dalam bidang keusahawanan serta menggilap potensi produk desa yang boleh diketengahkan. Sejak tahun 2018 hingga 2022, seramai 2,272 usahawan desa telah diberikan pembiayaan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM18.5juta. Manakala bagi tahun 2023, setakat bulan April, seramai 82 usahawan desa telah dibantu dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM724,000.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [ BACHOK ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [ BACHOK ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula Paras Garis Kemiskinan dan paras pendapatan miskin tegar memandangkan paras harga dan inflasi yang tinggi akhir-akhir ini berbanding tahun 2018 dan 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kerajaan sedang mengemas kini Pendapatan Garis Kemiskinan berdasarkan dapatan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2022. Survei HIES & BA ini dilaksanakan dua kali setiap lima tahun di mana sebelum ini dilaksanakan pada tahun 2019.

Survei ini dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selama setahun mulai Januari hingga Disember 2022 yang melibatkan kira-kira seramai 92,000 isi rumah terpilih. Ia mengambil kira aspek sosioekonomi semasa termasuk pendapatan, perbelanjaan, pola permintaan dan harga barangan serta perkhidmatan termasuk kesan kenaikan kos sara hidup. Survei ini dilaksanakan selari dengan amalan terbaik dan prosedur antarabangsa.

HIES & BA akan melaporkan PGK 2022 yang dikemas kini berdasarkan harga semasa. Laporan ini juga akan melaporkan statistik pendapatan isi rumah, kemiskinan serta ketidaksamarataan pada suku ketiga tahun 2023.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI  
(LUBOK ANTU)**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan prosedur serta langkah untuk memastikan kelancaran trafik dan tahap keselamatan pengguna jalanraya di sekitar kawasan lencongan jalan, jalan simpang-simpang keluar masuk yang tidak mempunyai penghadang jalan dan tapak pembinaan jajaran Lebuhraya Pan Borneo.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, prosedur-prosedur keselamatan seperti berikut diguna pakai bagi memastikan kelancaran trafik dan keselamatan pengguna jalan raya semasa pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak:

1. Prosedur Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan – TMP*) di tapak bina sepanjang pembinaan jalan raya, berpandukan kepada Piawaian Arahan Teknik JKR;
2. Akta Kilang Dan Jentera 1967, Peraturan (*Building Operation and Works of Engineering Construction - BOWEC*) 1986;
3. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan
4. Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Awam di Tapak Bina Tahun 2007.

Sekiranya terdapat kegagalan pihak kontraktor untuk mematuhi prosedur-prosedur keselamatan yang telah dinyatakan, Arahan Pemberhentian Kerja (*Stop Work Order*) akan dikeluarkan kepada kontraktor. Kerja-kerja pembinaan hanya boleh diteruskan setelah penambahbaikan dilaksanakan oleh kontraktor berdasarkan Notis Penambahbaikan (*Corrective Action Request - CAR*) oleh Pegawai Penguasa.

Selain daripada prosedur-prosedur keselamatan tersebut, pemantauan berterusan turut dilakukan oleh Kementerian serta JKR Sabah dan Sarawak selaku Pegawai Penguasa khususnya bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya khususnya di sepanjang kawasan pembinaan. Ini termasuklah pemeriksaan mengejut dan audit keselamatan jalanraya oleh pihak ketiga, iaitu Ibu Pejabat JKR

## SOALAN NO : 17

Malaysia yang diadakan mengikut keperluan dan aduan sekiranya ada.

Sekian. terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB (PARIT)**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB (PARIT)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan satu sistem yang komprehensif dalam mengesan dan memantau golongan warga emas yang tinggal bersendirian di seluruh negara bagi memastikan kebajikan mereka tidak terabai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pada masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak menggunakan sebarang sistem untuk mengesan golongan warga emas yang tinggal bersendirian.

2. Walau bagaimanapun, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang membangunkan Sistem Warga Emas Nasional (Sistem e-WEN) bagi memenuhi keperluan untuk mempunyai sistem maklumat dan data bersepadu berkaitan warga emas. Sistem ini dirancang untuk berfungsi sebagai medium pendaftaran warga emas, suai padan aktiviti atau pekerjaan dan perkongsian maklumat serta menghasilkan pemetaan warga emas di negara ini pada masa hadapan sebagai langkah menyokong penuaan aktif dan produktif selaras dengan Dasar Warga Emas Negara.

3. Dalam menyokong warga emas hidup sejahtera dan terus berada dalam persekitaran komunitinya termasuk yang tinggal bersendirian, JKJ telah mewujudkan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR@Home Help), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Bantuan Warga Emas (BWE).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN**

**[SRI GADING]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Syarikat Pharmaniaga dilaporkan mencatatkan kerugian RM 607.32 juta justeru mencetuskan kriteria PN17 yang berisiko tinggi dinyahsenarai dari Bursa Malaysia.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Syarikat Pharmaniaga telah melantik barisan EXCO yang baharu pada 14 Mac 2023 untuk mengurustadbir syarikat bagi membawanya keluar daripada status PN17, serta memastikan kelangsungan operasi syarikat.
2. Selain daripada itu, syarikat Pharmaniaga juga telah melantik Penasihat Utama iaitu MIDF Amanah Investment Bank pada 28 Mac 2023 bagi merangka Pelan Regularisasi yang dijangka dapat membawa syarikat keluar daripada status PN17. Pelan Regularisasi ini akan diumumkan di Bursa Malaysia pada bulan Ogos 2023.
3. Syarikat kini meneruskan aktiviti-aktiviti teras seperti biasa termasuk pengilangan ubat-ubatan generik, logistik dan pengedaran ubat-ubatan kepada pelanggan-pelanggan, terutamanya ke semua fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negara yang terus berjalan seperti biasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI**

**[PASIR MAS]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha Kementerian dalam merombak Proses Perolehan Pertahanan untuk mengelak daripada wujudnya unsur ketirisan, rasuah dan salah guna kuasa yang kerap berlaku dalam perolehan dan penyelenggaraan aset pertahanan.



**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan komited dalam memastikan pengurusan perolehan bagi aset strategik pertahanan Negara sentiasa diuruskan secara cekap, dinamik dan telus. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan pengawalan dan pemantauan pengurusan perolehan aset pertahanan Negara dilaksanakan secara efektif. Kawalan dan pemantauan secara berterusan dilaksanakan dengan telus supaya isu rasuah, ketirisan dan salah guna kuasa dapat dibendung dalam pengurusan perolehan kerajaan.

2. Dalam hal ini juga, Kementerian Pertahanan telah melaksanakan penguatkuasaan pematuhan terhadap Peraturan dan Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa kepada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan perolehan Kerajaan selain mensyaratkan keperluan mengikuti taklimat dan kursus yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah atau akan meminta Kerajaan China bagi membawa pulang ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low ke negara ini dan bilakah beliau akan dibawa pulang dan syarat-syaratnya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuat *Interpol Red Notice* terhadap Jho Low sejak dari tahun 2018. Jho Low telah dituduh secara *in absentia* dengan 1 pertuduhan dibawah subseksyen 28(1)(c) dan dibaca bersama Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 pada 9 Februari 2020 dan 3 pertuduhan dibawah Seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001 pada 29 Jun 2019.
2. SPRM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa luar negara bagi mendapatkan segala maklumat berkaitan dengan Jho Low. Pelbagai usaha dan rundingan menerusi saluran diplomatik sedang dilaksanakan bagi mempercepatkan proses membawa pulang Jho Low.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
[TITIWANGSA]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI [ TITIWANGSA ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) bersih dari China yang diterima Malaysia sejak 2017 hingga 2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) sentiasa komited untuk mempergiatkan aktiviti penggalakan pelaburan bagi memastikan kedudukan Malaysia kekal kompetitif.

Untuk makluman, MITI tidak merekodkan data pelaburan bersih ke dalam negara. Berdasarkan data pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), bagi tempoh tahun 2017 hingga 2022, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah penyeliaan MIDA bernilai RM793.2 bilion, melibatkan 9,439 projek dan dijangka menjana 494,248 peluang pekerjaan baharu.

Pelaburan langsung asing (FDI) kekal sebagai penyumbang utama, sebanyak RM564.4 bilion atau 71.2% manakala pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM228.8 bilion atau 28.8%.

## NO SOALAN : 22

Daripada jumlah FDI yang diluluskan bagi tempoh 2017 hingga 2022 tersebut, Republik Rakyat China (RCC) merupakan pelabur tertinggi dengan jumlah pelaburan bernilai RM143.6 bilion. Pelaburan ini melibatkan 388 projek dan akan menjana sejumlah 62,120 peluang pekerjaan baharu. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan ini, sebanyak RM63.6 billion iaitu bersamaan 44% telah direalisasikan.

Dari segi pecahan mengikut sektor, sektor perkilangan merekodkan jumlah pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM82.7 bilion atau 57.6%, melibatkan 299 projek dan 60,847 peluang pekerjaan baharu. Lima (5) industri utama dalam sektor perkilangan yang mencatatkan kelulusan pelaburan tertinggi adalah produk logam asas bernilai RM34.4 bilion (41.6%); produk petroleum termasuk petrokimia sebanyak RM13.6 bilion (16.4%); kertas, percetakan dan penerbitan sebanyak RM9.2 bilion (11.1%); barangan galian bukan logam sebanyak RM9.1 bilion (11.0%) dan produk elektrik dan elektronik sebanyak RM5.2 bilion (6.3%).

Sektor perkhidmatan pula merekodkan pelaburan sebanyak RM60.9 bilion iaitu bersamaan 42.4% melibatkan 89 projek dan 1,273 peluang pekerjaan baharu. Subsektor maklumat dan komunikasi mencatatkan kelulusan pelaburan tertinggi dengan jumlah pelaburan bernilai RM45.3 bilion (74.4%), diikuti subsektor pertubuhan global sebanyak RM14.8 bilion (24.3%); perkhidmatan sokongan sebanyak RM611.2 juta (1.00%); perkhidmatan kesihatan sebanyak RM101.4 juta (0.2%); dan hotel dan pelancongan sebanyak RM39 juta (0.1%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN  
MAN [ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) jumlah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi lawatan Perdana Menteri ke negara luar dari Januari hingga Mac 2023; dan
- (b) nyatakan hasil pelaburan yang sebenar dari lawatan tersebut.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL  
SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah terlibat dalam lawatan rasmi ke 9 buah negara. Negara-negara yang dilawati oleh YAB Perdana Menteri dan delegasi Kerajaan adalah Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, Thailand, Turkiye, Filipina, Arab Saudi, Kemboja dan Republik Rakyat China.

2. Misi utama yang digalas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan antara lain adalah bagi meyakinkan bakal-bakal pelabur untuk melabur di Malaysia di samping memperkukuh, mendalami dan memperluas kerjasama dua hala di antara Malaysia dan negara-negara yang telah dilawati, terutamanya dalam sektor kebudayaan dan pelancongan ke arah menggalakkan perhubungan yang lebih akrab dalam kalangan rakyat dan pertumbuhan sosio ekonomi yang mampan, serta memupuk persefahaman yang lebih jitu di antara kedua-dua buah negara.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan rasmi dan persidangan antarabangsa ini merupakan satu platform yang terbaik bagi mempromosikan Malaysia serta mampu memberi maklumat terkini kepada komuniti perniagaan antarabangsa terhadap kedudukan ekonomi dan persekitaran perniagaan di Malaysia. Di antara program yang dilaksanakan sepanjang lawatan rasmi ini termasuklah mesyuarat tertutup bersama bakal pelabur, seminar dan mesyuarat meja bulat.

4. Semasa Lawatan Rasmi ke Arab Saudi dari 22 hingga 24 Mac 2023, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyaksikan pemeteraian dan pertukaran memorandum persefahaman/kerjasama di antara syarikat-syarikat Malaysia dan Arab Saudi antaranya melibatkan kerjasama bagi pengeluaran cip untuk semi-konduktor termasuk pembukaan kilang di Negeri Sembilan dan di Arab Saudi serta aspek latihan kepada Jemaah Haji di 23 buah negara di rantau Asia dengan anggaran kos pelaburan berjumlah USD 50,000,000.00.

5. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengadakan lawatan rasmi ke Kemboja pada 27 Mac 2023 bagi memenuhi jemputan daripada TYT Hun Sen, Perdana Menteri Kemboja. Dalam hal ini, kedua-dua Pemimpin menyaksikan penandatanganan 2 Memorandum Persefahaman yang ditandatangani oleh YB Menteri Sumber Manusia bagi pihak Kerajaan Malaysia serta Menteri Buruh dan Latihan Vokasional Kemboja, bagi pihak Kerajaan Kemboja seperti berikut:

- (i) Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kemboja berhubung Pengambilan, Penggajian dan Penghantaran Pulang Pekerja Domestik; dan
- (ii) Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kemboja berhubung Pengambilan, Penggajian dan Penghantaran Pulang Pekerja.

6. Misi-misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan serta lawatan rasmi ini telah berjaya menarik **potensi pelaburan dianggarkan berjumlah RM184.73 billion** dan **potensi eksport berjumlah RM3.22 billion**.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**TUAN CHOW YU HUI [RAUB]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia membenteng dan membahar laporan tahunan SUHAKAM di Dewan Rakyat bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 serta garis masa bagi pembentangan tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menjamin ketelusan serta pemerkasaan isu-isu yang melibatkan hak asasi manusia di Malaysia, Kerajaan Perpaduan sentiasa komited dalam memastikan Laporan Tahunan SUHAKAM untuk dibentangkan dalam sidang Parlimen. Perkara ini adalah selaras dengan keperluan seperti yang telah ditetapkan di bawah peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*].
2. Untuk makluman Yang di-Pertua, pihak Kerajaan akan membentangkan Laporan Tahunan SUHAKAM bagi tahun 2020 semasa Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Ke-15 yang akan berlangsung dari 22 Mei sehingga 15 Jun 2023.
3. Manakala, Laporan Tahunan SUHAKAM bagi tahun 2021 dijangka akan dibentangkan semasa Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ke-15, tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri. Laporan Tahunan SUHAKAM bagi tahun 2022 pula akan diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri sebaik sahaja ianya dimuktamadkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyemak semula tempoh untuk dilantik perjawatan tetap bagi kakitangan kontrak daripada tempoh antara 10-15 tahun kepada tempoh yang lebih singkat.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar semasa lantikan dan pengisian ke dalam Perkhidmatan Awam memfokuskan kepada penggunaan sumber manusia secara optimum bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 – Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam menerapkan tiada pewujudan jawatan baharu serta pengisian jawatan terkawal. Dalam hubungan ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menyemak semula tempoh perkhidmatan pegawai lantikan kontrak untuk dilantik ke jawatan tetap, ataupun mana-mana dasar pengambilan pekerja kontrak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Akta Pemberi Maklumat 2010 akan ditambah baik dalam sidang ini yang melibatkan Seksyen-Seksyen 6, 8 dan 11 untuk :-

- (a) memperluaskan badan yang berkelayakan untuk menerima aduan pemberi maklumat; dan
- (b) menubuhkan sebuah agensi bebas untuk mengkoordinasikan Akta tersebut dan memastikan pemberi maklumat dilindungi.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah berhasrat untuk melaksanakan penambahbaikan dan pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*] bagi memperkasakan akta tersebut dan merealisasikan visi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 untuk mewujudkan negara bebas rasuah.

## NO. SOALAN: 26

Kerajaan kini dalam proses akhir untuk mendapatkan keputusan dasar berhubung cadangan pindaan kepada Akta 711. Cadangan penambahbaikan dan pindaan yang sedang dipertimbangkan adalah:

- i. Menambah baik definisi “kelakuan tidak wajar” dan “Agensi Penguatkuasaan” di bawah peruntukan seksyen 2;
- ii. Memperkukuhkan peruntukan seksyen 6 mengenai pendedahan “kelakuan tidak wajar”;
- iii. Mewujudkan peruntukan berhubung “mekanisme aduan dalaman”;
- iv. Mencadangkan penubuhan satu agensi berpusat yang bertanggungjawab menyelaraskan Akta dan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat;
- v. Memperjelaskan peruntukan seksyen 8 dan seksyen 14 berkaitan “tindakan yang memudaratkan”;
- vi. Memperincikan peruntukan seksyen 11 berhubung pembatalan perlindungan; dan
- vii. Mempertimbangkan penentuan skala bagi ganjaran di bawah seksyen 26.

2. Penambahbaikan kepada seksyen 6, seksyen 8 dan seksyen 11 adalah antara cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

3. Kerajaan amat berharap agar melalui cadangan penambahbaikan dan pindaan ini, tindakan perlindungan kepada pemberi maklumat di bawah Akta 711 ini akan menjadi lebih komprehensif dan efektif sekaligus membantu dalam menjayakan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas rasuah dan salah laku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID  
[PADANG TERAP]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi isu capaian rangkaian internet dan telekomunikasi di sesetengah kawasan pendalaman yang semakin teruk, sedangkan caj yang dikenakan pembekal perkhidmatan amat tinggi namun tidak setimpal dengan mutu perkhidmatan yang diberikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk mengatasi masalah isu capaian rangkaian internet dan komunikasi, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau perkhidmatan jalur lebar di kawasan berpenduduk di seluruh negara. Bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan pemberi perkhidmatan adalah mengikut standard mandatori yang ditetapkan, SKMM sentiasa mengadakan audit kualiti perkhidmatan secara berkala. Hasil dapatan daripada audit tersebut dimaklumkan kepada pihak pemberi perkhidmatan untuk tindakan penambahbaikan rangkaian mereka. Kegagalan pemberi perkhidmatan mematuhi Arahan Suruhanjaya ini boleh dikenakan penalti sehingga RM200,000 di bawah seksyen 109, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Pada tahun 2022, 3,080 lokasi telah diaudit oleh SKMM. Sebanyak 229 Arahan Suruhanjaya telah dikeluarkan kepada pemberi perkhidmatan yang melibatkan 214 lokasi berbeza. Bagi tahun 2023, SKMM menyasarkan untuk mengaudit 4,000 lokasi di seluruh negara di mana sehingga 12 Mei 2023, sebanyak 1,075 lokasi telah diaudit dan kini dalam proses analisis.

Selain daripada itu, inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dilancarkan pada tahun 2020 dan masih lagi berjalan merupakan salah satu usaha untuk menambahbaik capaian internet di seluruh negara termasuklah di Parlimen Padang Terap. Maklum balas daripada orang awam bagi kawasan yang mempunyai masalah perkhidmatan amatlah dialukan bagi membolehkan tindakan selanjutnya boleh diambil. Sebarang aduan boleh disalurkan terus kepada portal aduan SKMM menerusi pautan laman web berikut <https://aduan.skmm.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) status semasa Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen; dan
- b) menyediakan garis masa yang jelas untuk membentangkan Rang Undang-undang tersebut.



**JAWAPAN**

**YB DATO SRI AZALINA BINTI OTHMAN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORANSI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU, JPM) bersama wakil-wakil dari Kementerian dan Agensi Pusat telah mengadakan taklimat berhubung cadangan pewujudan perkhidmatan Parlimen dan cadangan pindaan terhadap Akta Majlis (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 kepada Yang Dipertua Dewan Negara dan Yang Dipertua Dewan Negara pada 16 Mac 2023.
2. Kerajaan sedang dalam proses memuktamirkan dasar berhubung Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen dan Cadangan Pindaan kepada Akta Majlis (Keistimewaan dan Kuasa) 1952.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI  
MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini penerima bantuan di dalam pangkalan data eKasih.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga **15 Mei 2023**, seramai **1,818,234 isi rumah** telah direkodkan dalam Sistem eKasih dengan pecahan kategori **Ketua Isi Rumah (KIR)** seramai **417,297** orang dan **Ahli Isi Rumah (AIR)** seramai **1,400,937** orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **9,359,344 bantuan** telah disalurkan dengan nilai berjumlah **RM14.34 bilion**.
2. Sistem eKasih adalah Bank Data Kemiskinan Nasional yang telah dibangunkan dan diguna pakai oleh Kerajaan bermula tahun 2008 untuk membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan selain mengintegrasikan data dan maklumat isi rumah di bawah pendapatan garis kemiskinan. Tindakan ini adalah selaras dengan keputusan **Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Ogos 2007 dan 31 Oktober 2007**.
3. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2019 (*Household Income Survey 2019*). PGK semasa (2019) adalah RM2,208 berbanding PGK terdahulu (2016) iaitu RM980.
4. Dengan adanya Sistem eKasih ini memberi ruang kepada semua agensi pemberi bantuan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan mengakses data/ maklumat kemiskinan yang sama di peringkat Persekutuan dan Negeri. Selain itu, setiap kementerian/ agensi juga bertanggungjawab untuk mengemas kini maklumat bantuan yang telah disalurkan di dalam sistem eKasih secara konsisten.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah pengambilan untuk program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau NPQEL dilaksanakan. Apakah terdapat had yang ditetapkan untuk peserta NPQEL daripada setiap aliran sekolah (SK, SJKC dan SJKT) dan bagaimana mengatasi masalah ada calon yang telah menunggu lama untuk mengikuti kursus NPQEL ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi urusan penempatan ke jawatan pengetua atau guru besar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewajibkan calon untuk mengikuti dan lulus Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) di bawah kendalian Institut Aminuddin Baki. Program ini bertujuan menilai kompetensi calon dalam aspek kepimpinan, pengurusan dan kewangan.

Proses kerja pengambilan untuk program NPQEL terbahagi kepada tiga peringkat kerja iaitu:

**Peringkat pertama:**

- i. mendapatkan unjuran keperluan latihan calon Pengetua dan Guru Besar (PGB) yang tepat bagi tahun berikutnya daripada Bahagian di KPM yang mempunyai sekolah di bawah seliaan serta daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN);
- ii. membuat hebahan iklan permohonan NPQEL melalui portal KPM di dalam sistem Modul Penggantian Pemimpin sekolah (MPPS); dan
- iii. pemohon membuat permohonan dalam tempoh 30 hari dari tarikh iklan dikeluarkan.

**Peringkat kedua:**

- i. calon yang berjaya disenarai pada tapisan awal perlu menghadiri sesi pentaksiran; dan
- ii. calon yang melepasi kesemua proses pentaksiran yang dilaksanakan oleh Panel Pemilih di peringkat Bahagian dan JPN akan dihantar kepada KPPM untuk diperakukan.

**Peringkat ketiga:**

- i. KPM akan mengeluarkan surat arahan menghadiri Program NPQEL kepada calon yang diperakui KPPM dalam Sistem Modul Penggantian Pemimpin Sekolah (MPPS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak menetapkan sebarang had (kuota) untuk calon daripada setiap aliran sekolah (SK, SJKC dan SJKT) mengikuti kursus NPQEL. Tempat yang ditawarkan setiap tahun adalah berdasarkan bilangan keperluan calon pengetua atau guru besar di setiap JPN.

Bagi mengatasi masalah calon daripada menunggu lama untuk ditawarkan mengikuti kursus NPQEL ini, bahagian di KPM yang mempunyai sekolah di bawah seliaan serta jabatan pendidikan negeri dibenarkan untuk memperakukan calon simpanan yang berkecukupan mengikuti kursus NPQEL pada ambilan yang berikutnya. Manakala, bagi calon yang gagal dalam tapisan awal dan sesi pentaksiran pula dibenarkan untuk membuat permohonan untuk ambilan yang berikutnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [ KAPAR ]

TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)

**SOALAN**

**DR. HAJAH HALIMAH ALI [ KAPAR ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah faktor-faktor kegagalan Malaysia sehingga tidak berjaya seiring dengan Korea Selatan dan Singapura yang telah berjaya menjadi '*high income nation*' dengan mentransformasi ekonomi kepada perkhidmatan dan '*knowledge economy*' walaupun bermula pada tahap yang sama pada tahun 1960-an.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penentuan status negara berpendapatan tinggi adalah berasaskan tahap minimum pendapatan negara kasar (PNK) per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia. Peralihan daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi memerlukan perubahan struktur ekonomi secara holistik disumbang oleh ekonomi berasaskan pengetahuan dan pembangunan industri berimpak tinggi. Selain itu, sektor perkhidmatan bernilai tambah yang tinggi akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara secara keseluruhan dan mencapai status negara maju dengan tempoh yang singkat.

Secara amnya, ekonomi Malaysia telah berkembang dengan baik melalui peralihan struktur daripada ekonomi berasaskan pertanian dan komoditi kepada pembuatan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang mengekang pertumbuhan ekonomi negara seperti ketidaktentuan persekitaran dan krisis ekonomi global yang menyebabkan Malaysia masih belum dapat keluar daripada kategori negara berpendapatan pertengahan sejak tahun 1992.

Antara faktor yang menjadi punca utama keadaan ini adalah tahap produktiviti yang rendah, pasaran modal yang terhad, kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta tahap inovasi dan R&D yang rendah. Kebergantungan tinggi terhadap pekerja berkemahiran rendah telah mengakibatkan kenaikan upah dan gaji yang perlahan di Malaysia, seterusnya menyukarkan mencapai negara berpendapatan tinggi. Selain itu, Malaysia masih belum bersedia sepenuhnya untuk bersaing dengan negara berpendapatan tinggi dari segi kemajuan teknologi.

Sebagai perbandingan, tahap produktiviti setiap pekerja di Malaysia masih jauh ketinggalan, iaitu AS\$63.6 pada tahun 2021 berbanding di Korea Selatan (AS\$92.0) dan Singapura (AS\$176.2). Keadaan ini membolehkan bahagian pampasan pekerja (CE) kepada KDNK yang



tinggi di Korea Selatan iaitu 52.5% dan Singapura 38.2%, berbanding di Malaysia 34.8% pada tahun 2021.

Selain itu, kedua-dua negara tersebut sentiasa mengekalkan tahap inovasi dalam ekonomi serta membangunkan barangan berteknologi tinggi. Mengikut laporan *Global Innovation Index* (GII) tahun 2021, Korea Selatan dan Singapura berada di kedudukan ke-5 dan ke-8 daripada 121 negara, berbanding dengan Malaysia di kedudukan ke-36. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK di Korea Selatan dan Singapura juga telah melonjak masing-masing daripada 39.9% dan 65.0% pada tahun 1970 kepada 57.0% di Korea dan 69.4% di Singapura. Manakala bagi Malaysia, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK, iaitu daripada 30.5% pada tahun 1970 meningkat kepada 57.1% pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, peningkatan sektor perkhidmatan di Malaysia masih tertumpu kepada sektor perkhidmatan tradisional seperti subsektor perdagangan borong dan runcit; makanan, minuman dan penginapan; serta pengangkutan dan penyimpanan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pencapaian ekonomi semasa, Malaysia dianggar akan mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2026, sekiranya kadar pertumbuhan kekal berada pada kadar 4% hingga 5% bagi tempoh tiga tahun akan datang. Bank Dunia pula menganggarkan Malaysia akan mencapai status tersebut antara tahun 2024 hingga 2028.

Dalam hubungan ini, Kerajaan komited untuk melaksanakan usaha mereformasi struktur ekonomi ke arah rantai nilai yang lebih tinggi bagi mengukuhkan pertumbuhan dan meningkatkan produktiviti dalam semua sektor. Selain itu, penekanan akan diberi kepada sumber pertumbuhan baharu daripada sektor strategik dan berimpak tinggi, antaranya industri elektrik dan elektronik (E&E), perkhidmatan global, aeroangkasa, industri kreatif, pelancongan, halal, biojisim dan aktiviti

pertanian pintar. Penekanan akan diberikan untuk meningkatkan penerimgunaan teknologi dan pendigitalan, termasuk pusat data, tenaga boleh ubah termasuk solar, kenderaan elektrik dan teknologi bateri.

Selain itu, penekanan akan diberi kepada pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan membolehkan pelaksanaan gaji minimum yang akan memberi manfaat kepada golongan pekerja. Dalam hubungan ini, pembangunan ekosistem bakat berkualiti akan terus diperkasa melalui program atau aktiviti bagi merapatkan jurang kemahiran serta memperkukuh kerjasama strategik antara industri dan akademia. Usaha ini penting untuk menangani isu kekurangan pekerja mahir dalam menyokong peralihan sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi.

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan ekonomi negara kekal kukuh, berdaya tahan dan mampan tanpa menjejaskan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Semua strategi dan inisiatif yang sedang dan akan dilaksana diharap akan dapat memastikan kestabilan ekonomi negara dan meningkatkan kuasa beli rakyat secara menyeluruh. Fokus kepada pelaksanaan strategi dan inisiatif ini juga diharap dapat mempercepat pencapaian ke arah negara berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI  
(IGAN)**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)**

**TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI (IGAN)** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah perjanjian di antara Felcra Bhd dengan pemilik tanah di kawasan Matu akan berakhir dan bilakah ianya akan diserahkan balik kepada pemiliknya kerana ramai di kalangan pemilik tanah ini tidak menerima dividen langsung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Klausula dalam Perjanjian Peserta-FELCRA Perkara 1 yang dipersetujui peserta ialah “Peserta dengan ini memberi sepenuh kuasa kepada FELCRA memasuki Tanah tersebut termasuk semua kakitangan dan pekerja-pekerja FELCRA dan juga jentera-jentera, alat-alat dan bahan-bahan yang perlu untuk menjalankan segala kerja-kerja yang perlu bagi maksud memulih dan memajukan Tanah tersebut sehingga tamatnya Perjanjian ini. Tarikh permulaan kerja diatas Tanah tersebut adalah tertakluk kepada masa dan jadual Pembangunan yang akan ditetapkan oleh FELCRA dari masa ke semasa”.

Lazimnya, penyerahan semula projek kepada peserta dibuat setelah baki hutang peserta selesai dalam tempoh 25 tahun atau 1 pusingan hayat pembangunan sawit. Namun begitu, dalam konteks projek di kawasan Matu terdapat situasi dimana masih terdapat baki hutang tertunggak yang belum diselesaikan. Sehubungan dengan itu, penyerahan projek kepada peserta tidak dapat dilaksanakan lagi.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN  
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan:-**

- a) adakah Kementerian menjalin kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam memantau kebajikan mahasiswa khususnya di negeri Perlis, Sabah dan Kelantan yang dikatakan masih tidak mempunyai elaun kerja setimpal semasa menjalankan latihan industri; dan
- b) Adakah Kementerian ada perancangan untuk mencadangkan agar diperkenal rang undang-undang khas dalam melindungi mahasiswa daripada menjadi buruh percuma sedangkan mereka menjalani latihan industri bagi memenuhi keperluan bergraduat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2010, KPT telah mengeluarkan **Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi (IPT)** yang bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan latihan industri yang terdapat di IPT agar lebih seragam pada ketika itu.
2. Dasar tersebut menyatakan bahawa latihan industri adalah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian di IPT iaitu Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.
3. Antara objektif pelaksanaan latihan industri ialah untuk menghasilkan pelajar yang tersedia industri (*industry-ready*) dengan kemahiran teknikal dan insaniah yang diperlukan serta mempertingkatkan kebolehpasaran graduan ke pasaran pekerjaan setelah menamatkan pengajian.
4. Lanjutan daripada itu, Kementerian **telah menjalinkan kerjasama bersama Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam satu usaha kolaboratif iaitu *National Structured Internship Programme (MySIP)*** yang diterajui oleh TalentCorp, sebuah agensi di bawah KSM. Pelaksanaan MySIP adalah salah satu usaha dalam memberi pengalaman latihan industri berstruktur yang bermakna dan relevan dengan industri kepada pelajar.
5. Menerusi MySIP, syarikat atau organisasi yang terlibat dan menawarkan latihan industri dikehendaki untuk membayar elaun minimum sebanyak RM600 bagi pelatih Ijazah Sarjana Muda dan RM500 bagi pelatih Diploma atau SKM Tahap 1 hingga Tahap 5 atau yang setara dengannya.

6. Inisiatif seperti ini sedikit sebanyak mampu mempengaruhi peningkatan pembayaran elaun latihan industri kepada pelatih. Berdasarkan laporan "*The Internship Experience and its Returns: Effects on Young Bachelors' Employability*" oleh Khazanah Research Institute (KRI), **walaupun Kelantan, Perlis, dan Sabah adalah tiga negeri terbawah yang mencatatkan pembayaran elaun latihan industri yang tidak setimpal, namun terdapat peningkatan peratus pembayaran elaun latihan di ketiga-tiga negeri tersebut pada tahun 2019 berbanding tahun 2010.**
  
7. **Kementerian sedang dalam perancangan untuk menambah baik Dasar Latihan Industri IPT sedia ada sejajar dengan perkembangan terkini dalam sistem pendidikan tinggi dan juga Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).**
  
8. Kementerian juga sedang meneliti isu-isu berkaitan latihan industri seperti yang dibangkitkan melalui pelaksanaan kajian impak dan hala tuju Dasar Latihan Industri IPT serta mengadakan sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan. Hasil dapatan daripada kajian tersebut akan membantu Kementerian untuk membangunkan Dasar Latihan Industri yang baharu yang selaras dengan keperluan semua pihak berkepentingan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN  
WAN CHIK [ BALIK PULAU ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN :**

minta PERDANA MENTERI menyatakan rancangan Kementerian untuk mengambil kira universiti swasta sebagai universiti yang diiktiraf dalam senarai penerima pinjaman/biasiswa daripada JPA.



**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah bertujuan untuk membekalkan tenaga terlatih bagi memenuhi bukan sahaja keperluan di sektor awam tetapi juga di sektor swasta. JPA akan menaja pelajar yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh JPA.
2. Kriteria IPT yang diambil kira sebagai universiti yang diiktiraf dalam senarai penerima pinjaman/biasiswa daripada JPA adalah:
  - a. Mendapat akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
  - b. Mencapai 5 dan 6 bintang bagi Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA); dan
  - c. Diiktiraf oleh Badan Profesional (sekiranya berkaitan).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO` MAHIADDIN  
BIN MOHD YASSIN [PAGOH]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TAN SRI DATO` MAHIADDIN BIN MOHD YASSIN [ PAGOH ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan butiran komitmen pelaburan dari China bernilai RM170 bilion yang telah pun diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melibatkan 19 Perjanjian Persefahaman (MoU) pada awal bulan April 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bertindak melaksanakan Misi Perdagangan dan Pelaburan (*Trade and Investment Mission - TIM*) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam usaha menarik pelaburan yang berkualiti ke dalam negara dan meningkatkan prestasi perdagangan antarabangsa. Lazimnya, TIM memberi tumpuan untuk memuktamadkan cadangan pelaburan dan perdagangan bernilai tinggi serta mampu mewujudkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi.

Semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China (RRC) dari 29 Mac hingga 1 April 2023, MITI telah mengaturkan dua program perniagaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Pertama ialah sesi Meja Bulat yang dihadiri oleh pemimpin

industri dan ketua perniagaan RRC daripada sektor pembuatan dan perkhidmatan yang merangkumi 36 buah syarikat dari industri pembuatan telah menghasilkan komitmen pelaburan bernilai RM100.33 bilion.

Kedua, Forum Perniagaan Malaysia-China yang dihadiri lebih daripada 1,000 pemimpin-pemimpin perniagaan dari Malaysia dan RRC memberi peluang berinteraksi dan berkongsi pandangan dengan YAB Perdana Menteri mengenai idea baharu, isu dan cabaran ekonomi semasa. Di Forum Perniagaan tersebut, YAB Perdana Menteri telah menyaksikan pertukaran 19 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian *business-to-business* (B2B) antara syarikat-syarikat Malaysia dan RRC dengan potensi pelaburan berjumlah RM69.74.

Kerajaan melalui MIDA sedang giat melaksanakan perundingan aktif dengan syarikat-syarikat berpotensi ini dan memfasilitasi sepenuhnya bagi memastikan keputusan pelaburan dapat dimuktamadkan dan direalisasikan secepat mungkin. Pemantauan kemajuan projek pelaburan telah menjadi agenda tetap di dalam Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Mesyuarat MPN pertama telah diadakan pada 19 Mei 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI  
BIN HANAPI (BERSARA)**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan pegawai khidmat lantikan kontrak bagi setiap pejabat Menteri dan Timbalan Menteri serta kos semasa yang sedang ditanggung oleh Kerajaan buat masa ini, selari dengan langkah penjimatan dan pengurangan pembaziran wang oleh Kerajaan semasa perkara ini harus lebih dilihat "*transparent*" dengan izin.

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan pegawai secara kontrak di pejabat Menteri dan Timbalan Menteri adalah berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2018 (PP 2/2018)- Perjawatan dan Urusan Perkhidmatan di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri**. Sehingga kini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah melantik secara kontrak seramai **129 orang** pegawai di pejabat Menteri dan Timbalan Menteri. Bilangan jawatan di luar daripada yang diperuntukkan dalam PP 2/2018 yang dilantik secara kontrak di pejabat Menteri dan Timbalan Menteri adalah seramai **tiga orang** berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 (PP 2/2008) – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*)**.

Pelantikan secara kontrak pegawai-pegawai tersebut adalah berdasarkan perjawatan dan gred yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kos peruntukan pembayaran gaji di setiap kementerian yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK  
BEGRI [BETONG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan komitmen, inisiatif serta strategi Kementerian untuk menentukan segala program dan belanjawan tahun ini untuk kumpulan sasar seperti pengusaha mikro, kecil dan sederhana bagi meningkatkan ekonomi mereka akan dilaksanakan dengan efektif dan berkesan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah diperuntukkan sebanyak RM732 juta di bawah Belanjawan 2023. Dalam hal ini, kementerian ini komited dalam melaksanakan inisiatif yang telah digariskan di bawah perancangan Belanjawan 2023 dengan efektif dan berkesan serta memastikan peruntukan ini dapat dimanfaatkan oleh usahawan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta koperasi di semua peringkat kumpulan sasar.
2. Kementerian ini juga telah menjajarkan inisiatif yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dengan pelaksanaan 185 program/projek di bawah Pelan Strategik Kementerian 2023 yang merangkumi aspek penggubalan dasar, tadbir urus dan kawal selia, pembangunan kapasiti, akses pembiayaan, akses pasaran, adaptasi teknologi dan pengukuhan penyampaian perkhidmatan. Pelaksanaan kesemua program/projek tersebut dijangka akan memanfaatkan 543,080 individu di seluruh negara yang terdiri daripada usahawan dan bakal usahawan, PMKS, koperasi, perusahaan sosial, *start-up*, usahawan informal serta belia dan graduan.
3. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KUSKOP dan agensinya di bawah Belanjawan 2023 ialah:
  - (i) penyediaan kemudahan pinjaman dan pembiayaan kredit mikro di bawah TEKUN Nasional sebanyak RM330 juta termasuk RM10 juta untuk membantu belia daripada keluarga susah meraih pendapatan melalui perniagaan. Sehingga kini, sebanyak RM25.9 juta telah disalurkan melibatkan seramai 1,580 usahawan;
  - (ii) pelaksanaan pelbagai program keusahawanan di bawah SME Corp dengan peruntukan sebanyak RM89 juta. Sehingga kini,

## SOALAN NO : 37

semua 9 buah program tersebut sedang dilaksanakan yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM15.71 juta;

- (iii) penyediaan ruang niaga yang strategik kepada usahawan PKS dan penjaja kecil di bawah program Malaysia Entrepreneur Hub oleh UDA Holdings bernilai RM30 juta yang dijangka mula beroperasi pada bulan Julai 2023;
- (iv) program latihan dan bimbingan keusahawanan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dengan peruntukan sebanyak RM10 juta dan sehingga kini sebanyak 29 program telah dilaksanakan melibatkan 1,715 orang penerima manfaat dengan peruntukan sebanyak RM1.34 juta; dan
- (v) Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebanyak RM5 juta. Sehingga kini, sebanyak 15 koperasi telah menerima pembiayaan di bawah program ini dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.49 juta.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN  
[TASEK GELUGOR]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bersetuju Kerajaan Negeri boleh mempunyai undang-undang yang bercanggah dengan Kerajaan Persekutuan, contohnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menggunakan undang-undang yang amat berbeza dengan Persekutuan dalam hal lompat parti.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Fasal (1) Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama bagi Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.

2. Fasal (3) dan (4) Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa kesahan mana-mana undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan mana-mana Negeri tidak boleh dipersoalkan atas alasan bahawa undang-undang itu membuat peruntukan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berkenaan dengannya Badan Perundangan Negeri itu tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang, kecuali dalam prosiding untuk mendapatkan suatu penetapan bahawa undang-undang Negeri itu adalah tidak sah atas alasan itu atau dalam prosiding antara Persekutuan dengan Negeri yang terlibat. Prosiding untuk mendapatkan penetapan bahawa sesuatu undang-undang Negeri itu adalah tidak sah (kecuali bagi antara Persekutuan dengan Negeri) tidak boleh dimulakan tanpa kebenaran hakim Mahkamah Persekutuan.

3. Berdasarkan Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan, sekiranya terdapat ketidakselarasan antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri, maka undang-undang Persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang Negeri dan undang-undang Negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu.

4. Pemakaian Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan dapat diperhatikan dalam kes *Ah Thian v. Government of Malaysia [1976] 2 MLJ 112* (Mahkamah Persekutuan) dan *Government State of Penang & Anor*

*v. Government of Malaysia & Anor [2014] 7 CLJ 861* (Mahkamah Persekutuan).

5. Persoalan sama ada suatu undang-undang Negeri adalah bercanggah dengan Kerajaan Persekutuan atau *ultra vires* Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan merupakan suatu persoalan undang-undang yang hanya boleh diputuskan oleh mahkamah.

6. Dalam hal berkenaan dengan undang-undang lompat parti di Negeri Pulau Pinang, Mahkamah Persekutuan dalam penghakiman bertarikh 3 Ogos 2022 telah pun memutuskan antara lain bahawa Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang tidak bercanggah dengan perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan kerana Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang mengenai larangan melompat parti yang menyentuh kelayakan seseorang ahli Dewan Undangan Negeri dan keupayaan seseorang ahli Dewan Undangan Negeri (*an elected representative*) untuk menukar parti politik adalah tidak tergolong dalam hak seseorang warganegara untuk membentuk persatuan yang dinyatakan dalam perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, dan sebaliknya ia merupakan sebahagian daripada perkara dalam sistem demokrasi berparlimen (perenggan 8 dan 12 *Broad Judgment*). Kes tersebut dihantar kembali untuk pendengaran di Mahkamah Tinggi (antaranya kes *Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq & Anor v Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang & Anor [2023] MLJU 438* di perenggan 3 dan kes *Zulkifli bin Ibrahim v Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang & Anor [2022] MLJU 3230* di perenggan 11-12).

7. Di peringkat Persekutuan, pada tahun 2022, Parlimen telah meluluskan undang-undang berhubung dengan larangan melompat parti melalui pindaan antara lain kepada Perkara 10 dan peruntukan baharu Perkara 49A Perlembagaan Persekutuan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 [*Akta A1663*] dan pindaan tersebut telah berkuat kuasa pada 5 Oktober 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN  
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apa usaha Kerajaan mengembangkan penggunaan *Artificial Intelligence* dalam meningkatkan pertahanan negara dalam mendepani ancaman masa depan yang lebih mencabar.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa peka kepada ancaman terhadap kedaulatan dan keamanan negara terutamanya melibatkan kawasan sempadan negara. Selaras dengan hala tuju strategi pertahanan negara seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP), keupayaan aset pertahanan berteknologi tinggi dan penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) dalam operasi ATM sedang dipertingkatkan supaya lebih bersedia dengan sebarang bentuk ancaman masa hadapan.
2. Pihak ATM juga sedang melaksanakan pelan pembangunan keupayaan keseluruhan domain darat, laut, udara dan siber melalui perancangan Angkatan Masa Hadapan (AMH) yang tidak hanya tertumpu kepada penggantian aset lama, tetapi turut melibatkan peningkatan teknologi terkini untuk memperkasakan sistem pertahanan negara mengikut keutamaan berpandukan kepada Strategi Ketenteraan Negara 2.0 (SKN 2.0) dan Rancangan Pembangunan Keupayaan ATM atau dikenali sebagai *Fourth Dimension of Malaysian Armed Forces* (4D MAF).
3. Pembangunan keupayaan ATM ini merupakan program peningkatan secara berterusan melalui perolehan aset dan kelengkapan pertahanan yang berteknologi tinggi. Namun begitu, perancangan pembangunan dan pemodenan aset ATM ini tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan dalam setiap Rancangan Malaysia dan ianya sentiasa diselaraskan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan daripada lebih 37,000 usahawan yang gulung tikar kesan daripada pandemik COVID-19 yang berpanjangan, berapa ramai usahawan yang telah berjaya dibantu dan berapa ramai yang berjaya bangkit semula memulakan perniagaan dengan berjaya serta apa sokongan Kementerian untuk memastikan usahawan usahawan mendapat motivasi secukupnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa komited dalam usaha membantu usahawan untuk bangkit semula dan meneruskan kelangsungan perniagaan mereka. Bagi tahun 2020 hingga 2021, KUSKOP telah melaksanakan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang merangkumi 29 program jangka pendek dan sederhana untuk membantu usahawan dan koperasi yang terjejas teruk berikutan pandemik COVID-19 dan penutupan sektor ekonomi negara pada ketika itu. Pelaksanaan program-program di bawah Pelan Pemulihan ini telah memanfaatkan lebih 20,000 usahawan dan koperasi.

## SOALAN NO : 40

2. Pada tahun 2022, KUSKOP meneruskan sokongan bersasar dalam memulihkan usahawan melalui pelaksanaan 183 program di bawah Pelan Strategik KUSKOP. Pada tahun ini, KUSKOP terus komited untuk memulihkan sektor keusahawanan melalui intervensi bersasar di bawah Pelan Strategik KUSKOP 2023 yang mengandungi 185 program dan dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 543,080 usahawan dan bakal usahawan. Setakat 30 April 2023, seramai 196,621 usahawan telah dibantu melalui pelaksanaan pelbagai program keusahawanan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP.

3. KUSKOP juga akan meningkatkan program libat urus secara bersemuka untuk lebih responsif terhadap keluhan usahawan di lapangan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan efektif. Malah, usahawan turut digalakkan melayari platform sehenti dalam talian MyAssist MSME bagi mendapatkan khidmat nasihat dalam talian daripada kaunselor perniagaan (MeetMe), perkhidmatan padanan perniagaan, peluang memasarkan produk atau perkhidmatan melalui ePameran dan maklumat berkenaan program atau bantuan yang ditawarkan oleh agensi pembangunan keusahawanan.

4. Selain itu, agensi-agensi di bawah KUSKOP yang menawarkan bantuan kewangan seperti TEKUN Nasional, AIM dan SME Corp tidak mengambil kira penilaian CTOS dan CCRIS dalam menawarkan pinjaman dan geran kepada usahawan yang menggunakan dana kerajaan. Walau bagaimanapun, tindakan yang diambil ini hanya melibatkan agensi-agensi di bawah KUSKOP sahaja. Pelaksanaan yang melibatkan agensi pembiaya di luar KUSKOP, adalah tertakluk kepada tata kelola agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB  
( PARIT )**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB (PARIT)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha drastik oleh Kementerian bagi mengatasi masalah pembuangan bayi yang masih serius pada ketika ini.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius mana-mana kes pembuangan bayi. Dalam usaha untuk membendung kejadian buruk seperti ini, tanggungjawab ini bukanlah terletak di bahu KPWKM semata-mata, tetapi kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan serta masyarakat perlu dimainkan bersama bagi mencapai objektif ini dengan lebih berkesan.

2. Di pihak KPWKM sendiri, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan melalui agensi-agensinya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), antaranya termasuklah:

- i. Melancarkan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2022 - 2025 pada 8 September 2022. Dasar ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial manakala Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan pula menjadi panduan tindakan bersepadu pelbagai pihak yang berkepentingan untuk melaksanakan program dan aktiviti;
- ii. Mewujudkan Pusat Remaja kafeTEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja. Sehingga kini, terdapat 18 buah Pusat Remaja kafeTEEN beroperasi di seluruh negara dan disokong oleh Trak KafeTEEN *Outreach* untuk capaian di kawasan yang lebih luas;
- iii. Memperluaskan Program Advokasi Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial melalui Kempen '*Jangan Malu Ambil Tahu, Jangan Malu Bagi Tahu*' bagi memupuk resiliensiti dan jati

## SOALAN NO : 41

diri remaja serta menjaga batas pergaulan serta mendidik remaja mengenai ilmu dan kefahaman tentang kesan negatif hubungan seks sebelum nikah;

- iv. Mewujudkan perkhidmatan Talian Kasih 15999 (dahulu dikenali sebagai Talian NUR) bagi membolehkan orang awam membuat sebarang aduan termasuk kes pembuangan bayi. Remaja atau wanita yang mengandung luar nikah juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling melalui Talian Kasih 15999 bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dalam aktiviti pembuangan bayi. Talian ini telah diperluaskan skop perkhidmatan iaitu telekaunseling dan penggunaan aplikasi *whatsApp*. Ia merupakan talian bebas tol dan beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun; dan
- v. membangunkan Modul Cakna Diri (Edisi Remaja dan Edisi Ibu Bapa) yang bertujuan untuk memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti.

3. Di samping itu, KPWKM juga menubuhkan 4 buah Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah iaitu Taman Seri Puteri (TSP) untuk kanak-kanak perempuan yang hamil luar nikah berusia di bawah 18 tahun. Manakala 2 buah Pusat Jagaan Sinar Kasih (PJSK) disediakan untuk perlindungan kepada wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas.

4. Sekali lagi ingin dijelaskan tanggungjawab bagi menangani isu ini bukan hanya terletak di bawah agensi Kerajaan semata-mata sebaliknya setiap rakyat Malaysia perlu bersama Kerajaan mengambil segala usaha membendung masalah pembuangan bayi ini daripada terus berleluasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA  
[ POKOK SENA ]

TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)

SOALAN :

Minta **Perdana Menteri** menyatakan langkah strategik berdasarkan pendekatan *whole of government* bagi membendung sebarang usaha menormalisasi budaya songsang LGBT dalam negara pada hari ini.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara yang berpegang kepada agama Islam sebagai agama Persekutuan yang menerapkan nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama dalam kalangan masyarakat, Kerajaan berpendirian tegas tidak mengiktiraf golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

Perlakuan LGBT adalah bertentangan dengan agama, moral dan budaya Malaysia. Bukan itu sahaja, malah perbuatan homoseksual adalah bertentangan dengan undang-undang negara. Bukan sahaja undang-undang jenayah Syariah, malah juga undang-undang Sivil. Di bawah Seksyen 377 Kanun Keseksaan, adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan fitrah.

Ia bermaksud, hak komuniti LGBT untuk mengamalkan gaya hidup mereka masih tertakluk kepada undang-undang yang tidak membenarkan perlakuan tersebut di Malaysia. Walaupun begitu, kerajaan tetap tidak mendiskriminasi mana-mana kumpulan, termasuklah LGBT, untuk menikmati hak asasi mereka seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan seperti hak untuk pendidikan, hak untuk mengamalkan agama, dan hak untuk bekerja selaras dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas Berkenaan Isu Lesbian, Gay, Bisexual dan (LGBT) yang Beragama Islam di Malaysia. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun atau mengikut keperluan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Kementerian, Jabatan, Agensi dan NGO yang akan menyelaraskan isu-isu LGBT yang berbangkit dalam kalangan umat Islam dalam aspek pendidikan dan advokasi, dakwah dan bimbingan serta penguatkuasaan. Ahli jawatankuasa berperanan dan melaksanakan fungsi mengikut bidang kuasa masing-masing.

Terkini Jawatankuasa ini telah bersidang pada 11 April 2023. Berdasarkan laporan dan pemerhatian, sepanjang tempoh Januari 2021 sehingga April 2023, terdapat beberapa program dan tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh inter agensi berkenaan isu LGBT yang meliputi aspek berikut:

**a) Aspek Pendidikan, Pencegahan dan Advokasi**

Dalam aspek ini sebanyak 18 program telah dilaksanakan oleh JAKIM, KBS, KKM, IKIM, TV Al Hijrah, YADIM, Jabatan Mufti Negeri Selangor. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Webinar Isu Sosial Dalam Kalangan Belia Peringkat Kebangsaan anjuran bersama JAKIM dan Kementerian Belia dan Sukan

- ii. Seminar Isu Kesedaran Isu Sosial di Alaf Baru anjuran Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM bersama Komuniti Dakwah dan Tarbiah
- iii. Program PROSTAR (Program Sihat Tanpa AIDS Remaja) 2.0 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

**b) Aspek Penyelidikan**

Dalam aspek ini dua (2) kajian penyelidikan telah dilaksanakan seperti berikut:

- i. Kajian Fatwa bertajuk Mukhannath Menurut Fiqh dan Perubatan Serta Kaitannya Dengan Transgender oleh penyelidik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan JAKIM berdasarkan geran oleh Bahagian Penyelidikan JAKIM
- ii. Disertasi Sarjana oleh pelajar Ijazah Sarjana Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang bertajuk Pendekatan Pemulihan Terhadap Golongan Transgender Menurut Fiqh Al-Hadith : Kajian Terhadap Program Pemulihan Oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**c) Aspek Dakwah dan Bimbingan**

Dalam aspek ini sebanyak enam (6) program telah dilaksanakan. Pelaksanaan program oleh agensi seperti Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Ugama Islam Pulau Pinang (MUIP), NGO Komuniti Hijrah diantaranya:

- i. Usrah Iqrah bersama Komuniti Hijrah LGBT oleh Yayasan Ihtimam Malaysia
- ii. Program Mukhayyam Bersama Komuniti Hijrah (Gay) anjuran bersama JAKIM dan YADIM dengan kerjasama Yayasan Ihtimam Malaysia dan Bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS (Majlis Agama Islam Selangor)
- iii. Program Mukhayyam Bersama Komuniti Hijrah (Transgender) anjuran bersama JAKIM dan Yayasan Taqwa dengan kerjasama Yayasan Ihtimam Malaysia

**d) Aspek Tindakan dan Penguatkuasaan**

Dalam aspek ini sebanyak tujuh (7) tindakan telah dilaksanakan antaranya:

- i. Pembatalan filem animasi Lightyear oleh Walt Disney Malaysia setelah tidak bersetuju dengan syarat dikemukakan Lembaga Penapis Filem (LPF) Kementerian Dalam Negeri
- ii. Siasatan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) terhadap peserta perhimpunan Women March Malaysia yang mempromosi LGBT di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta Kesalahan Kecil 1955
- iii. Tindakan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mendapatkan penjelasan oleh pihak Google berkenaan aplikasi Hijrah Diri yang dibangunkan oleh JAKIM dan Yayasan Ihtimam Malaysia, setelah dikeluarkan daripada Google Play Store.

**NO. SOALAN: 42**

- iv. Pertuduhan terhadap seorang usahawan kosmetik Safiey Ilias yang melakukan amang seksual bukan fizikal terhadap seorang remaja lelaki melalui aplikasi Instagram di Mahkamah Sesyen Ampang mengikut Seksyen 11(1)(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' VERDON BIN BAHANDA  
[KUDAT]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kejayaan pelaksanaan bantuan dana Program PANTAS (Program Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah) bagi mempercepatkan penyukatan dan pengeluaran geran tanah NT "Native Title" di Sabah.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program pengukuran tanah NCR Sabah telah bermula sejak tahun 2011. Daripada tahun 2011 hingga 2022, sejumlah RM164.53 juta telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah Peruntukan Pembangunan. Secara kumulatif dari tahun 2011 hingga 30 April 2023, sejumlah 163,309.81 hektar tanah telah selesai diukur melebihi sasaran sebanyak 137,496 hektar.

2. Bagi tahun 2023, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program pengukuran tanah NCR di Sabah. Kerajaan Negeri Sabah telah mensasarkan sebanyak 65,000 hektar tanah untuk diukur sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Sepanjang tahun 2021-2022, sejumlah 28,812.3 hektar telah diukur melebihi sasaran sebanyak 28,000 hektar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM  
(PENDANG)**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [ PENDANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian kos penganjuran Jelajah Rumah Terbuka Malaysia MADANI termasuk aspek logistik serta penglibatan Kementerian dan jentera Kerajaan di 6 buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu antara 29 April hingga 14 Mei 2023.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Terima kasih saya ucapkan kepada Datuk Haji Awang bin Hashim di atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI bersama YAB Perdana Menteri yang dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) hanya melibatkan tiga (3) buah negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu. Rumah terbuka di negeri Kedah adalah merupakan program peringkat Kebangsaan dimana turut melibatkan jemaah menteri, perwakilan-perwakilan asing serta ketua-ketua jabatan Kerajaan.

2. Kos keseluruhan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM6.267 juta seperti berikut:

- a. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI Kedah sebanyak RM3.183 juta.
- b. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI Kelantan sebanyak RM1.542 juta.
- c. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI Terengganu sebanyak RM1.542 juta.

Jumlah perbelanjaan ini meliputi semua perkara seperti persiapan tempat, logistik dan perbelanjaan jamuan kepada orang ramai. Jumlah kehadiran untuk program di Kedah adalah seramai 25,000 orang, manakala di Kelantan dan Terengganu adalah seramai 15,000 orang pengunjung di setiap negeri.

3. Berbanding dengan penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri pada tahun lalu yang diadakan di Seri Perdana yang menelan belanja RM11 juta dengan kehadiran seramai 70,000 orang, pelaksanaan Rumah Terbuka Malaysia MADANI ini membuka ruang yang lebih luas untuk membolehkan pemimpin Kerajaan bertemu dan beramah mesra dengan rakyat di pelbagai lokasi.

4. Penganjuran Rumah Terbuka Malaysia MADANI pada kali ini juga mendapat kerjasama di kalangan Kementerian dan Jabatan Persekutuan termasuk Kerajaan Negeri. Hal ini membolehkan kos penganjuran dapat dikurangkan terutamanya dari segi sumber manusia dan keperluan logistik yang lain.

5. Dalam masa yang sama, penganjuran Rumah Terbuka Malaysia MADANI ini memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil tempatan untuk menjana ekonomi sebagai penyedia perkhidmatan dan makan minum sepanjang majlis berlangsung. Kesan ekonomi ini juga dapat dirasai oleh pengusaha-pengusaha hotel, pengangkutan dan peniaga-peniaga lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE  
[BATANG SADONG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan kedudukan peratusan pembangunan internet jalur lebar terkini di kawasan Parlimen Batang Sadong.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak lapan menara komunikasi baharu 4G telah dirancang di Parlimen Batang Sadong melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 seliaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang kini sedang giat dilaksanakan dan dijadualkan siap serta beroperasi secara berperingkat sehingga suku keempat tahun 2023. Setakat suku pertama tahun 2023, status pembinaan menara komunikasi di bawah JENDELA Fasa 1 di Parlimen Batang Sadong adalah seperti berikut:

- (i) Tiga menara komunikasi telah siap dibina dan kini dalam proses untuk diserahkan kepada pihak penyedia perkhidmatan untuk kerja-kerja pemasangan pemancar;
- (ii) Satu tapak menara komunikasi sedang dalam peringkat pembinaan;
- (iii) Satu tapak menara komunikasi telah siap pembinaan tapak asas; dan
- (iv) Tiga tapak telah siap penyelidikan tanah dan akan memulakan pembinaan tapak asas.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi, sebanyak 735 daripada sasaran 2,307 premis di kawasan Parlimen Batang Sadong telah tersedia dengan akses kepada perkhidmatan jalur lebar talian tetap melalui teknologi gentian optik manakala, kesemua 49 stesen pemancar telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G.

Untuk makluman, kesemua inisiatif ini menyumbang kepada 86.86% liputan 4G di kawasan berpenduduk pada suku pertama 2023 berbanding 75.78% sebelum pelaksanaan JENDELA pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN  
[TANGGA BATU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah proses-proses dan tindakan yang diambil dan dijalankan oleh SKMM dan PDRM sebaik laporan dibuat mangsa scammer, masa bertindak dan pemakluman tindakan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORANSI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai bentuk jenayah penipuan ataupun scam dilakukan oleh penjenayah, sama ada secara dalam talian (online) ataupun luar talian (offline). Pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Bank Negara Malaysia (BNM) dan lain-lain mengambil tindakan bersesuaian dengan akta masing-masing.
2. Satu inisiatif bersama antara PDRM, BNM, MCMC dan NFCC sebagai penyelarasan tindakan menangani kes scam online telah dibentuk, yang dinamakan sebagai National Scam Response Center (NSRC).
3. Apabila mangsa menghubungi pihak National Scam Response Center (NSRC) dan memaklumkan beliau telah menjadi mangsa penipuan dalam tempoh kurang 24 jam, ejen NSRC akan mengambil maklumat peribadi dan maklumat transaksi mangsa. Ejen NSRC akan meminta mangsa membuat laporan polis di balai polis berdekatan.
4. Maklumat yang diperolehi akan diserahkan kepada pihak Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membuat jejak kewangan (money trail) terhadap transaksi yang dilaporkan. PDRM akan turut membuat semakan report polis yang dibuat oleh mangsa yang menghubungi NSRC.
5. Satu kertas siasatan akan dibuka dan pegawai penyiasat akan menghantar permohonan kepada institusi bank/kewangan dan agensi berkaitan seperti syarikat telekomunikasi, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan lain-lain agensi berkaitan untuk mendapatkan maklumat pemilik akaun bank, talian serta butiran transaksi kewangan.



6. Nombor akaun dan nombor telefon yang terlibat dengan penipuan akan didaftarkan oleh pegawai penyiasat di dalam Commercial Crime Intelligence System (CCIS) yang kemudiannya boleh disemak oleh orang ramai melalui portal SEMAKMULE. Setelah maklumat diperoleh, pegawai penyiasat akan mengesan suspek (pemilik akaun mule) yang terlibat. Setelah siasatan lengkap dijalankan, pegawai penyiasat akan merujuk kertas siasatan beserta cadangan kepada Pejabat Peguam Negara bagi mendapatkan arahan selanjutnya.

7. Penglibatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) meliputi aspek bantuan teknikal, khususnya berkaitan talian komunikasi dan penyedia perkhidmatan telco. Analisis dan tindakan lanjut dilakukan oleh agensi-agensi penguatkuasaan, termasuk pembekalan maklumat bagi membantu mengenal pasti penjenayah, analisis forensik digital serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa untuk menangani kes-kes penipuan dalam talian. SKMM juga turut menyelaraskan kempen mencegah Penipuan Telekomunikasi melalui Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC).

8. NSRC juga didokong oleh Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) yang berperanan membuat analisa bersama terhadap data/maklumat dan menyelaraskan tindakan penguatkuasaan operasi bersepadu dengan kerjasama BNM dan institusi kewangan serta syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi (syarikat telco).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimanakah Digital Free Trade Zone (DFTZ) boleh memastikan peniaga-peniaga SMEs dan MSMEs tempatan memperoleh peluang yang sama untuk mengeksport produk-produk mereka, berbanding dengan peniaga-peniaga asing yang mengimport produk ke dalam Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan lebih banyak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan turut terbabit dalam Digital Free Trade Zone (DFTZ) sekaligus dapat menggalakkan mereka untuk memanfaatkan teknologi digital dan meraih peluang yang besar dalam aktiviti e-dagang merentas sempadan, pelbagai usaha diperkenalkan serta dilaksanakan melalui kerjasama beberapa kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) seperti:

- (i) perkongsian manfaat dan potensi e-dagang kepada PKS tempatan;

## SOALAN NO: 47

- (ii) membantu memperluas akses perniagaan mereka ke pelbagai eMarketplace dalam segmen B2B, B2C dan B2B2C seperti Alibaba.com, TMall, eBay, eRomman, Qoo10, CommerceAsia, Lazada, Buy Malaysia, Youbeli, Home Deal, Etailer Gateway, Elokai, Jinbaomen, JOCOM dan B2B Commerce;
- (iii) meningkatkan keupayaan e-dagang PKS tempatan melalui pelbagai program seperti [www.go-eCommerce.my](http://www.go-eCommerce.my); dan
- (iv) menghubungkan pembeli luar negara dengan PKS tempatan dalam eMarketplaces.

Untuk tahun 2021 dan 2022, beberapa kempen eksport e-dagang rentas sempadan untuk PKS tempatan telah dijalankan seperti Eid Mubarak Festival bagi pasaran United Kingdom, Jelajah Ramadhan bagi pasaran Brunei, 618 Festival bagi pasaran China, AOSD 2022 bagi pasaran 10 negara ASEAN, Malaysia Select bagi pasaran Taiwan dan Malaysia Flavor bagi pasaran Turkiye.

Kempen eksport ini adalah dengan kerjasama rakan-rakan platform seperti Halal Street, PGMALL, Jazmine, Huayitong, Topzmall dan juga JDMAS. Lebih daripada 70,000 PKS tempatan telah terlibat dengan kempen eksport e-dagang 2021 dan 2022 ini dan telah merekodkan jumlah Nilai Barangan Kasar (GMV) sebanyak RM117 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah konkrit dilakukan Kerajaan dalam meringankan beban peneroka FELDA tentang isu hutang FELDA berikutan Kerajaan tidak meneruskan lagi inisiatif pelupusan hutang RM8 bilion peneroka FELDA.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif penghapusan hutang telah dilaksanakan pada tahun 2021 dan telah menghapuskan sejumlah RM8.3 bilion hutang peneroka dari rekod pinjaman peneroka kepada FELDA.
2. Melalui inisiatif penghapusan hutang tersebut, kini semua peneroka yang telah menandatangani persetujuan melalui perjanjian penghapusan pinjaman dan pengurusan kebun, hanya membayar pada kadar bayaran balik yang lebih rendah.
3. FELDA telah memperbaharui polisi program penanaman semula yang menjadi faktor bebanan hutang peneroka di mana tempoh program tanam semula telah di singkatkan dari 8 kepada 4 tahun bermula tahun 2019.
4. FELDA juga sedang melaksanakan penanaman semula klon tanaman yang berkualiti tinggi yang mampu menghasilkan buah sawit berkualiti dan mudah diselenggara, serta menggunakan teknologi mekanisasi ladang di dalam pengurusan hasil dan penyelenggaraan ladang disamping mengurangkan kebergantungan tenaga kerja manusia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ABDUL GHANI BIN AHMAD  
[JERLUN]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan sebab utama slot takbir raya Ahli-Ahli Parlimen Perikatan Nasional dibatalkan di saat-saat akhir oleh TV3.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa TV3 bukan merupakan entiti Kementerian sebaliknya merupakan entiti komersial iaitu Media Prima Berhad. Sehubungan dengan itu, urusan berkenaan adalah diluar bidang kuasa Menteri Komunikasi dan Digital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**  
**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status cadangan Kelab Parlimen Malaysia, sebuah kelab rekreasi untuk Ahli Parlimen, Senator, kakitangan dan ahli sektor korporat, dan siapakah Menteri atau kabinet mana yang meluluskan cadangan kelab 5 bintang tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkara yang dibangkitkan ini melibatkan perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah. Oleh yang demikian, perbincangan selanjutnya dikhuatiri mungkin menjejaskan kepentingan pihak-pihak kepada kes mahkamah tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [ Larut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk transformasi politik Malaysia Madani agar tindak-tanduk Kerajaan tidak dilihat berasaskan permusuhan dengan pembangkang, menyisih pengkritik serta bukannya melaksanakan dasar yang bersifat politik partisan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gagasan Malaysia MADANI merupakan agenda baharu Kerajaan Malaysia yang bermatlamat untuk membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang bertamadun berdasarkan tiga (3) teras strategik iaitu memacu pertumbuhan ekonomi negara, reformasi institusi dan tatakelola dan menegakkan keadilan sosial. Teras-teras strategik ini akan dapat dicapai melalui enam (6) nilai teras iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Oleh yang demikian, Gagasan Malaysia MADANI bukanlah bersifat politik, ianya



merupakan hala tuju Kerajaan untuk memastikan negara terus membangun, progresif, maju dan cemerlang dari segi sosial dan ekonomi.

2. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan akan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan termasuk di negeri yang ditadbir pembangkang agar nasib rakyat akan terus dapat dipelihara. Berdasarkan Belanjawan 2023, Kerajaan memastikan bahawa setiap kerajaan negeri mendapat bajet mengikut keperluan masing-masing, diagihkan secara adil dan tiada unsur pengabaian atau penyisihan terhadap mana-mana negeri termasuk yang diterajui pembangkang.

3. Penglibatan dan peranan pembangkang juga dialu-alukan untuk kita bersama-sama membangunkan negara. Malaysia MADANI tidak menyisihkan pembangkang tetapi mengharapkan peranan '*check and balance*' oleh pembangkang dan haruslah mengutamakan kepentingan rakyat dan bukannya bertunjangkan kepentingan politik semata-mata.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI  
[SRI AMAN]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keseriusan dan kesiapsiagaan aset-aset pertahanan negara di semua sempadan negeri Sarawak terutamanya di Beting Patinggi Ali yang semakin jelas sering dicerobohi oleh negara asing sekaligus mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi memperkukuhkan kawalan sempadan, Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah merancang dan melaksanakan pembinaan 20 buah pos baru mulai tahun 2021 hingga 2025 sebagai tambahan kepada 17 buah pos keselamatan sedia ada. Ini menjadikan keseluruhan pos keselamatan di Sabah dan Sarawak sebanyak 37 buah pos.

2. Selain itu, terdapat 4 buah pos baru yang sedang dalam proses pembinaan oleh Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) iaitu Pos Rapak Baru di Sri Aman, Pos Tetangga Akrab di Serian, Pos Mengkalap di Limbang dan Pos Tambulanan di Tawau. Pihak ATM sentiasa memantau proses pembinaan pos-pos tersebut yang dijangka siap pada penghujung tahun 2023.

3. Pada masa yang sama, perolehan aset-aset pertahanan telah dilaksanakan secara progresif mulai tahun 2020 bagi memperkasakan kesiapsiagaan ATM di kawasan sempadan negara. Perolehan aset-aset baharu ini melibatkan aset-aset mobiliti darat, perairan, pengawasan udara dan peralatan optronik di bawah perolehan Operasi BENTENG tahun 2020 dan 2021 seperti *Handheld Search Light*, *Security Intrusion Detection Equipment (SIDE)*, *Mini Unmanned Aerial Vehicle (UAV)*, *Non Lethal Restraint (NLR)* dan *Special Operation Craft (SOC)*.

4. Berkenaan dengan Beting Patinggi Ali (BPA), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bersama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa mengadakan rondaan untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD  
JAN [ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah hutang PTPTN yang diambil oleh mahasiswa di universiti/kolej universiti dan kolej swasta di seluruh Malaysia serta berikan perincian mengikut universiti/ kolej universiti dan kolej dari 2015-2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tempoh 2015 hingga 2023, PTPTN telah meluluskan pinjaman berjumlah RM19,445.89 juta kepada pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di seluruh negara melibatkan 643,258 pinjaman.
2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 268,391 pinjaman telah diluluskan kepada pelajar di Universiti, 139,757 pinjaman kepada pelajar Kolej Universiti dan 235,110 pinjaman kepada pelajar Kolej.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID  
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [ BUKIT BENDERA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi memastikan dasar diselarikan antara konsep visi MADANI dan polisi yang diwarisi oleh Kerajaan sedia ada, dan bagaimana ini boleh ditampikan dalam silibus sekolah dan juga ko-kurikulum untuk setiap peringkat persekolahan, dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gagasan Malaysia MADANI merupakan agenda baharu Kerajaan Malaysia yang bermatlamat untuk membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang bertamadun berdasarkan tiga (3) teras strategik iaitu memacu pertumbuhan ekonomi negara, reformasi institusi dan tatakelola dan menegakkan keadilan sosial. Teras-teras strategik ini akan dapat dicapai melalui enam (6) nilai teras iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.
2. Penerapan enam (6) nilai teras ini dilaksanakan di peringkat prasekolah sehinggalah ke peringkat pendidikan tinggi untuk memastikan negara mampu melahirkan masyarakat yang unggul dan cemerlang dari segi adab, akhlak dan integriti. Penekanan dalam aspek karamah insaniah ini bukan sahaja diterap dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, malah turut diterapkan dalam pembelajaran di luar bilik darjah iaitu semasa menjalankan aktiviti kokurikulum.
3. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) adalah selari dengan dasar dan konsep pelaksanaan Malaysia MADANI. Kerajaan sentiasa berusaha memberikan pendidikan terbaik bagi melahirkan masyarakat madani yang berkualiti, progresif, maju dan cemerlang dalam semua aspek kehidupan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN  
[TANGGA BATU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dan akan diambil untuk menyebarkan kesedaran *online scamming* supaya rakyat tidak tertipu dan apakah ianya berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan penipuan ataupun '*scam*' sama ada secara dalam talian (*online*) ataupun luar talian (*offline*) adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi-agensi berkenaan, tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan.

Penglibatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hanyalah meliputi aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisis forensik digital serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa untuk menangani kes-kes penipuan dalam talian.

Bagi maksud tindakan untuk menyebarkan luas kesedaran mengenai *online scam* kepada rakyat termasuk risiko dan modus operandi penipuan dalam talian yang terkini, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui SKMM dan CyberSecurity Malaysia (CSM) serta kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dan berkepentingan yang terlibat dan syarikat-syarikat telekomunikasi menjalankan program-program advokasi kepada pengguna melalui pelbagai platform termasuk portal Sebenarnya.my, Klik dengan Bijak, Program CyberSAFE, Modul Kesedaran Keselamatan Siber Nasional (MKKSN), hebahan SMS, siaran TV dan Radio.

Mengambil kira kepentingan dan keberkesanan penyampaian melalui media sosial, mesej mengenai tips penggunaan Internet dalam bentuk infografik, video grafik serta klip video juga dikongsi kepada rakyat melalui platform media sosial antaranya Instagram, Facebook, Youtube, dan LinkedIn. Kesemua program advokasi tersebut merangkumi program umum yang menyasarkan semua golongan rakyat dan juga program khusus sebagai contoh golongan muda dan pelajar sekolah. Kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan pemimpin masyarakat juga bakal dijalin untuk menambahkan



lagi keberkesanan kempen ini.

SKMM juga turut menyelaraskan kempen mencegah Penipuan Telekomunikasi melalui Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) termasuklah perancangan untuk melaksanakan satu bengkel khas berkaitan penipuan dan perjudian dalam talian yang akan dilaksanakan bersama-sama dengan pakar-pakar daripada agensi penguatkuasa undang-undang dan pengamal media di bawah kelolaan KKD yang dijangka akan diadakan pada bulan Jun 2023. Objektif bengkel itu adalah seperti berikut:

- (i) merangka kempen kesedaran dan kandungan pengisian secara bersepadu bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap isu penipuan dan perjudian dalam talian di peringkat nasional;
- (ii) memperkasakan fungsi dan peranan KKD dalam menyelaraskan, menyampaikan dan menyebarkan maklumat berhubung tindakan Kerajaan dalam menangani isu penipuan dalam talian; dan
- (iii) meningkatkan kesedaran rakyat untuk lebih berwaspada dan berhati-hati daripada terpedaya ke atas sebarang bentuk aktiviti penipuan dalam talian.

Berdasarkan pemantauan melalui sosial media dan aduan yang diterima, SKMM mendapati kesedaran rakyat ke atas penipuan dalam talian ini semakin meningkat melalui perkongsian di media-media sosial dan massa yang sentiasa viral dan dikongsikan oleh rakyat. Ini sekaligus membuktikan keberkesanan kempen-kempen yang sedang jalankan secara bersepadu oleh agensi-agensi yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [BATU]  
TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)

**SOALAN**

**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur dilihat baik bagi membantu usahawan seperti pemandu Grabfood, Shopeefood, Foodpanda dan lain-lain untuk mendapat pembiayaan pembelian motosikal. Adakah Kementerian berhasrat untuk membesarkan peruntukan kepada TEKUN dan memperbanyakkan kategori pembiayaan untuk membantu golongan sasaran seperti ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pelaksanaan program TEKUN Mobilepreneur adalah seiring dengan keperluan semasa yang merekodkan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan penghantaran barangan dan makanan menggunakan motosikal.
2. Bagi tahun 2023, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui TEKUN Nasional telah memperuntukkan sejumlah **RM10 juta** di bawah program TEKUN Mobilepreneur, dengan sasaran untuk membantu seramai **1,000**

## SOALAN NO : 56

**orang usahawan** yang berkecimpung dalam perniagaan khidmat penghantaran ini. Sehingga April 2023, sebanyak **RM3.8 juta** telah disalurkan kepada **454 orang usahawan** di bawah program TEKUN Mobilepreneur yang merangkumi skop pembiayaan untuk pembelian motosikal, baik pulih motosikal dan modal pusingan perniagaan.

3. Program TEKUN Mobilepreneur ini hanya satu daripada program bersasar yang dilaksanakan oleh TEKUN Nasional. Tekun Nasional juga melaksanakan program untuk kumpulan sasar yang lain termasuk usahawan wanita dan belia melalui peruntukan keseluruhan yang disalurkan oleh kerajaan yang berjumlah **RM330 juta** bagi tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
MUTTALIB  
[MARAN]**

**TARIKH : 22 MEI 2023**

**SOALAN**

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan dalam menangani isu perumahan Generasi Baharu FELDA yang terbengkalai dan jangka masa untuk menyelesaikannya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, FELDA meneruskan projek PGBF sedia ada berstatus 70 peratus siap dengan peruntukan Kerajaan melalui dana Kertas Putih sebanyak RM 250 juta dan Pre-Prihatin sebanyak RM 46.5 juta. Sebagaimana makluman Yang Berhormat, bagi projek PGBF berstatus siap 60 peratus ke bawah pihak Kerajaan telah mencadangkan FELDA untuk mengkaji semula projek-projek tersebut demi kelangsungan warga generasi Baharu FELDA.
2. Pihak Kerajaan juga telah menjalankan semakan bajet terhadap 7 tapak PGBF yang masih terbengkalai dengan menganggarkan peruntukan melalui Rolling Plan 4 (RP4) sebanyak RM 200 juta dan sesi semakan bajet ini telah dibentangkan pada 24 Februari 2023.
3. Status semasa, Jabatan/Agensi di bawah JPM sedang dalam Sesi Pemeriksaan dan Perakuan Bajet Pembangunan oleh Kementerian Ekonomi yang bermula pada bulan April dan dijangka selesai bulan Julai 2023 sebelum diangkat kepada Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [GOPENG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sama ada draf undang-undang serta penubuhan majlis media dapat merangkumi etika kewartawanan dan garis panduan melaporkan kes bunuh diri, seperti apa yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia agar berita sensasi, palsu atau pendedahan berpanjangan dapat dielakkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital sedang meneruskan usaha menubuhkan Majlis Media Malaysia dengan mengadakan perbincangan bersama Jawatankuasa Pro-Tem yang terdiri daripada pengamal media bagi memuktamadkan kandungan Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia. Antara perkara yang sedang dalam peringkat perbincangan termasuklah mengenai fungsi Majlis Media Malaysia untuk mewujudkan kod etika kewartawanan.

Cadangan penubuhan Majlis Media Malaysia ini dijangka mampu menyumbang kepada suatu pelaporan yang seimbang, adil dan tepat melalui sumber sahih dan seterusnya mewujudkan komuniti media yang lebih profesional.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [ PUTRAJAYA ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. RADZI JIDIN [ PUTRAJAYA ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) berapa kalikah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah bermesyuarat selepas Kerajaan campuran PH-BN ditubuhkan dan apakah keputusan berimpak tinggi yang telah dibuat oleh NACCOL seperti yang telah dijanjikan; dan
- (b) apakah perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang Kerajaan untuk menangani bebanan kos sara hidup yang tinggi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, terma rujukan bagi Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri adalah sekurang – kurangnya dua (2) kali setahun. Semenjak Pilihanraya Umum ke – 15, sebanyak dua (2) kali mesyuarat peringkat Majlis Tertinggi telah diadakan serta sekali Mesyuarat Khas pada awal pelantikan YAB Perdana Menteri pada November 2022 lepas.

Semasa Mesyuarat NACCOL pada 13 Disember 2022 YAB Perdana Menteri juga, memohon supaya YAB Timbalan Perdana Menteri memantau pelaksanaan keputusan Mesyuarat NACCOL pada setiap bulan. Ini bagi memastikan pelaksanaan keputusan NACCOL dilaksanakan dengan baik dan sekiranya terdapat isu berbangkit ia akan segera diambil tindakan.

Antara keputusan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) **Program Jualan Agro Madani** yang menjual komoditi utama seperti sayur, buah, ayam, telur, ikan dan daging dan tertumpu di kawasan bandar dan pinggir bandar yang berkepadatan tinggi dengan penduduk B40 dan M40;
- (ii) **Pelaksanaan Subsidi Bersasar** yang menetapkan kumpulan penerima faedah subsidi bersasar, keperluan atau barangan yang disubsidikan oleh Kerajaan serta mekanisme untuk melaksanakan subsidi secara bersasar;
- (iii) **Program Ekonomi Sempadan** yang merupakan usaha KPDN dalam mengatasi ketirisan minyak petrol dan diesel terutamanya di kawasan berhampiran dengan sempadan negara;
- (iv) **Rasionalisasi subsidi elektrik** bagi pengguna domestik, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), industri dalam sektor pertanian serta beberapa industri terpilih lain terus diberikan sehingga Disember 2023 yang secara tidak langsung dapat



mengawal harga barangan makanan yang dikenakan kepada pengguna;

- (v) Jemaah Menteri juga bersetuju **subsidi ayam dan telur ayam** diteruskan sehingga Jun 2023 bagi memastikan bekalan ayam dan telur ayam terjamin pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- (vi) **Meningkatkan taraf Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)** sebagai sebuah Agensi Sekuriti Makanan Negara (ASMN). Perkara tersebut perlu diteliti supaya FAMA diperkasakan fungsinya dalam mencapai objektif ke atas keterjaminan makanan dalam negara; dan
- (vii) **Inisiatif Simen RAHMAH** di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) akan memberi manfaat kepada bakal 24 ribu pembeli rumah dengan nilai peruntukan swasta sejumlah RM120 juta. Pembeli akan mendapat manfaat selama tempoh pelaksanaan Skim Simen RAHMAH bermula Mei 2023 hingga 30 Jun 2028. Pelaksanaan Skim Simen RAHMAH tersebut menyasarkan kepada kumpulan isi rumah B40 dan M40 dengan harga rumah di bawah rumah mampu milik yang berharga RM300 ribu dan ke bawah.
- (viii) **Inisiatif Payung Rahmah**
  - a. **Bakul Rahmah** iaitu inisiatif yang menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100.00 dan RM50.00. Sehingga 10 April 2023 sebanyak 71,450 bakul RAHMAH telah diedarkan di seluruh negara.
  - b. **Jualan Rahmah** adalah berkonsepkan jualan murah mensasarkan kawasan penempatan atau kawasan tumpuan dilaksanakan melalui pasaraya besar, pasaraya rangkaian atau premis peruncitan yang bersesuaian di semua 222 kawasan Parlimen dengan penurunan harga barangan keperluan harian antara 10% hingga 30% atau lebih berbanding harga pasaran semasa setempat.

- c. **Pakej Rahmah** menyokong Niaga Rahmah yang mana pemain industri menyediakan pelbagai jenis pakej dengan pengurangan harga sekurang-kurangnya 30 peratus daripada harga jualan yang disarankan tidak lebih daripada RM50 dan tidak kurang daripada 3 item dalam satu pakej;
  - d. **Menu Rahmah** – inisiatif pengusaha makanan secara sukarela untuk menawarkan makanan pada harga RM5 bagi setiap hidangan. Menu Rahmah bertujuan untuk memastikan terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapat akses kepada pilihan harga yang mampu bayar.
- (ii) Antara langkah-langkah lain yang diambil juga adalah seperti berikut:
- a. KPDN telah memeluas **Program Community Drumming** ke kawasan Paloh dan Passin, Sarawak, Pasir Raja, Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan. Program ini merupakan program sedia ada yang memberi impak tinggi dalam membantu kos sara hidup rakyat iaitu Program Penyeragaman Harga tujuh (7) barangan asas iaitu beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel supaya bekalan barangan tersebut sampai kepada penduduk di kawasan luar bandar/ pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada harga kawalan sama dengan kawasan bandar melalui subsidi pengangkutan yang dibayar Kerajaan.
  - b. Bagi memastikan bantuan/ subsidi Kerajaan dimanfaatkan oleh golongan sasar dengan baik, KPDN telah memperluaskan **tindakan penguatkuasaan** melalui OPS TIRIS yang telah dilancarkan oleh KPDN pada 1 Mac 2023 dan akan dilaksanakan selama enam (6) bulan. Sepanjang pelaksanaan OPS TIRIS bermula 1 Mac 2023 sehingga 15 Mei 2023, sebanyak 6,095 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara merangkumi stesen minyak, pemborong, pengilang, kuari, pos kawalan dan lain-lain premis, dan sejumlah 183 kes (75 kes serahan agensi) telah dihasilkan melibatkan stesen minyak, rumah, pemborong, kuari, bengkel kenderaan dan lain-

lain dengan nilai rampasan berjumlah 2,262,434 liter minyak diesel keseluruhan dianggarkan bernilai RM4,933,692. Seramai 124 orang warganegara tempatan dan 39 orang warganegara asing yang menjadi jumlah keseluruhan 163 orang yang ditahan sepanjang tempoh yang sama pelaksanaan OPS TIRIS ini. Selain itu, pemeriksaan harga di premis makanan seperti Ops Catut, Ops Samar dan Ops Menu untuk melindungi hak pengguna dan pelanggan daripada aktiviti tidak bertanggungjawab peniaga yang mencatut harga sesuka hati turut di jalankan;

- c. Kerajaan juga telah bersetuju untuk meneruskan **pemberian subsidi minyak masak paket** agar semua golongan mendapatkan minyak masak pada harga RM2.50 per paket;
- d. **Penetapan harga siling bergerak** bagi minyak masak sawit kemasan botol juga diteruskan. Ini bagi menstabilkan permintaan dan harga minyak masak sawit kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg;
- e. **Rezeki Suri** adalah program baharu yang akan memberi peluang kepada suri rumah untuk menambahkan pendapatan dengan menjalankan perniagaan bahan keperluan asas dari rumah; dan
- f. KPDN juga akan meneruskan **Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik** bagi membantu golongan M40 dan B40 menjadi usahawan dengan menceburi bidang francais. Memandangkan potensi baik yang boleh disumbangkan oleh bidang francais kepada peningkatan pendapatan rakyat dan negara maka KPDN turut memohon peruntukan yang lebih besar bagi program ini untuk tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh Kerajaan sekarang untuk menilai semula perjanjian dengan Goldman Sachs Group Inc dengan Kerajaan Malaysia berkaitan 1MDB supaya bank Amerika Syarikat tersebut yang berhutang dengan Malaysia angkara rasuah dan penyelewengannya membayar balik kepada Malaysia dengan jumlah yang lebih tinggi daripada yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia sebelum.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pasukan Petugas Khas 1MDB (PPK) yang diketuai oleh YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani kini sedang meneliti pelbagai fakta dan data dalam membuat penilaian semula terhadap Perjanjian dengan Goldman Sachs Group Inc dengan Kerajaan Malaysia yang telah ditandatangani pada 18 Ogos 2020.
2. Usaha ini termasuk mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan, pihak Goldman Sachs dan juga PPK sedang mendapatkan pandangan undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara dan Pasukan Peguam 1MDB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID**  
**[ HULU TERENGGANU ]**  
**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' ROSOL BIN WAHID [ HULU TERENGGANU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memperkasakan dan memperhebat lagi sektor barangan atau keluaran tempatan dan apakah perkembangan terkini terhadap cadangan mengadakan Karnival Jualan Barangan Tempatan Berskala Mega.

## JAWAPAN

**Yang di-Pertua,**

Seperti sedia maklum, Kempen Beli Barangan Malaysia atau lebih dikenali sebagai KBBM telah dilaksanakan sejak tahun 1984 lagi.

Saban tahun, KBBM terus dilaksanakan dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa selari dengan kehendak dan keperluan ekonomi dengan kerjasama pelbagai pihak dari pelbagai sektor dan pelbagai medium.

Bagi tahun 2023, legasi KBBM akan diteruskan lagi melalui pengembangan kerjasama meliputi rakan-rakan strategik daripada pelbagai sektor seperti sektor pembuatan, peruncitan, platform atas talian (*marketplace*) animasi digital, fesyen, kraftangan, perkayuan. Jalinan kerjasama merentasi Kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian pelancongan, MITI, Kementerian Luar Negara dan agensi kerajaan serta agensi-agensi media.

Pengkhususan juga diberi kepada penglibatan lebih ramai PMKS di mana salah satu tujuan KBBM adalah membantu para usahawan untuk mengembang dan memperluaskan lagi pasaran produk-produk keluaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan luas.

Selain itu, KPDM juga sering menekankan dan membimbing pemain industri PMKS ini agar sentiasa menitik beratkan soal kualiti ke atas produk-produk yang dihasilkan supaya mampu bersaing dengan produk-produk luar negara sama ada dari segi kualiti mahupun harga.

Justeru untuk tahun 2023, KBBM akan dilaksanakan melalui enam (6) inisiatif utama iaitu:

- i. Pemerkasaan Produk Tempatan Di Dalam Industri Peruncitan Tempatan;
- ii. Penembusan, Promosi Jualan dan Pemasaran Dalam Talian

*(Marketplace)*;

- iii. Pelan Media Bersasar KBBM;
- iv. Kolaborasi Strategik Media Interaktif;
- v. Jualan Bertema KBBM Berdasarkan Segmen Khusus; dan
- vi. Karnival Barangan Malaysia.

Dalam usaha memartabatkan barangan tempatan serta memperkenalkan produk tempatan ke pasaran tempatan terutama bagi PMKS yang baru mula bertapak di dalam pasaran, siri Jelajah Mini Karnival Barangan Malaysia akan dilaksanakan di lima (5) lokasi iaitu Zon Utara iaitu di Negeri Kedah, Zon Selatan di Negeri Johor, Zon Pantai Timur di Negeri Pahang, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Siri Jelajah ini akan memberi ruang dan peluang kepada PMKS tempatan setempat untuk memperkenalkan produk keluaran mereka serta memasuki pasaran yang lebih meluas iaitu ke peringkat zon tersebut sebelum memasuki kepada pasaran yang lebih besar yang merangkumi pasaran ke seluruh negara dan seterusnya ke peringkat antarabangsa).

Manakala kemuncak bagi Jelajah Mini Karnival Barangan Malaysia ini adalah Karnival Barangan Malaysia yang akan diadakan pada bulan Disember 2023 yang dirancang akan diadakan di IOI Grand Exhibition and Convention Centre, IOI Mall Putrajaya. Karnival ini akan dilaksanakan secara eksklusif bagi mengangkat martabat produk-produk dan jenama-jenama tempatan agar lebih dikenali. Pengisian sepanjang karnival tersebut berlangsung bukan sahaja menumpukan kepada pameran dan jualan, malah KPDN turut akan membuka peluang kepada PMKS untuk memperluaskan pasaran ke pasaran yang lebih besar melalui padanan perniagaan dengan syarikat-syarikat peruncitan utama negara selain sesi perkongsian dan bimbingan daripada usahawan-usahawan yang berjaya. KPDN akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Kementerian Luar Negara, KUSKOP dan MITI serta agensi kerajaan seperti MATRADE agar membawa potensi rakan niaga dari luar negara dalam usaha meningkatkan eksport Barangan kita ke luar negara.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LO SU FUI [TAWAU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah usaha dan langkah proaktif Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan bantuan guaman di Tawau dan apakah kesediaan Kerajaan untuk membuka/membina pejabat bantuan guaman ini di Parlimen Tawau.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORANSI INSTITUSI)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Cadangan bagi menubuhkan sebuah pejabat bantuan guaman di Tawau merupakan satu cadangan yang baik dan amat dialu-alukan. Daerah Tawau secara relatifnya terletak sejauh 576 km daripada Kota Kinabalu dan mempunyai keluasan 6,125 km persegi dan berada di Pantai Timur Sabah. Ia merupakan bandar ketiga terbesar di Sabah selepas Kota Kinabalu dan Sandakan. Pada ketika ini Jabatan Bantuan Guaman ("JBG") hanya mempunyai 1 cawangan di Negeri Sabah iaitu di Kota Kinabalu.

2. Faktor geografi negeri Sabah yang luas menyebabkan sebilangan besar penduduk sukar mendapat capaian kepada perkhidmatan bantuan guaman yang diberikan oleh JBG. Ini turut ditambah dengan kekangan kewangan untuk berulang alik ke Kota Kinabalu bagi berurusan dengan JBG yang terletak di Kota Kinabalu. Sebagai contoh, kadar tambang bagi perjalanan dari Tawau ke Kota Kinabalu menggunakan perkhidmatan bas menelan belanja lebih kurang RM150 sehala dengan tempoh perjalanan selama 7 jam. Sementara kadar tambang bagi perjalanan yang sama menggunakan perkhidmatan penerbangan menelan belanja lebih kurang RM200 sehala dengan tempoh perjalanan selama 50 minit. Selain itu disebabkan jarak perjalanan yang jauh terdapat penduduk yang terpaksa bermalam di Kota Kinabalu sementara menunggu perkhidmatan bas atau kapal terbang.

3. Daerah Tawau sesuai dipertimbangkan kerana mempunyai Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Terdapat juga penjara pusat di daerah Tawau selain penjara pusat di daerah Kota Kinabalu dan Sandakan. Manakala bagi Mahkamah Syariah, terdapat Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.

4. Atas kemaslahatan ini, pihak Kerajaan melalui Jabatan Bantuan Guaman sedang mengkaji dan meneliti bukan hanya pembukaan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Cawangan Tawau tetapi juga pembukaan JBG Cawangan Sandakan dan Sri Aman, Sarawak. Kertas cadangan penubuhan cawangan baru JBG di Tawau beserta Sandakan dan Seri Aman akan dikemukakan kepada agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan dan ulasan. Penubuhan cawangan-cawangan baharu ini memerlukan kajian lanjut serta sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan bagi meneliti perkara ini dengan lebih mendalam termasuk faktor kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Pada masa ini JBG giat menjalankan klinik guaman di luar pejabat JBG terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman secara berkala bagi memudahkan rakyat setempat akses kepada perkhidmatan JBG.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED  
@ HASHIM [ KUALA TERENGGANU ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status kemajuan kajian kaedah pengukuran baharu bagi menggantikan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang mengukur kemiskinan mutlak dan bilakah anggaran kebolehlaksanaan kaedah baharu tersebut di peringkat lapangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, secara umumnya, Malaysia mengukur kemiskinan menggunakan tiga (3) kaedah, iaitu:

- a. Kemiskinan mutlak diukur menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) berdasarkan kepada konsep kos keperluan asas. Konsep ini diguna pakai oleh kebanyakan negara membangun.
  - i. Metodologi PGK Malaysia diperkenalkan pada tahun 1977 dengan kerjasama Bank Dunia. Metodologi ini telah disemak semula pada tahun 2005 bersama United Nations Development Programme (UNDP). Selanjutnya metodologi ini dikaji semula pada tahun 2019 oleh Kerajaan;
  - ii. Pengiraan PGK mengambil kira ciri-ciri demografi isi rumah, seperti saiz, umur dan jantina setiap ahli serta lokasi iaitu negeri, bandar dan luar bandar; dan
  - iii. PGK merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan bagi membolehkan setiap ahli isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan aktif.
- b. Kemiskinan relatif yang merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada separuh pendapatan penengah negara; dan
- c. Kemiskinan pelbagai dimensi diukur melalui Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) dalam konteks ketersisihan yang lebih luas antaranya dimensi pendapatan dan bukan kewangan merangkumi kesihatan, pendidikan dan kemudahan asas.

PGK dikemas kini berdasarkan dapatan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) yang dilaksanakan dua kali dalam tempoh lima tahun. Survei yang terkini adalah pada tahun 2022 dan dapatan akan diterbitkan pada suku ketiga tahun 2023.

## SOALAN NO : 63

Pada masa ini, pengukuran kemiskinan menggunakan PGK adalah kaedah utama yang digunakan sebagai asas dalam bantuan atau intervensi Kerajaan. Contohnya, Bank Data Kemiskinan Nasional eKasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri menggunakan PGK per kapita, mengikut negeri dan strata (bandar dan luar bandar) untuk mendaftarkan isi rumah miskin dan miskin tegar.

Tuan Yang di-Pertua,

MPI dibangunkan sebagai pelengkap kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang menggunakan pendekatan pendapatan dan perbelanjaan dalam pengukuran kemiskinan. Pengukuran ini dapat membantu mengenal pasti tahap ketersisihan rakyat dengan lebih menyeluruh selain dimensi pendapatan.

Dimensi dan indikator MPI Malaysia sedia ada akan diperluas agar lebih komprehensif bagi mengukur kemiskinan pelbagai dimensi dengan lebih tepat. MPI akan membantu proses membuat keputusan berasaskan bukti pada semua peringkat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian inisiatif untuk mengurangkan kemiskinan.

Kementerian Ekonomi bersama, dengan izin, *United Nations Development Programme* (UNDP) sedang menjalankan kajian penambahbaikan MPI yang melibatkan proses libat urus dan kajian lapangan. Dapatan kajian ini akan diperolehi pada tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan :-

- (a) perkembangan siasatan polis terhadap laporan yang dibuat pada 30 November 2018 dan 16 Januari 2019 oleh pengurusan baharu Lembaga Tabung Haji terhadap isu pengurusan dan operasi Lembaga terdahulu; dan
- (b) perkembangan semasa Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai perkara ini.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM**

**BIN HAJI MOKHTAR**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

- (a) perkembangan siasatan polis terhadap laporan yang dibuat pada 30 November 2018 dan 16 Januari 2019 oleh pengurusan baharu Lembaga Tabung Haji terhadap isu pengurusan dan operasi Lembaga terdahulu.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Polis DiRaja Malaysia menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) telah menerima empat (4) laporan polis membabitkan Lembaga Tabung Haji seperti berikut:

- i. **Dang Wangi Repot 31347/18**  
**Laporan polis dibuat pada 30/11/2018** membabitkan isu Program Ziarah Kasih Ramadan 2017 yang diluluskan oleh bekas Pengerusi Tabung Haji melibatkan kerugian sebanyak RM 17,809,850.00. Kes disiasat di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan.
  
- ii. **Dang Wangi Repot 31331/18**  
**Laporan polis dibuat pada 30/11/2018** berkaitan transaksi jual beli saham TH Indo Plantations kepada PT Borneo Pacific sehingga menyebabkan Lembaga Tabung Haji kerugian berjumlah RM 11,650,105.00. Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.
  
- iii. **Dang Wangi Rpt 32724/18**  
**Laporan polis dibuat pada 13/12/2018** membabitkan anak syarikat Lembaga Tabung Haji iaitu Trurich Resources Sdn Bhd [ TRSB ] dalam pembelian saham dalam syarikat di Kalimantan Utara untuk pemilikan tanah seluas 30,000 hektar melibatkan kerugian sebanyak RM 240 juta. Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.
  
- iv. **Dang Wangi Rpt 1484/19**  
**Laporan polis dibuat pada 16/01/2019** membabitkan isu Pembayaran Hibah Pendeposit Bagi Tahun 2017 tidak menepati peruntukan di bawah Seksyen 22(3) Akta Tabung Haji 1995 kerana kerana jumlah liabiliti melebihi jumlah aset mengikut Laporan Kewangan TH Bagi Tahun 2017. Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Keempat-empat laporan polis berkenaan telah dijalankan siasatan dan kesemua kertas siasatan telah dirujuk beberapa kali kepada Pejabat Peguam Negara Putrajaya.



Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu pengurusan dan operasi Lembaga Tabung Haji dari tahun 2014 hingga 2020 telah diwujudkan dan prosiding telah selesai pada 19 Julai 2022. **Pihak PDRM tidak terlibat dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak RCI.**

Sehubungan dengan itu, arahan terkini yang diterima bertarikh 10/01/2023 dari Pejabat Peguam Negara adalah supaya keempat-empat (4) kertas siasatan ini disimpan dalam pemerhatian (keep in view) sementara menunggu arahan lanjut berhubung dengan hal perkara kertas siasatan ini.

**JAWAPAN (b)**

- (b) perkembangan semasa Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai perkara ini.
1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Julai 2021 antara lain telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi Menyiasat Isu-Isu Pengurusan dan Operasi **TH** mengikut Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [*Akta 119*].
  2. Pada 20 Januari 2022, selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 2(1)(d) dan seksyen 3(1) Akta 119, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan telah melantik dan mentauliahkan enam orang sebagai Pesuruhjaya yang diketuai oleh Tun Md Raus bin Sharif iaitu Mantan Ketua Hakim Negara.
  3. Selaras dengan tempoh pelantikan tersebut selama 6 bulan, pada 19 Julai 2022 Suruhanjaya telah berjaya menyelesaikan siasatannya dan laporan tersebut telah dipersembah kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 30 Ogos 2022.
  4. Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja kemudiannya telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Disember 2022.

**NO. SOALAN: 64**

5. Selaras dengan arahan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Disember 2022, penelitian telah dibuat ke atas laporan dan syor-syor Suruhanjaya yang melibatkan beberapa agensi berkaitan iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Audit Negara, selain daripada Lembaga Tabung Haji sendiri.
  
6. Pada masa yang sama, **TH** telah memulakan langkah-langkah pemulihan dan penambahbaikan terhadap pengurusan dan operasi **TH** dengan mengambil kira syor-syor Suruhanjaya. Manakala syor-syor yang melibatkan perkara dasar yang perlu diputuskan oleh kerajaan, maka ia akan dikemukakan semula kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk keputusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[TANAH MERAH]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah bentuk penyelarasan baharu melibatkan kerjasama koheren bersepadu antara semua agensi keselamatan di Malaysia dalam usaha menjaga sempadan darat dan maritim negara daripada pencerobohan pihak luar selepas Kerajaan menamatkan struktur National Task Force (NTF) di bawah Kementerian Pertahanan pada Disember 2022 yang lalu.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pendekatan Kerajaan menubuhkan *National Task Force* (NTF) dan Op Benteng telah mencapai kejayaan yang signifikan dan amat berkesan dalam memperkukuh kawalan sempadan negara di samping mengekang kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin.
2. Susulan pembubaran NTF pada akhir tahun lalu, agenda pemantapan kawalan sempadan negara diteruskan melalui pengukuhan mekanisme sedia ada di bawah Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan (JPGK) untuk pelaksanaan operasi pelbagai agensi keselamatan.
3. Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Malaysia komited untuk terus berganding bahu bagi membantu agensi-agensi keselamatan lain menjalankan penguatkuasaan dan kawalan sempadan negara dalam misi mengekalkan keselamatan dan kedaulatan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE  
BIN HAJI APDAL [ SEMPORNA ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [ SEMPORNA ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sasaran, tempoh masa dan langkah-langkah yang ditetapkan Kerajaan bagi menangani kadar kemiskinan di Sabah yang ketika ini pada paras 25 peratus atau 1 daripada 4 rakyat Sabah dikategorikan miskin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan agenda menangani kemiskinan dan pembangunan inklusif dilaksanakan tanpa mengira status ekonomi dan lokasi. Kadar kemiskinan di Sabah adalah tinggi pada 25.3%, berdasarkan anggaran Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020.

Menginsafi kadar kemiskinan yang tinggi di Sabah, usaha menangani kemiskinan haruslah ditangani secara holistik menggunakan pendekatan keseluruhan negara antara semua pihak. Kerajaan menyasarkan sifar kemiskinan tegar pada tahun 2025.

Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 - 2025 (RMKe-12), beberapa strategi jangka sederhana dan panjang untuk menangani kemiskinan dari pelbagai dimensi telah digariskan. Ini termasuklah meningkatkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup golongan miskin, peningkatan akses kepada sokongan sosial seperti pendidikan dan kesihatan serta perumahan dan infrastruktur bagi mengekalkan tahap kualiti hidup tertentu serta meningkatkan kesejahteraan isi rumah miskin.

Keutamaan akan diberi untuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkat pembangunan inklusif dan memperkukuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan kerajaan negeri. Ini dilaksanakan untuk meningkatkan akses dan peluang ekonomi serta seterusnya meningkatkan pendapatan dan taraf hidup di Sabah. Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan peruntukan Pembangunan Asas Persekutuan diagihkan kepada negeri-negeri kurang membangun termasuk Sabah dalam tempoh RMKe-12.

Kementerian Ekonomi sedang melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat untuk membantu rakyat menjana pendapatan bagi kumpulan

B40 dan miskin tegar. Inisiatif ini dilaksanakan melalui *whole-of-nation approach* melibatkan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pihak syarikat berkaitan kerajaan (GLC), swasta dan rakan-rakan strategik.

Di bawah Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), Kementerian Ekonomi sedang mempertimbangkan projek tanaman nanas MD2 seluas 500 ekar yang akan memberi manfaat pendapatan secara langsung kepada lebih 450 isi rumah miskin tegar dan golongan B40 di Kota Marudu yang merupakan daerah ketiga termiskin negara. Beberapa projek serupa juga sedang dikaji untuk dilaksanakan di beberapa lokasi lain seperti kawasan di bawah IADA Kota Belud dan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Koridor Wilayah Sabah (SEDIA).

Dalam usaha untuk menangani kemiskinan dan menoktahkan kemiskinan tegar, Ketua Menteri Sabah juga telah bersetuju untuk menggunakan sebahagian bayaran hasil petroleum ke Sabah bagi program pembasmian kemiskinan tegar.

Di samping itu, status sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak ditambah baik antaranya melalui Program Khas Anak Negeri Sabah dan Program Khas Bumiputera Sarawak dengan mewujudkan lebih banyak peluang latihan, pekerjaan, pemilikan tanah dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat serta mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamarataan dalam kalangan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha mengesan dan menangkap balik Jho Low ke muka pengadilan berkaitan dengan peranan utamanya dalam skandal kewangan 1MDB sebanyak RM52 bilion.



**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuat *Interpol Red Notice* terhadap Jho Low sejak dari tahun 2018. Jho Low telah dituduh secara *in absentia* dengan 1 pertuduhan dibawah subseksyen 28(1)(c) dan dibaca bersama seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 pada 9 Februari 2020 dan 3 pertuduhan dibawah subseksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001 pada 29 Jun 2019. SPRM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa luar negara bagi mendapatkan segala maklumat berkaitan dengan Jho Low. Pelbagai usaha dan rundingan menerusi saluran diplomatik sedang dilaksanakan bagi mempercepatkan proses membawa pulang Jho Low.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [ SIMPANG RENGAM ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah prinsip asas serta program-program yang sedang dan akan dilaksanakan Kerajaan bagi menoktahkan miskin tegar di seluruh negara seperti yang dinyatakan YAB PM bulan lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan agenda menangani kemiskinan dan pembangunan inklusif dilaksanakan dalam rancangan-rancangan pembangunan negara. Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 - 2025 (RMKe-12), beberapa strategi jangka sederhana dan panjang untuk menangani kemiskinan dari pelbagai dimensi telah digariskan. Ini termasuklah meningkatkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup golongan miskin, peningkatan akses kepada sokongan sosial seperti pendidikan dan kesihatan serta perumahan dan infrastruktur bagi mengekalkan tahap kualiti hidup tertentu serta meningkatkan kesejahteraan isi rumah miskin.

Usaha Kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar adalah terutamanya melalui inisiatif penjanaaan pendapatan dan peningkatan kualiti hidup melalui **program-program yang diselaras** dan dilaksanakan. Peruntukan **Perbelanjaan Pembangunan (DE)** berkaitan pembasmian kemiskinan dalam Belanjawan 2023 adalah **sebanyak RM4.62 bilion**

- a. Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di bawah Kementerian Ekonomi sebanyak RM750 juta: dan
- b. Projek pembaikan luar bandar dan program-program membasmi kemiskinan sekitar RM3.9 billion.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejumlah **RM750 juta** telah diperuntukkan untuk tujuan IPR. Di bawah IPR, **3 inisiatif** telah diperkenalkan iaitu :

- c. **Inisiatif Usahawan Tani (INTAN);**
- d. **Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN); dan**
- e. **Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).**

Inisiatif ini dilaksanakan melalui *whole-of-nation approach* melibatkan tiga peringkat iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pihak syarikat berkaitan kerajaan (GLC), swasta dan rakan-rakan strategik.

Komponen **pertama** dalam pelaksanaan IPR adalah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan miskin tegar dan B40 serta mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan bahan mentah. Bantuan yang akan diberikan oleh Kerajaan merangkumi penyediaan tapak, peralatan dan input pertanian, latihan dan bimbingan serta elaun bulanan sementara menerima hasil tuaian.

Komponen **kedua** pelaksanaan IPR adalah Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN). Melalui inisiatif ini, Kementerian Ekonomi dengan kerjasama strategik beberapa pihak akan menyediakan bantuan berbentuk mesin layan diri (*vending machine*) kepada peserta. Kerajaan

akan menyalurkan bantuan kepada peserta dalam bentuk sewaan mesin layan diri sebanyak RM700 hingga RM800 sebulan untuk tempoh 24 bulan.

Komponen **ketiga** pelaksanaan IPR adalah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap kontraktor serta pekerja asing dalam sektor 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*). Melalui inisiatif ini, Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri dan PBT bagi mewujudkan peluang kerja dengan gaji yang setimpal bagi kerja-kerja pembersihan tandas awam. Kerajaan akan menjadi pemudah cara dalam urusan pelantikan pekerja, menyediakan peralatan dan kelengkapan serta memberi bantuan elaun tambahan kepada peserta.

Bagi golongan miskin tegar yang tidak mempunyai akses kepada tiga inisiatif di atas, program bersasar berdasarkan potensi lokaliti dan minat peserta dilaksanakan di bawah Inisiatif Basmi Miskin Tegar (BMT). Kerajaan memberikan bantuan bagi pelaksanaan pertanian, penternakan dan keusahawanan serta latihan.

Selain itu juga, bantuan, subsidi dan insentif sebanyak RM64 billion disediakan untuk meminimumkan impak kenaikan kos sara hidup rakyat Malaysia. Ini termasuklah Sumbangan Tunai Rahmah (STR), bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, bantuan petani dan pesawah serta subsidi kepenggunaan seperti elektrik dan petrol.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI  
MUHAMMAD [ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [ KEPALA BATAS ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah pencarum Tabung Haji di Kepala Batas dan Pulau Pinang; dan
- (b) langkah-langkah untuk meningkatkan jumlah pencarum di Pulau Pinang; dan kuota menunaikan Haji bagi setiap negeri secara terperinci.

## JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NAI'IM BIN HAJI MOKHTAR**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengurusan Lembaga Tabung Haji (**TH**) terlebih dahulu merakam ucapan terima kasih atas soalan yang telah dikemukakan oleh YB Dr Siti Mastura binti Muhammad iaitu Ahli Parlimen Kepala Batas berkenaan jumlah pendeposit **TH** (pencarum) di Negeri Pulau Pinang Khususnya di Kepala Batas.
2. Sehingga bulan Mac 2023 (Suku 1 2023), Jumlah Pendeposit **TH** secara keseluruhan di Negeri Pulau Pinang adalah seramai **338,829** dengan jumlah saiz Dana berjumlah **RM3,672,613,689.31**. Manakala jumlah Pendeposit di Kepala Batas adalah seramai **58,135** orang dengan saiz dana sebanyak **RM373,336,174.31**.
3. Pecahan Pendeposit dan saiz Dana mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang adalah seperti jadual di bawah:

<b>NEGERI</b>	<b>CAWANGAN</b>	<b>PENDEPOSIT</b>	<b>%</b>	<b>SAIZ DANA</b>	<b>%</b>
PULAU PINANG	KEPALA BATAS	58,135	17.2	373,336,174.31	10.2
	BAYAN LEPAS	125,891	37.2	1,525,475,251.39	41.5
	BUTTERWORTH	76,474	22.6	1,098,812,168.71	29.9
	BUKIT MERTAJAM	76,243	22.5	672,434,105.01	18.3
	THK PULAU PINANG	2,086	0.6	2,555,989.89	0.1
	<b>JUMLAH</b>	<b>338,829</b>	<b>100</b>	<b>3,672,613,689.31</b>	<b>100</b>

4. Untuk makluman, **TH** telah merangka pelan strategik Pemasaran untuk merealisasikan hasrat utama **TH** iaitu :
  - i. Meningkatkan peratusan umat Islam untuk menjadi Pendeposit **TH**
  - ii. Meningkatkan jumlah saiz dana umat Islam menabung di **TH**
  - iii. Meningkatkan jumlah Pendeposit **TH** mendaftar haji
  - iv. Meningkatkan pengalaman digital Pendeposit **TH**
  - v. Memperkayakan penyampaian perkhidmatan **TH**
  
5. Bagi memastikan hasrat seperti yang dinyatakan di atas dapat dicapai, pasukan dan anggota **TH** melalui Cawangan-cawangan **TH** seluruh Malaysia giat melaksanakan inisiatif serta gerak kerja secara aktif dengan memperkasakan program Pemasaran bersepadu seperti berikut termasuk di seluruh Negeri Pulau Pinang:
  - i. Jalinan Kerjasama dengan agensi dan jabatan kerajaan
  - ii. Program simpanan barakah bersama warga pendidik
  - iii. Program melestari akaun **TH** bersama pengusaha kilang/industri perniagaan
  - iv. Kolaborasi bersama agensi agama dan masjid
  - v. Kolaborasi bersama IPTA dan IPTS
  - vi. Program bersama YB Ahli Parlimen
  - vii. Program bersama pusat tadika dan KEMAS
  
6. Melalui program yang dilaksanakan ini **TH** menyasarkan untuk mendapatkan jumlah Pendeposit **TH** baru yang lebih ramai dan seterusnya meningkatkan jumlah peratusan Umat Islam menjadi ahli Pendeposit di **TH**. **TH** juga akan terus menggalakan Pendeposit **TH** untuk menambahkan simpanan di **TH** melalui caruman potongan gaji.

7. Untuk makluman YB Dr, sejajar dengan arus perdana digitalisasi, pihak **TH** juga telah membangunkan aplikasi perkhidmatan atas talian – THiJARI. Para pendeposit **TH** boleh melaksanakan pelbagai urusan dengan mudah dan cepat walau di mana jua berada tanpa perlu hadir ke kaunter **TH** lagi. Kemudahan ini boleh dilayari melalui portal: [www.thijari.com.my](http://www.thijari.com.my). Perkhidmatan digital kini menjadi pilihan pengguna dengan kadar lebih 86 peratus transaksi dilakukan secara atas talian.
  
8. Para pendeposit di **Kepala Batas** dan sekitarnya juga boleh membuat urusan transaksi **TH** di cawangan-cawangan bank rakan strategik seperti Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM) serta di mesin ATM/CDM institusi perbankan seperti BIMB, BKRM, Maybank dan CIMB yang berhampiran. Para pendeposit juga boleh menggunakan kemudahan perbankan internet seperti M2U, Bank Islam IB, CIMB Clicks, i-Rakyat, AmOnline dan mobile banking Standard Chartered Saadiq Berhad (SCSB). Senarai penuh Perkhidmatan **TH** melalui Rakan Strategik dan THiJARI boleh dirujuk di website **TH** [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my).
  
9. **TH** percaya dengan pelbagai platform telah disediakan sebagai saluran penyampaian perkhidmatannya, Umat Islam dan Pendeposit **TH** akan dapat mengakses perkhidmatan dengan lebih mudah dan cepat.



**Kuota menunaikan Haji bagi setiap negeri secara terperinci**

1. Bagi musim haji 1444H/2023 masihi, kerajaan Arab Saudi telah memberikan kuota asas kepada Malaysia iaitu sebanyak 31,600.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan kuota secara khusus mengikut negeri-negeri kerana semua rakyat Malaysia yang membuat pendaftaran haji akan diberi tahun peruntukan tunai haji dan pemilihan dibuat berdasarkan tarikh dan masa daftar haji iaitu “Yang Dahulu Didahulukan”.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD MARZUK  
BIN SHAARY [ PENGKALAN CHEPA]**

**22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kemajuan yang telah dilaksanakan bagi projek-projek kecil di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM222,000,000 dan apakah bentuk program yang dilaksanakan dan mekanisme pemberian peruntukan tersebut bagi memastikan ia memberi manfaat kepada rakyat.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek-Projek Infrastruktur Kecil di Kawasan Parlimen adalah sebagai pelengkap kepada Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dan projek-projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan ini adalah projek bina baharu, naik taraf dan selenggara infrastruktur dan kemudahan awam, pembelian dan pemasangan kelengkapan untuk bangunan dan kemudahan awam, membaik pulih atau membina rumah untuk golongan miskin/ miskin tegar dan lain-lain projek kecil bagi memenuhi keperluan tempatan.
2. Sehingga **15 Mei 2023**, sebanyak **100 projek** telah dilaksanakan dengan kos berjumlah **RM75.3 juta**. Bilangan ini akan bertambah dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan rakyat setempat. Mekanisme pemberian peruntukan tersebut adalah berdasarkan kepada peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI**

**[TITIWANGSA]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kesan kerugian RM607 juta yang ditanggung oleh Pharmaniaga kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang merupakan pemegang saham melalui Boustead Holdings Berhad serta kemampuan LTAT membayar dividen kepada pencarum-pencarum.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang mengawal 78.5% kepentingan ekuiti dalam Kumpulan Boustead setakat 12 Mei 2023, mempunyai 8.62% kepentingan langsung dalam syarikat Pharmaniaga. Kumpulan Boustead pula merupakan pemegang saham langsung syarikat Pharmaniaga dengan kepentingan sebanyak 51.85%.
2. Namun, dari segi keupayaan memberi dividen, LTAT pada masa ini tidak bergantung kepada pulangan daripada Kumpulan Boustead termasuk syarikat Pharmaniaga. Ini adalah kerana semenjak tahun 2019, Kumpulan Boustead hanya mampu memberi pulangan dividen kepada LTAT pada suku pertama tahun 2023.
3. LTAT telah mengambil kira ketidakupayaan Boustead untuk memberi dividen dalam merancang pulangan dividen tahunan kepada pencarum. LTAT telah menjalankan pengimbangan semula aset berdasarkan Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (*Strategic Asset Allocation Framework*) bagi memastikan pulangan dividen tahunan yang mampan melalui sumber lainnya seperti ekuiti persendirian, ekuiti tersiar harga, instrumen pendapatan tetap dan pelaburan-pelaburan lainnya.
4. Sehubungan dengan itu, kemerosotan nilai dan status PN17 Pharmaniaga tidak memberi impak secara langsung kepada keupayaan LTAT untuk memberi pulangan dividen kepada pencarum. Malah, keupayaan LTAT untuk memberi pulangan dividen yang mampan dijangka akan bertambah baik sejurus pelaksanaan penswastan Boustead yang boleh merasionalisasi syarikat dan juga pelaksanaan Pelan Regularisasi Pharmaniaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN  
[MERBOK]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pendirian rasmi Kerajaan Malaysia berkenaan hubungan perdagangan antarabangsa Malaysia dengan Israel serta beberapa syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia tetapi terlibat dalam amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) dengan Israel.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti termaklum, Malaysia tiada hubungan diplomatik dengan Israel dan secara dasarnya juga, Kerajaan Malaysia tidak menjalinkan hubungan ekonomi dan perdagangan secara langsung dengan Israel. Rentetan serangan Israel ke atas Semenanjung Gaza pada tahun 2014, Kerajaan Malaysia telah memutuskan pada 20 Julai 2014 supaya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (pada ketika itu) membekukan pengeluaran Lesen Import dan Lesen Eksport ke Israel bagi semua syarikat tempatan, kecuali syarikat-syarikat multinasional (*multinational companies* - MNC) yang beroperasi di Malaysia.

Ini adalah kerana syarikat-syarikat MNC yang melabur dan beroperasi di negara kita rata-ratanya adalah sebahagian daripada jalinan rangkaian bekalan global atau *global supply chain*, dengan izin, di mana dalam hal ini, mereka terlibat dalam rangkaian bekalan dengan pelbagai negara, termasuk Israel. Dari sudut ini, akan terdapat situasi yang memerlukan syarikat MNC di Malaysia berurusan dengan syarikat-syarikat Israel bagi kelangsungan operasi mereka.

Dari segi perdagangan pula, dasar semasa bagi aktiviti import dan eksport dengan Israel adalah dilarang seperti tertakluk di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2023 serta Akta Perdagangan Strategik 2010 (Akta 708). Akta 708 ini adalah selaras dengan obligasi antarabangsa Malaysia berkenaan dengan keselamatan negara di bawah Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 1540 bertujuan bagi mengawal pengeksportan dan pengimportan barang-barang strategik dengan kesemua Negara Anggota Bangsa-bangsa Bersatu, termasuk Israel.

Seperti dinyatakan tadi, negara kita tidak mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan secara langsung dengan Israel. Namun demikian, dalam sesetengah situasi pengeluaran lesen import dan eksport dengan Israel boleh dipertimbangkan. Ia adalah terhad kepada

## **NO. SOALAN : 72**

kelangsungan operasi syarikat MNC di Malaysia yang bergantung kepada pengimportan bahan mentah dan komponen dari negara Israel; yang akan menjejaskan operasi syarikat dan seterusnya memberi impak negatif terhadap pelaburan syarikat MNC di Malaysia, termasuk peluang pekerjaan kepada rakyat dan menjejaskan kestabilan rantaian bekalan global.

MITI akan terus memantau perkara ini dan memastikan sebarang keputusan yang diambil berhubung perdagangan di antara Malaysia dan Israel selari dengan pendirian Kerajaan terhadap isu Palestin dan perkembangan rundingan damai Palestin-Israel.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON@  
LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah dan usaha menyeluruh Kementerian di dalam usaha untuk mengukuh serta mengembangkan hubungan bilateral antara Malaysia dan Indonesia di zon Kepulauan Borneo.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Republik Indonesia pada tahun 2022, merupakan rakan dagang ke-6 terbesar Malaysia dengan jumlah perdagangan dua hala mencatatkan RM130.14 bilion iaitu peningkatan sebanyak 36.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM95.31 bilion. Dari segi pelaburan pula, Republik Indonesia merupakan destinasi ke-2 pilihan pelabur Malaysia di rantau ASEAN dengan jumlah pelaburan sebanyak RM63.5 bilion setakat suku ke-4 tahun 2022. Mengambil kira akan kepentingan hubungan perdagangan dengan Republik Indonesia, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk terus menggalak serta mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dua hala antara Malaysia dan Indonesia.

Antara usaha yang telah diambil adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Bersama Perdagangan dan Pelaburan (*Joint Trade and Investment Committee – JTIC*) Malaysia – Indonesia pada tahun 2008. JTIC Malaysia-Indonesia merupakan wadah untuk kedua-dua negara membincangkan sebarang isu berkaitan perdagangan dan pelaburan kedua-dua negara agar sebarang permasalahan serta cabaran dapat diselesaikan secara harmoni oleh kedua-dua pihak. Untuk makluman, Mesyuarat JTIC Malaysia-Indonesia yang seterusnya dijangka diadakan pada pertengahan tahun ini, di mana antara lain, ianya akan menyentuh usaha untuk menggalakkan aktiviti perdagangan di Kepulauan Borneo.

Kerajaan juga cakna akan kepentingan aktiviti perdagangan sempadan bagi penduduk yang menetap di kawasan sempadan Malaysia dan Republik Indonesia, khususnya di Kepulauan Borneo, untuk mendapatkan barangan keperluan harian. Seajar dengan itu, Kementerian ini bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Republik Indonesia telah mengkaji semula Perjanjian Perdagangan Sempadan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Indonesia (*Border Trade Agreement - BTA*) yang dimeterai pada 24 Ogos 1970. Adalah menjadi hasrat Kerajaan bahawa kajian semula BTA ini akan dapat lebih memudah cara dan merencanakan lagi aktiviti ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Republik Indonesia, khususnya di Kepulauan Borneo, seterusnya menyumbang kepada peningkatan taraf sosioekonomi penduduk di kawasan sempadan Malaysia dan Republik Indonesia.

Seperti yang pernah dimaklumkan sebelum ini, Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama (TYT) Joko Widodo telah mengumumkan pemindahan ibu negara Republik Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan Timur pada 26 Ogos 2019. Dalam hal ini, adalah dijangka akan terdapat limpahan ekonomi susulan proses pemindahan ibu negara Republik Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan Timur yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia, khususnya Sabah dan Sarawak.

Susulan daripada pengumuman tersebut, Kementerian ini telah mengambil langkah untuk meraih manfaat dari perpindahan tersebut, seterusnya memperkukuh hubungan dua hala Malaysia dan Republik Indonesia, termasuk di Kepulauan Borneo. Antaranya, Kementerian ini telah menjemput Otorita Ibu Kota Nusantara (OIKN), yang merupakan badan peneraju pemindahan dan pembangunan Ibu Kota Nusantara; dan Kementerian Pekerjaan Umum dan Perumahan Rakyat Republik Indonesia untuk satu sesi libat urus (*town hall*) di Kuala Lumpur pada 30 November 2022 bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai pembangunan Nusantara terutamanya peluang pelaburan dan perdagangan untuk pemain-pemain industri dari Malaysia.

Seterusnya, bagi menzahirkan kesungguhan Malaysia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Republik Indonesia dalam pembangunan Ibu Kota Nusantara, semasa Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Republik Indonesia pada 8 Januari 2023, MITI telah memudah cara 10 syarikat Malaysia untuk menyerahkan 11 Surat Niat kepada OIKN untuk mengambil bahagian dalam pembangunan Ibu Kota Nusantara.

Memelihara hubungan dua hala yang harmoni antara Malaysia dan Republik Indonesia merupakan antara keutamaan Kerajaan Malaysia. Justeru, pihak Kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai usaha untuk terus menjalinkan hubungan harmoni dengan Kerajaan Republik Indonesia demi manfaat bersama rakyat kedua-dua buah negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menambah baik mekanisme semak dan imbang terhadap SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya secara bebas dan adil tanpa tekanan badan eksekutif.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan amat terbuka akan pandangan dan saranan yang disuarakan daripada pelbagai pihak bagi meningkatkan keberkesanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
2. SPRM tetap utuh kepada dua asas utama iaitu prinsip pengasingan kuasa (*separation of powers*) dan keluhuran undang-undang (*rule of law*). Selaras dengan prinsip di atas, SPRM adalah bebas dalam menjalankan tugas-tugas tanpa sebarang campur tangan dari mana-mana pihak. Setiap kes yang disiasat tidak perlu dirujuk kepada mana-mana pihak sebelum siasatan dijalankan.
3. Sejak penubuhan SPRM pada tahun 2009, lima (5) badan pemantau bebas telah diwujudkan sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap perjalanan SPRM dalam penunaian fungsi dan peranannya. Penubuhan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) dan Jawatankuasa Aduan (JKA) dibuat selaras dengan seksyen 13, 14 dan 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Manakala, penubuhan Panel Penilaian Operasi (PPO) dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dibuat secara pentadbiran.
4. Walau bagaimanapun, usaha memperkasakan Suruhanjaya ini turut dan sedang dilaksanakan khususnya dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan Kerajaan berhasrat mengurangkan jurang penduduk sosioekonomi rakyat Malaysia. Pegangan ekuiti adalah satu aras yang dapat mencerminkan kedudukan ekonomi sesuatu kaum. Berapa ekuiti masyarakat mengikut kaum pada masa sekarang dan apakah sasaran yang hendak dicapai pada tahun 2030.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengurangkan jurang sosioekonomi, pelbagai usaha dilaksanakan termasuk program bersasar dan strategik untuk membasmi kemiskinan serta meningkatkan pendapatan isi rumah. Keutamaan diberi kepada enam (6) negeri kurang membangun iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak. Usaha ini diharap dapat memastikan pendapatan isi rumah bagi penduduk di enam (6) negeri tersebut tidak ketinggalan jauh berbanding negeri maju dan membangun seperti Selangor, Johor serta Pulau Pinang.

Pemilikan ekuiti sektor korporat merupakan salah satu indikator yang digunakan oleh Kerajaan dalam menentukan pencapaian dan kedudukan ekonomi mengikut etnik. Kementerian juga mengguna pakai indikator lain seperti pendapatan isi rumah, kadar pengangguran dan

peratusan pekerja berkemahiran tinggi dalam menentukan pencapaian dan kedudukan ekonomi mengikut etnik. Status pemilikan ekuiti sektor korporat berasaskan nilai pasaran tahun 2019 adalah seperti berikut:

- pegangan Bumiputera 17.2 peratus;
- pegangan bukan Bumiputera 25.0 peratus;
- pegangan asing 45.5 peratus; dan
- nomini 12.3 peratus.

Pengiraan pemilikan ekuiti sektor korporat ini adalah berdasarkan sumber yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bursa Malaysia.

Kerajaan masih mengekalkan sasaran 30 peratus pemilikan ekuiti Bumiputera seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia ke-12.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga komited untuk membantu bukan Bumiputera terutama kaum India dengan melaksanakan pelbagai program yang telah memberi manfaat kepada 167,528 orang masyarakat India B40 daripada tahun 2021 sehingga 2022. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia dan Skim Pinjaman Usahawan Masyarakat India.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN AHMAD  
KAMAL [ MACHANG ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bercadang untuk mengkaji semula jumlah elaun sara yang diterima oleh peminjam memandangkan jumlahnya masih sama sejak hampir 10 tahun yang lalu dan memandangkan kadar kos sara hidup yang meningkat.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Umum mengetahui, model pembiayaan PTPTN adalah bergantung pada kutipan bayaran balik daripada peminjam sebagai sumber utama dana pusingan, manakala kekurangannya akan ditampung melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan atau pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.
2. Justeru, sebarang cadangan pelaksanaan dasar baharu memerlukan kajian yang komprehensif terutamanya perincian daripada segi kaedah pelaksanaan, kumpulan sasaran, serta implikasi kewangan kepada Kerajaan sebelum diangkat untuk kelulusan.
3. Mengambil kira kedudukan ekonomi semasa, sebarang perubahan melibatkan kenaikan kepada jumlah pinjaman akan mengakibatkan sebilangan pelajar tidak akan berpeluang untuk memperoleh pinjaman pendidikan, di mana peningkatan jumlah pinjaman akan mengurangkan bilangan peminjam yang boleh ditaja.
4. Sebagai langkah alternatif untuk tidak terlalu bergantung kepada pinjaman pendidikan, Kerajaan melalui PTPTN telah menyediakan produk simpanan iaitu "Simpan SSPN" untuk ibu bapa membuat penabungan awal seterusnya merancang kewangan untuk pembiayaan pendidikan tinggi anak-anak pada masa hadapan.
5. Simpan SSPN menawarkan pelbagai insentif termasuk dividen tahunan, perlindungan takaful serta pelepasan taksiran cukai kepada pendeposit. Melalui pembudayaan awal penabungan dalam kalangan rakyat ini, diharapkan lambat laun mampu mengurangkan kebergantungan yang berterusan kepada pinjaman dan seterusnya berjaya meringankan bebanan kewangan graduan pada masa hadapan dalam membuat bayaran balik pinjaman pendidikan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ONN BIN ABU BAKAR [ BATU PAHAT ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kejayaan dasar liberalisasi sektor perkhidmatan. Berapa nilai FDI (Foreign Direct Investment) sektor ini yang terkini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak tahun 2006, Dasar Liberalisasi Sektor Perkhidmatan telah dilaksanakan ke atas sektor hartanah. Pada tahun 2009 dan 2012, Malaysia secara progresif telah meliberalisasi sektor perkhidmatan yang terpilih melalui liberalisasi autonomi (*autonomous liberalization*) dan pelaksanaan melalui perjanjian-perjajian perdagangan antarabangsa. Keputusan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan telah diambil untuk mengukuhkan ekonomi Malaysia bagi menghadapi cabaran globalisasi, dan untuk menyusun semula ekonomi dengan memanfaatkan potensi pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan.

Secara keseluruhan Malaysia telah meliberalisasikan 45 sub sektor perkhidmatan secara sehalu (*autonomous liberalization*). Sektor-sektor perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut:

- a. **Dalam tahun 2009, 8 sektor perkhidmatan yang melibatkan liberalisasi penuh untuk 27 sub sektor termasuk:**
- i. Perkhidmatan sektor teknologi maklumat;
  - ii. Perkhidmatan kesihatan dan sosial;
  - iii. Perkhidmatan pelancongan;
  - iv. Perkhidmatan perniagaan;
  - v. Perkhidmatan pengangkutan;
  - vi. Perkhidmatan sukan dan rekreasi;
  - vii. Perkhidmatan penyewaan dan pajakan; dan
  - viii. Perkhidmatan sokongan pengangkutan (*Supporting & Auxiliary Transport Services*).
- b. **Manakala dalam tahun 2012, 6 sektor perkhidmatan yang melibatkan liberalisasi penuh untuk 18 sub sektor termasuk:**
- i. Perkhidmatan telekomunikasi;
  - ii. Perkhidmatan kesihatan;
  - iii. Perkhidmatan pendidikan;
  - iv. Perkhidmatan professional;
  - v. Perkhidmatan pengedaran perdagangan; dan
  - vi. Perkhidmatan alam sekitar (*Incineration services*).

Proses liberalisasi ini diambil adalah untuk menggalakkan lagi penyertaan pelabur asing dalam sektor perkhidmatan selain meningkatkan pertumbuhan, memperbaiki kualiti dan standard serta daya saing sektor ini. Langkah ini juga dilihat secara langsung akan menjadi pemangkin untuk rakyat dan pengusaha tempatan memperbaiki dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehpasaran, sebagai persiapan menghadapi persaingan daripada pembekal-pembekal perkhidmatan asing. Hasilnya kelak adalah pengusaha-pengusaha Malaysia mampu membina kedudukan yang lebih kukuh di pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

Pada tahun 2022, sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 57% iaitu RM877.4 bilion daripada keseluruhan Keluaran Kasar Dalam Negara (KDNK). Jumlah import sektor perkhidmatan adalah sebanyak RM184.4 bilion bagi tahun 2022, manakala jumlah eksport pada tahun yang sama adalah sebanyak RM139.9 bilion. Sektor perkhidmatan

perniagaan, pelancongan dan pengangkutan merupakan tiga sektor import dan eksport utama bagi tahun 2022 dan merupakan antara sektor yang telah diliberalisasi.

Dari segi pelaburan pula, sejumlah RM264.6 bilion nilai pelaburan telah diluluskan pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut RM163.3 bilion (61.7%) adalah Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan RM101.3 bilion (38.3%) adalah Pelaburan Langsung Domestik (DIA). Bagi sektor perkhidmatan secara khusus, jumlah FDI bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM84.9 bilion manakala DIA pula adalah sebanyak RM69.1 bilion. Berdasarkan rekod yang dicatatkan semenjak tahun 2006 sehingga 2022, jumlah pelaburan sektor perkhidmatan adalah sebanyak RM1.7 trilion dengan 67,931 projek dan menyumbang kepada pembukaan peluang pekerjaan sebanyak 1,099,894. Sektor perkhidmatan global (RM98.3 bilion), sektor maklumat dan komunikasi (RM91.4 bilion) serta sektor perdagangan pengedaran (RM57.9 bilion) merupakan penyumbang utama FDI sektor perkhidmatan semenjak tahun 2006.

Secara kesimpulan, pelaburan sektor perkhidmatan menunjukkan peningkatan semenjak tahun 2006. Peningkatan dalam jumlah FDI tersebut secara tidak langsung menunjukkan impak positif dasar liberalisasi yang telah dilakukan ke atas sektor perkhidmatan. Ia telah berupaya menarik FDI ke dalam negara sekali gus menambah peluang pekerjaan. Kemasukan pelaburan asing juga meningkatkan daya saing negara serta menambah kepakaran dan teknologi dalam bidang perkhidmatan, di samping memberi pilihan yang lebih luas kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM  
[KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apa status portal Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dibangunkan pada tahun 2019, yang bertujuan menjadi pusat sehati untuk memudahkan komuniti awam, akademik dan industri membuat rujukan mengenai pelaksanaan dan program-program berkaitan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Portal Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) telah dilancarkan pada 7 November 2019 semasa Persidangan PSH Peringkat Nasional Tahun 2019 oleh Timbalan Menteri Pendidikan pada ketika itu.
2. Pada masa tersebut, portal PSH Nasional telah diletakkan dalam domain [pshnasional.moe.gov.my](http://pshnasional.moe.gov.my) iaitu di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan hanya melibatkan 15 kementerian dan 9 jabatan/ agensi kerajaan.
3. Namun begitu, susulan daripada penyusunan semula barisan jemaah menteri pada 9 Mac 2020 di mana sektor pengajian tinggi telah diasingkan dari KPM dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) diwujudkan semula, Portal PSH tersebut telah diserahkan kepada KPT.
4. Mulai tahun 2022, pelaksanaan program PSH telah diperluas kepada semua 25 kementerian, 23 jabatan/agensi kerajaan dan 13 kerajaan negeri.
5. Dalam hal ini, KPT kini dalam proses menambahbaik dan pengemaskinian maklumat dari semua agensi pelaksana PSH yang terlibat bagi memastikan Portal PSH Nasional tersebut dapat menjadi *gateway* utama kepada semua program PSH di seluruh Malaysia. Di samping itu, maklumat pelaksanaan program PSH boleh diperolehi di laman sesawang institusi yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan antara Portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) yang dikendali oleh MAMPU dengan Portal OpenDOSM NextGen yang baru diperkenalkan oleh DOSM serta sama ada kedua-dua Kementerian merancang untuk bekerjasama bagi meningkatkan kualiti data terbuka.

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bersama-sama dengan agensi sektor awam sentiasa berusaha memodenkan perkhidmatan awam Malaysia ke arah perkhidmatan yang lebih baik. Pemodenan ini termasuklah aspek pendigitalan dan penawaran perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.
2. Rentetan daripada pendigitalan ini, banyak data-data baharu yang dihasilkan, dikumpul dan boleh digunakan oleh sama ada agensi sektor awam, pihak industri, para penyelidik, para pelajar institusi pendidikan

mahupun orang awam bagi tujuan membantu dalam membuat keputusan atau pun inovasi baharu.

3. Oleh yang demikian, sejak 2014, MAMPU telah menggerakkan usaha membangunkan platform Portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA). Portal DTSA ini adalah merupakan wadah kepada agensi sektor awam untuk berkongsi data-data yang diklasifikasikan sebagai data terbuka untuk dicapai, dimuat turun dan digunakan oleh semua pihak yang berkepentingan.

4. Sejalan dengan keperluan ini, pada tahun 2015, MAMPU telah mengeluarkan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2015, Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam. Pekeliling ini adalah dokumen garis panduan dalam pelaksanaan DTSA untuk dijadikan rujukan oleh semua pihak termasuk orang awam. Pekeliling ini boleh dicapai dan dimuat turun daripada portal MAMPU. Melalui pekeliling ini, data terbuka sektor awam didefinisikan sebagai data kerajaan yang boleh digunakan secara bebas, boleh dikongsikan dan digunakan semula oleh rakyat, agensi sektor awam atau swasta untuk sebarang tujuan.

5. Inisiatif DTSA yang dilaksanakan oleh MAMPU ini akan terus dilaksanakan kerana inisiatif ini menyokong penarafan antarabangsa khususnya dalam penilaian United Nation Electronic Government Index (UNEGDI) bagi subindex Online Service Index (OSI) dan Global Data Barometer. Penarafan antarabangsa bagi inisiatif ini adalah penting agar Malaysia adalah seiring dengan negara-negara maju yang lain dalam penyediaan dan penawaran set data terbuka kepada Rakyat. Sebagai makluman, bagi penarafan UNEGDI untuk subindeks OSI, Malaysia berada pada "Very High OSI Index" sejak tahun 2018 iaitu selama tiga tahun berturut-turut (2018, 2020 dan 2022) dan pada tahun 2022 Malaysia berada pada kedudukan ke-53 berbanding 193 negara anggota. Manakala bagi penarafan Global Data Barometer, negara telah berada pada kedudukan ke-39 berbanding 109 negara anggota. Dari itu, MAMPU dan agensi sektor awam akan terus berusaha untuk meningkatkan kedudukan Negara dalam penarafan antarabangsa ini.



6. Pada masa yang sama, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) membangunkan platform OpenDOSM yang telah dilancarkan pada Januari 2023. Usaha DOSM ini adalah untuk memudahkan rakyat untuk mencapai dan memahami data-data yang wujud di DOSM. DOSM memegang mandat dan bertanggungjawab untuk menerbitkan data-data dalam bentuk statistik kebangsaan berdasarkan banci.

7. Manakala, MAMPU pula melalui pekeliling DTSA memegang mandat dan bertanggungjawab untuk menguruskan DTSA. Antara prinsip penting yang menjadi fokus dalam DTSA ini adalah penyediaan set data terbuka yang boleh dibaca atau diproses secara terus oleh mesin atau perisian yang sinonimnya dipanggil sebagai *machine readable* dan set data yang disediakan secara *application programming interface* (API ready) untuk dicapai dan digunakan. Selain itu, penyediaan set data yang bergranulariti tinggi (*granularity*) turut menjadi keutamaan supaya data yang disediakan dapat memberikan impak keberhasilan produk data yang berimpak tinggi. Ketiga-tiga prinsip penting ini iaitu *machine readable*, *API ready* dan *granularity* bertujuan untuk mempercepatkan proses pembangunan sistem aplikasi kerana integrasi data telah menjadi mudah, cepat dan menguntungkan banyak pihak kerana ia menjimatkan kos pembangunan aplikasi berbanding kaedah lama. Data-data DTSA boleh didapati secara percuma dan boleh digunakan untuk menghasilkan inovasi kepada perkhidmatan kerajaan.

8. Dari segi hala tuju kerajaan ke hadapan, pada masa ini pihak MAMPU dan DOSM sedang bersama-sama dalam hal data terbuka ini. Pihak MAMPU akan terus mengendalikan portal DTSA melalui capaian URL [data.gov.my](http://data.gov.my) yang mengandungi segala data terbuka sektor awam, manakala OpenDOSM boleh dikhususkan untuk data terbitan DOSM bagi memenuhi keperluan statistik kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [ MERBOK ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian senarai jumlah lawatan kerja ke luar negara oleh Ahli-ahli Kabinet Kerajaan dari Januari 2023 hingga April 2023, berapa jumlah perbelanjaan lawatan, negara-negara yang dilawati mengikut portfolio masing-masing.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Perpaduan sentiasa proaktif dan telah mengadakan beberapa pertemuan rasmi bersama ketua-ketua negara luar dalam usaha memperkukuhkan sektor ekonomi negara dengan mengeratkan hubungan dua hala melibatkan kerjasama antaranya dalam aspek politik, ekonomi, pendidikan dan keselamatan.
2. Segala usaha Kerajaan ini adalah demi memastikan rakyat Malaysia akan terus menikmati hasil pembangunan negara. Usaha ini didukung dengan tindakan Kerajaan yang terus berusaha

memperkuat asas-asas ekonomi negara melalui pelaksanaan dasar yang terbuka dan telus. Antara inisiatif yang diambil Kerajaan adalah menerusi lawatan rasmi Ahli-ahli Kabinet Kerajaan berserta delegasi pegawai Kerajaan ke negara-negara luar tertentu bagi membantu kerajaan mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi melalui kerjasama perdagangan dan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia.

3. Selain itu, lawatan kerja ini juga memberi peluang pemimpin kedua-dua negara bertukar pandangan mengenai hala tuju hubungan dua hala selain membincangkan peluang kerjasama baharu dalam pelbagai bidang yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

4. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 64 lawatan kerja ke luar negara yang turut melibatkan Ahli-ahli Kabinet Kerajaan yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri. Lawatan berkenaan melibatkan Kementerian/Agensi berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kementerian/Agensi</b>	<b>Bilangan Lawatan</b>
1)	Jabatan Perdana Menteri	15
2)	Kementerian Belia dan Sukan	1
3)	Kementerian Dalam Negeri	5
4)	Kementerian Ekonomi	2
5)	Kementerian Komunikasi dan Digital	2
6)	Kementerian Kesihatan	1
7)	Kementerian Luar Negeri	9
8)	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	2
9)	Kementerian Pendidikan	1
10)	Kementerian Sumber Manusia	2

**NO. SOALAN: 80**

11)	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	1
12)	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	2
13)	Kementerian Pertahanan	4
14)	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	4
15)	Kementerian Kewangan	1
16)	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	2
17)	Kementerian Pengangkutan	3
18)	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	3
19)	Kementerian Perladangan dan Komoditi	1
20)	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	3
<b>JUMLAH</b>		<b>64</b>

5. Anggaran perbelanjaan bagi keseluruhan 64 lawatan rasmi ke luar negara Ahli-ahli Kabinet Kerajaan berkenaan bagi tempoh mulai Januari sehingga April 2023 adalah berjumlah RM18.6 juta.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK JONATHAN YASIN  
[RANAU]**  
**TARIKH** : **22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Jonathan Yasin [Ranau]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bilakah daerah Ranau akan mendapat faedah sepenuhnya daripada inisiatif Digital Nasional atau Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi memperbaiki dan meningkatkan mutu liputan internet yang teruk di kawasan-kawasan pedalaman daerah Ranau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan inisiatif yang menyeluruh di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di Parlimen Ranau dijangka akan siap secara berperingkat sehingga penghujung suku keempat tahun 2023. Setakat suku pertama tahun 2023, dua daripada 35 buah menara komunikasi baharu yang diperuntukkan di Parlimen Ranau telah siap dan beroperasi manakala baki 33 buah menara masih dalam peringkat pelaksanaan. Dua buah menara yang telah siap dan beroperasi ini terletak di Kg Kinaratuan dan Jalan Lombong Mamut. Sebanyak 161 daripada 162 buah stesen pemancar telah siap dinaik taraf manakala bagi sambungan gentian optik pula, sebanyak 4,607 daripada 9,493 premis telah siap tersedia.

Perancangan Pelan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh rakyat. Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya

## SOALAN NO: 81

Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan sentiasa memantau dan memastikan pembina menara yang dilantik akan melaksanakan tugas dengan komited demi pembangunan industri ekonomi, pendidikan, dan pelancongan di negeri Sabah.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit bagi menangani isu akses internet berkualiti, KKD juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di kawasan luar bandar dan pendalaman di seluruh negara dengan lebih baik.

Di Sabah, sehingga 11 Mei 2023, sebanyak 59 daripada 695 kawasan PoP telah berjaya disiapkan dengan 7,118 premis sedia untuk dilanggan dan menikmati internet berkelajuan tinggi. Bagi Parlimen Ranau, 61 kawasan terlibat dengan pelaksanaan PoP.

Segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan terutamanya daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Tanah dan Ukur (JTU), dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah serta pihak Kerajaan Negeri daripada segi memudahcara proses kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan di bawah Pelan JENDELA demi merealisasikan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini kenaikan kadar elaun hilang upaya bagi Veteran Angkatan Tentera yang cedera semasa bertempur dengan penganas komunis semasa darurat.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang diPertua,

1. Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dan komited dalam memperkasakan agenda kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM dari kategori penerima pencen hilang upaya dan tanggungan mereka terutamanya kepada Veteran ATM yang cedera dan hilang upaya disebabkan oleh pertempuran dengan pengganas komunis semasa darurat.

2. Kertas Cadangan mengenai perkara ini telah disiapkan dan telah diedarkan untuk semakan akhir oleh Perkhidmatan (Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara) seterusnya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera (MAT) dalam masa terdekat dengan mengambil kira semua komponen Faedah Hilang Upaya (FHU) iaitu **Pencen Hilang Upaya, Ganjaran Hilang Upaya, Elaun Pelajaran dan Elaun Layanan Sentiasa** dengan menambahbaik syarat dan kadar bayaran yang lapuk mengikut formula *Time Value of Money*.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023**

**SOALAN:**

**PERDANA MENTERI** menyatakan—

mengapa Jabatan Peguam Negara masih belum mendakwa pihak tertuduh dalam kes berkaitan laporan polis dengan No. Report: CHERAS/022144/20 bertarikh 20 Oktober 2020 walaupun polis telah mengemukakan siasatan mereka berulang kali. Apakah perkara yang menyebabkan kelewatan ini sedangkan kes ini melibatkan kematian tragis seorang pemuda.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUT)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kertas siasatan dirujuk buat kali pertama ke Jabatan Peguam Negara pada bulan Mei 2022. Setelah kertas siasatan diteliti, terdapat beberapa arahan lanjut yang perlu diambil tindakan oleh pegawai penyiasat PDRM bagi melengkapkan siasatan.
2. Setelah kertas siasatan dikembalikan semula pada bulan Julai 2022 kepada Bahagian Pendakwaan, terdapat beberapa lagi perkara yang perlu disiasat dan perincian lanjut perlu diberikan oleh pegawai penyiasat bagi menjelaskan beberapa isu yang berkaitan. Kertas siasatan telah dikembalikan semula kepada PDRM untuk tindakan PDRM.
3. Pada bulan Januari 2023, setelah kertas siasatan dirujuk semula ke Jabatan Peguam Negara, arahan lanjut telah diberikan kepada pegawai penyiasat lanjutan daripada penemuan baharu yang ditemui dalam hasil siasatan terkini. Pada 2 Mei 2023, arahan diberikan supaya pertuduhan di bawah seksyen 304(b) Kanun Keseksan dibuat terhadap tertuduh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LO SU FUI [TAWAU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pandangan Kerajaan mengenai keabsahan penggunaan akuan bersumpah (“SD”) sebagai legitimasi untuk menyatakan sokongan terhadap sesuatu dan apakah terdapat reformasi dalam bidang legislatif negara bagi mengelakkan penyalahgunaan SD yang boleh menjejaskan institusi pentadbiran negara.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*] adalah suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi membuat dan mengambil akuan berkanun ("*statutory declaration*") dan bagi maksud yang berkaitan dan bersampingan dengannya. Akta 783 ini telah mula berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia mulai 1 Jun 1961 menurut *Statutory Declarations -Date of coming into force* [*L.N. 154/1961*] dan telah diluaskan pemakaiannya ke Sabah dan Sarawak melalui Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Akuan Berkanun) (Pengubahsuaian dan Peluasan ke Negeri-Negeri Borneo) 1968 [*P.U. 488/1968*] mulai 1 Januari 1969.
2. Seksyen 2 Akta 783 memperuntukkan bahawa suatu akuan berkanun adalah suatu akuan oleh mana-mana orang secara sukarela mengikut borang dalam Jadual Akta 783 yang diambil dan diterima oleh mana-mana Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah, atau, tertakluk kepada seksyen 4 Akta Notari Awam 1959 [*Akta 115*], oleh mana-mana notari awam yang dilantik di bawah Akta 115, dengan suatu bayaran fi yang ditetapkan.
3. Seksyen 3 Akta 783 pula memperuntukkan bahawa suatu akuan yang dibuat di bawah Akta 783 secara palsu hendaklah disifatkan sebagai akuan yang disebut dalam—
  - (a) seksyen 199 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] yang memperuntukkan kesalahan mengenai kenyataan palsu yang dibuat dalam sesuatu akuan yang boleh diterima di sisi undang-undang sebagai suatu keterangan; dan

(b) seksyen 200 Akta 574 yang memperuntukkan kesalahan bagi tindakan menggunakan sebagai benar sesuatu akuan yang diketahui sebagai palsu.

4. Sekiranya disabitkan, kedua-dua perbuatan kesalahan di bawah seksyen 199 dan 200 Akta 574 ini hendaklah dihukum di bawah seksyen 193 Akta 574 yang memperuntukkan bahawa—

(a) sesiapa yang dengan sengaja memberikan keterangan palsu dalam mana-mana peringkat prosiding kehakiman, atau mereka-reka keterangan palsu bagi maksud digunakan dalam mana-mana peringkat prosiding kehakiman, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh melangkaui sehingga tujuh tahun, dan juga boleh dikenakan denda; dan

(b) sesiapa yang sengaja memberi atau mereka-reka keterangan palsu dalam mana-mana kes lain, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh melangkaui sehingga tiga tahun, dan juga boleh dikenakan denda.

5. Di samping itu, seksyen 5 Akta 783 memperuntukkan apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang persekutuan yang berkuat kuasa di Sabah mengenai Ordinan Akuan Berkanun Sabah [*Bab 138*] dan apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang persekutuan yang berkuat kuasa di Sarawak mengenai Ordinan Akuan Berkanun Sarawak [*Bab 52*] atau mengenai Akta Akuan Berkanun 1835 [*5 dan 6 Wm. IV, C. 62*], United Kingdom, hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai Akta 783.

6. Oleh itu, berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di atas, suatu akuan berkanun yang dibuat di bawah Akta 783 mempunyai kesan undang-undang. Sekiranya akuan tersebut dibuat secara palsu, maka ia merupakan suatu kesalahan jenayah yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah IPTS yang telah ditutup sejak tahun 2020 sehingga 2023 dan bagaimanakah status pelajar yang belajar di IPTS tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak tahun 2020 sehingga 2023, sebanyak 37 IPTS telah ditutup.
2. Tindakan penutupan IPTS ini merupakan langkah terakhir yang diambil setelah usaha-usaha untuk meneruskan operasi IPTS tidak berjaya.
3. Dalam konteks penutupan IPTS ini, Kementerian sentiasa memberi keutamaan tertinggi serta mengambil berat kebajikan pelajar dengan memastikan pelajar yang terkesan akibat penutupan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dapat menamatkan pengajiannya.
4. Sehubungan dengan itu, proses menyambung pendidikan pelajar yang terkesan akibat penutupan IPTS diselesaikan terlebih dahulu dengan memetakan (*mapping*) pelajar ke IPTS lain sebelum sesebuah IPTS itu ditutup.
5. Kementerian menerusi IPTS sentiasa berusaha mengambil pelbagai langkah proaktif bagi memastikan kebajikan pelajar-pelajar tersebut menjadi keutamaan sepanjang tempoh pengajian mereka.

Sekian, terima kasih.





**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN  
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah tindakan jangka masa sederhana dan panjang pihak Kementerian dalam menangani isu sindiket kebocoran data peribadi lebih 21 juta orang yang menyebabkan orang ramai terdedah kepada penipuan seperti yang dilaporkan oleh Buletin Utama TV3 pada 24 April lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) tidak menerima sebarang laporan berkaitan kebocoran data peribadi melibatkan nombor telefon 21 juta rakyat Malaysia seperti yang dilaporkan oleh TV3 berdasarkan dapatan daripada analisis yang dibuat oleh Gogolook iaitu sebuah syarikat penyedia perkhidmatan perlindungan risiko digital.

Nombor telefon adalah antara maklumat asas yang umumnya diserahkan oleh pengguna untuk pelbagai bentuk pendaftaran pengguna platform atau aplikasi media sosial di atas talian dan aktiviti promosi pemasaran kepada pelbagai entiti di dalam dan di luar negara. Himpunan data nombor telefon sepertimana yang dilaporkan tersebut tidak semestinya berpunca daripada kebocoran maklumat, tetapi boleh juga berpunca dari pengumpulan, himpunan, atau perkongsian semula maklumat peribadi di luar atau atas talian.

Bagi maksud program perlindungan data peribadi di dalam transaksi komersial yang berada di bawah tanggungjawab KKD melalui JPDP dengan kerangka kawal selia Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709], pelbagai program telahpun dirangka. Di antara tindakan jangka masa sederhana yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kesedaran Pengguna Data mengenai kepentingan melindungi keselamatan data peribadi dengan menganjurkan Persidangan Perlindungan Data Peribadi, webinar, sesi konsultansi dan khidmat nasihat serta program kolaborasi dengan pelbagai pihak;
- (ii) Menjalankan pemeriksaan ke atas sistem data peribadi Pengguna Data disamping memberikan fokus kepada pematuhan Tataamalan bertujuan untuk memastikan Pengguna Data mematuhi 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi;

## SOALAN NO: 86

- (iii) Membuat pemantauan berterusan secara proaktif di saluran Internet dan risikan saluran *dark web* sekiranya terdapat kebocoran yang boleh diakses oleh orang awam. Sekatan juga dibuat terhadap laman sesawang yang dikenal pasti mengumpul atau menjual data peribadi bagi mengurangkan risiko kebocoran data yang lebih luas; dan
- (iv) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 709 ke atas Pengguna Data yang tidak mengambil langkah-langkah praktikal dalam melindungi keselamatan data peribadi yang diproses.

Bagi jangka masa panjang pula, KKD sedang mengkaji pindaan Akta 709 dan di antara cadangan pindaan adalah mewajibkan Pengguna Data untuk melantik Pegawai Perlindungan Data dan melaporkan insiden ketirisan data kepada JPDP. Selain daripada itu, pindaan akan dibuat ke atas Prinsip Keselamatan Akta 709 dengan turut meletakkan tanggungjawab secara langsung kepada Pemproses Data (*Data Processor*) untuk melindungi keselamatan data peribadi.

Kadar denda yang lebih tinggi juga akan dikenakan ke atas Pengguna Data yang melanggar mana-mana Prinsip Perlindungan Data Peribadi. Ini adalah bagi memastikan Pengguna Data adalah lebih bertanggungjawab dalam mengawal dan melindungi data peribadi yang diproses.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD  
NOR [ TEMERLOH ]**  
**TARIKH** : **22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) fungsi dan peranan penyelaras di DUN dan Parlimen bagi negeri pembangkang;
- b) adakah peruntukan wakil rakyat disalurkan kepada penyelaras DUN dan Parlimen khususnya di kawasan pembangkang.

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Secara dasarnya, buat masa ini, Kerajaan belum lagi melantik penyelarasan di DUN dan Parlimen bagi negeri pembangkang.
  
- b) Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]**  
**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN TAN HONG PIN [ BAKRI ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kerenah birokrasi supaya menyakinkan pelabur asing untuk melabur di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) komited untuk memastikan Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelaburan yang unggul dalam kalangan pelabur-pelabur asing.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai tindakan termasuk memperkemas proses pendaftaran perniagaan, memudahkan keperluan pelesenan, mengurangkan masa memproses dan kos yang terlibat dalam mendapatkan permit dan kelulusan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan memudahkan prosedur bagi menarik pelaburan asing.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi tujuan menambahbaik kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia dan seterusnya memberi keyakinan kepada pelabur sedia ada untuk terus kekal dan

menarik pelaburan baharu adalah pelaksanaan Inisiatif E10: Permit Pembinaan Ekspres, di mana proses permohonan kelulusan, pendaftaran perniagaan dan pelesenan diperkemas dan dipermudahkan bagi mengurangkan tempoh masa dan kos terlibat dalam proses berkaitan. Sebagai contoh, E10 berjaya mempercepatkan proses pembinaan kilang di Kulim, Kedah. Inisiatif perintis ini telah diperakui dan kini dipanjangkan kepada PBT di seluruh negara di bawah Contoh Amalan Terbaik dalam memudahcara pelaksanaan projek-projek pelaburan.

Selain itu, MIDA juga telah membangunkan sistem permohonan dalam talian yang dikenali sebagai Sistem InvestMalaysia di bawah projek *Enterprise Transformation System* atau dikenali sebagai e-TRANS. Sistem ini adalah satu inisiatif pendigitalan keseluruhan proses kelulusan untuk mempercepatkan proses berkaitan bagi permohonan-permohonan projek pelaburan bagi sektor di bawah seliaan MIDA. Sebanyak 10 modul untuk permohonan termasuk Lesen Pengilang (LP), Surat Pengecualian daripada LP, Insentif, Jawatan Pegawai Dagang dan Pejabat Perwakilan atau Pejabat Wilayah, Pengecualian Duti Import atau Cukai Jualan, Surat Pengesahan MIDA, dan Jualan Tempatan telah dibangunkan. Modul-modul ini adalah berfungsi sebagai pintu masuk tunggal bagi pelabur dengan tempoh pemprosesan yang telah disingkatkan.

Bagi tujuan memudahcara projek-projek pelaburan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan atau *National Committee on Investment* (NCI) dan memastikan projek yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan, Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi atau TRACK telah ditubuhkan di MIDA di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, pada 1 Jun 2020 yang lalu. Penubuhan TRACK secara tidak langsung telah memainkan peranan penting bagi meningkatkan keberkesanan proses pemantauan dan fasilitasi pelaburan, seterusnya meningkatkan kadar pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh NCI.

Inisiatif untuk penempatan wakil Jabatan Kerajaan dan syarikat penyedia perkhidmatan dan utiliti seperti Jabatan Imigresen Malaysia, yang berperanan memberi khidmat nasihat dan kelulusan pas penggajian pegawai dagang bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan terpilih;

Jabatan Kastam DiRaja Malaysia; Pertubuhan Keselamatan Sosial; Tenaga Nasional Berhad; Telekom Malaysia Berhad di MIDA juga berfungsi untuk memberi khidmat nasihat kepada pelabur berkaitan di bawah tanggungjawab agensi masing-masing.

Kerajaan akan terus meningkatkan usaha bagi mengekalkan momentum pelaburan yang jitu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan terpilih. Hal ini boleh dicapai melalui pemantapan ekosistem pelaburan yang lengkap untuk menyokong pembangunan sektor ekonomi pemangkin, terutama industri kimia, elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan, aeroangkasa, peranti perubatan serta sektor pelaburan berpotensi tinggi seperti perkhidmatan global atau *global services*, perkhidmatan logistik, teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy*.

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kerenah birokrasi bagi menyakinkan pelabur langsung asing untuk terus kekal dan menarik pelaburan baharu di Malaysia adalah selaras dengan konsep Malaysia MADANI agar Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan yang utama di rantau Asia Pasifik dan ASEAN, walaupun berhadapan dengan lanskap pelaburan asing global yang mencabar dan persaingan yang sengit daripada rakan-rakan dagang dan negara yang lain.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[LEDANG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 akan dipinda bagi memastikan sebuah Jawatankuasa Tetap Parlimen yang bebas daripada pengaruh kuasa eksekutif Perdana Menteri dapat ditubuhkan untuk mengawal selia isu-isu berkaitan dengan SPRM dan Anti-Rasuah.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperuntukkan pembentukan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) iaitu terdiri daripada Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang mewakili parti kerajaan dan pembangkang. Kesemua mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan keanggotaannya ahli JKMR adalah seramai tujuh (7) orang sahaja.
2. Fungsi-fungsi JKMR yang diperuntukkan melalui Akta 694 ini adalah bebas daripada pengaruh kuasa eksekutif, malahan Jawatankuasa ini berperanan untuk menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia dan mengemukakan laporan kepada Perdana Menteri untuk dibentangkan di Majlis Parlimen.
3. Walaubagaimanapun, Kerajaan amat terbuka akan pandangan dan saranan yang disuarakan daripada pelbagai pihak termasuk Ahli Yang Berhormat bagi meningkatkan keberkesanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Perkara ini akan diteliti oleh pihak berkaitan bagi tindakan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR  
[KUANTAN]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kadar kebolehpasaran graduan (*graduate employability*) kolej dan institut pengajian tinggi awam dan swasta dalam negara bagi tempoh 2018-2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi daripada Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh KPT, secara keseluruhannya **kadar kebolehpasaran graduan peringkat nasional bagi tahun 2022 ialah 90.2 peratus**. Kadar ini **meningkat sebanyak 4.7 peratus berbanding 85.5 peratus pada tahun 2021** bagi tempoh enam bulan selepas graduan menamatkan pengajian.
2. Bagi tahun 2022, **kadar kebolehpasaran graduan dari Universiti Awam (UA)** mencatatkan 92.8 peratus berbanding 88.2 peratus pada tahun 2021 dan 86.7 peratus pada tahun 2020. Sebelumnya, pada tahun 2019, 87.8 peratus kadar kebolehpasaran graduan dicatatkan dan 79.3 peratus pada tahun 2018.
3. Selain itu, **kadar kebolehpasaran graduan dari Politeknik** pada tahun 2022 pula mencatatkan peratusan sebanyak 96.2 peratus berbanding 93.7 peratus pada tahun 2021, 91.4 peratus pada tahun 2020, 96.7 peratus pada tahun 2019 dan 96.1 peratus pada tahun 2018.
4. Seterusnya, pada tahun 2022, **graduan dari Kolej Komuniti** pula mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 96.8 peratus berbanding 94.8 peratus pada tahun 2021, 94.2 peratus pada tahun 2020, 97.8 peratus pada tahun 2019 dan 96.6 peratus pada tahun 2018.
5. Manakala bagi tahun 2022, **kadar kebolehpasaran graduan dari Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** adalah 85.5 peratus berbanding 80.3 peratus pada tahun 2021, 79.4 peratus pada tahun 2020, 79.0 peratus pada tahun 2019 dan 75.4 peratus pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB  
AZAMUDDEN (ALOR SETAR)**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ ALOR SETAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos perbelanjaan program Himpunan Madani Kedah yang berlangsung pada 28 April 2023 dan nyatakan perbelanjaan bagi penyanyi jemputan, wang tunai peserta konvoi motosikal serta kos lain yang berkaitan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Penganjuran Himpunan Madani Kedah 2023 yang telah diadakan pada 28 April 2023 di Dataran Stargate, Alor Setar, Kedah bukan merupakan program yang dianjurkan sama ada pihak Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri. Ia tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD  
SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan secara terperinci perancangan Kementerian untuk memperkenalkan rangkaian kedua 5G mulai tahun depan dan reaksi Kerajaan mengenai amaran daripada Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat (AS) mengenai risiko terhadap keselamatan negara dan pelaburan asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 3 Mei 2023 telah memutuskan supaya pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia beralih kepada model dwirangkaian setelah pelaksanaan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) mencapai 80% liputan 5G di kawasan berpenduduk menjelang penghujung 2023. Pelaksanaan model dwirangkaian ini adalah selari dengan amalan di peringkat global yang menawarkan kepelbagaian rangkaian bukan sahaja untuk rakyat, malah juga untuk sektor perindustrian yang merupakan antara kumpulan sasar penggunaan teknologi 5G. Model ini turut mengambil kira kemampuan ekosistem industri telekomunikasi di Malaysia sekali gus menamatkan unsur monopoli yang sering dikaitkan dengan DNB.

Dua rangkaian 5G di Malaysia kelak akan dibangunkan dan diurus tadbir oleh entiti berikut:

- (i) Entiti A: Meneruskan pelaksanaan rangkaian 5G oleh DNB melangkaui 80% liputan 5G di kawasan berpenduduk; dan
- (ii) Entiti B: Membangunkan rangkaian 5G kedua setelah mendapat penguntukan spektrum 5G daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Ini bermakna rangkaian 5G sedia ada yang dibangunkan oleh DNB masih akan kekal digunakan dan menjadi salah satu daripada dua rangkaian 5G negara. Kontrak-kontrak sedia ada yang telah ditandatangani oleh DNB juga masih akan diteruskan. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada kontrak tersebut mungkin perlu dirunding semula bagi memastikan terma-terma dan syarat-syarat yang termaktub adalah selari dengan peralihan dasar pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia.

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) mengambil maklum terhadap laporan daripada media antarabangsa di mana pihak Kesatuan Eropah dan juga Amerika Syarikat menyuarakan kerisauan mereka

## SOALAN NO: 92

terhadap isu keselamatan nasional di Malaysia berkait dengan pelaksanaan rangkaian 5G kedua di Malaysia. Laporan tersebut secara spesifik menyebut kerisauan tersebut adalah berkisarkan penggunaan teknologi daripada Huawei.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa penyedia perkakasan rangkaian atau *network equipment provider* (NEP) seperti Ericsson, Huawei, Nokia, ZTE dan sebagainya, sebenarnya dilantik oleh pihak penyedia perkhidmatan. Ini merupakan urusan komersial mereka dan Kerajaan tidak mempunyai kepentingan untuk campur tangan dalam urusan tersebut. Hal ini kerana setiap generasi rangkaian mudah alih mempunyai piawaian tersendiri yang diiktiraf di peringkat global dan teknologi NEP dari pelbagai negara adalah berbeza. Instrumen kawal selia sedia ada di bawah SKMM sememangnya akan memastikan perkakasan dan teknologi yang digunakan di Malaysia adalah mengikut piawaian global tanpa mensyaratkan secara khusus entiti yang menyediakan perkakasan dan teknologi tersebut.

KKD akan mengambil langkah proaktif dengan mengadakan pertemuan dengan duta negara-negara berkaitan untuk memberikan penjelasan berkenaan keputusan dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan ini.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR  
DZULKARNAIN BIN ABDUL  
KHALID [ KUALA KANGSAR]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta PERDANA MENTERI menyatakan pertimbangan Kerajaan terhadap cadangan tempoh perkhidmatan pekerja kontrak perkhidmatan awam ke lantikan tetap dikurangkan dari 15 kepada 10 tahun seperti yang diusulkan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan sejauh manakah Kerajaan menilai keperluan untuk mengkaji semula dasar pengambilan pekerja kontrak perkhidmatan awam ini.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar semasa lantikan dan pengisian ke dalam Perkhidmatan Awam memfokuskan kepada penggunaan sumber manusia secara optimum bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan PB 3.1 – Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam menerapkan tiada pewujudan jawatan baharu serta pengisian jawatan terkawal. Dalam hubungan ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menyemak semula tempoh perkhidmatan pegawai lantikan kontrak untuk dilantik ke jawatan tetap, ataupun mana-mana dasar pengambilan pekerja kontrak.

Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [DAMANSARA]

TARIKH : 22 MEI 2023

**SOALAN**

Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan langkah-langkah yang telah pun atau akan diambil untuk mengalakkan semak fakta (*fact checking*) untuk mengurangkan penyebaran berita-berita palsu yang makin meluas. Nyatakan sama ada sebarang inisiatif akan diambil untuk tujuan ini di sekolah dan universiti sebagai subjek pendidikan dan sekiranya ada, apakah langkah-langkah yang dicadangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) bersama jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa berusaha dalam meningkatkan celik media atau celik digital untuk mencegah masalah disinformasi melalui semakan fakta pihak ketiga. Pelbagai dasar telah dibentuk oleh kerajaan bagi mengimbangi permasalahan disinformasi yang dihadapi di platform digital. Antara usaha yang telah dilaksanakan untuk tujuan ini ialah melalui:

- (i) Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi melaksanakan perkongsian maklumat untuk mendidik masyarakat ataupun digital literasi supaya sentiasa bertanggungjawab serta cakna dalam memastikan kesahihan maklumat yang diterima sebelum perkongsian dilakukan menerusi video mahupun gambar di platform media sosial. Sejak pelancarannya pada 14 Mac 2017 sehingga 30 April 2023, portal Sebenarnya.my secara purata telah menerima 2 juta “hits” setiap bulan dan sebanyak 2,998 artikel berhubung berita palsu telah pun diterbitkan di portal Sebenarnya.my dalam tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,299 artikel adalah berhubung berita palsu;
- (ii) Portal MyCheck Malaysia yang dibangunkan oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) pada Mac 2020 bertujuan untuk membanteras maklumat palsu terutamanya berkaitan isu yang memberi kesan kepada kehidupan seharian rakyat. Sehingga April 2023, lebih 260 laporan semakan fakta telah dihasilkan. Portal ini aktif menterjemahkan laporan dalam bentuk grafik dan video yang dimuat naik dalam media sosial bagi mendekati masyarakat. Fokus MyCheck Malaysia adalah isu-isu yang memberi impak kepada kehidupan (*live and livelihood*)

## SOALAN NO: 94

masyarakat terutamanya yang tinggal di Malaysia seperti isu melibatkan keharmonian masyarakat, keselamatan, rutin kehidupan dan kesan ekonomi;

- (iii) Penekanan dari sudut advokasi dan kesedaran serta dari sudut kawal selia sendiri dengan izin, *self-regulation* dalam usaha menguatkan daya ketahanan serta kesedaran pengguna untuk menggunakan apa jua platform komunikasi dengan positif dan tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada;
- (iv) Penerbitan program bual bicara “Pastikan Sahih” di RTM yang bersiaran setiap hari Isnin hingga Jumaat pada pukul 4.05 hingga 4.30 petang di TV1 dan Saluran Berita RTM bagi mengupas isu-isu berkaitan laporan atau berita palsu terutama yang menjadi tumpuan masyarakat;
- (v) Penerbitan dua Pesanan Khidmat Awam (PKA) yang telah ditayangkan di semua stesen penyiaran dan media digital bermula 23 Disember 2022 sehingga Disember 2023 oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang memberi mesej-mesej kesedaran mengenai penyebaran berita palsu; dan
- (vi) Penyebaran maklumat melalui platform media sosial rasmi seperti Facebook, Instagram, Twitter, Youtube dan TikTok milik Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) yang merangkumi infografik dan videografik serta kenyataan media daripada agensi-agensi Kerajaan berkaitan berita palsu dan kesedaran mesej-mesej celik media dan digital. Ia dapat mengekang propaganda dan hebahan maklumat palsu dalam kalangan rakyat yang disebarkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Bagi perluasan semakan fakta di universiti, antara inisiatif yang telah diambil iaitu:

## SOALAN NO: 94

- (i) MyCheck Malaysia telah mengadakan sesi perkongsian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 9 Mei 2023 dan sesi seperti ini akan diperbanyakkan dalam masa terdekat;
- (ii) Kerjasama antara pihak akademik-media-awam dalam pakatan 'JomCheck'. JomCheck adalah pakatan akademik-media-awam pertama di Malaysia yang berjaya melakukan semakan fakta sebagai inisiatif memerangi berita palsu ketika Pilihan Raya Umum ke-15 lalu; dan
- (iii) Penerbitan bahan-bahan telah disebarluas secara fizikal dan digital seperti buletin, risalah serta majalah pelbagai bahasa telah diterbitkan dengan jumlah keseluruhan 13 penerbitan turut disebarluaskan menerusi pelbagai platform digital untuk memudahkan capaian masyarakat termasuklah pelajar-pelajar sekolah dan universiti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG  
[PETALING JAYA]  
TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)

**SOALAN**

**TUAN LEE CHEAN CHUNG [ PETALING JAYA ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah terdapat usaha bersama kementerian-kementerian lain bagi meneliti pembangunan kluster-kluster industri dan adakah Kerajaan bersedia menjadikan Petaling Jaya sebagai kluster industri yang menumpukan kepada bidang teknologi hijau, *artificial intelligence* dan penyelidikan serta pembangunan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaku Kementerian yang menjadi peneraju dan bertanggungjawab untuk memperkasakan pembangunan industri di Malaysia, MITI sentiasa menjalinkan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain untuk menggalakkan pembangunan kluster industri di seluruh negara.

Perancangan pembangunan kluster industri akan memanfaatkan kelebihan dan sumber dalam setiap negeri/wilayah bagi memacu potensi pertumbuhan ekonomi setempat melalui pelaburan oleh syarikat asing dan domestik termasuk Petaling Jaya yang merupakan kawasan peneraju industri utama di negara ini.

Petaling Jaya juga menempatkan syarikat-syarikat multinasional antaranya dalam bidang-bidang makanan dan minuman, elektrik dan elektronik, oleokimia dan farmaseutikal yang telah melaksanakan inisiatif teknologi hijau dan *artificial intelligence* serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam proses pengilangan produk-produk mereka.

Pada masa ini pelaburan berkaitan teknologi hijau, *artificial intelligence* serta R&D adalah antara pelaburan yang digalakkan di seluruh negara dan tidak terhad kepada kawasan tertentu sahaja. Kerajaan melalui kerjasama antara kementerian dan agensi telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

**a. Inisiatif berkaitan Teknologi Hijau**

MITI melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menyediakan insentif untuk meningkatkan penggunaan pendekatan mesra alam dalam setiap sektor untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil dan kesan alam sekitar. Insentif yang ditawarkan adalah dalam bentuk *Green Investment Tax Allowance* (GITA) iaitu pemberian elaun kepada syarikat yang menjalankan aktiviti teknologi hijau yang layak untuk kegunaan sendiri dan perniagaan. Antara aktiviti teknologi hijau yang layak adalah penjaan tenaga melalui sumber boleh diperbaharui, kecekapan dan penjimatan tenaga, bangunan hijau dan pengurusan sisa bersepadu.

Selain itu, insentif juga disediakan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti perkhidmatan hijau termasuk pajakan solar iaitu *Green Income Tax Exemption* (GITE). Insentif ini adalah kerjasama di antara MIDA dan *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Melalui insentif ini, ianya akan membantu Malaysia mencapai sasaran *Nationally Determined Contributions* (NDC) iaitu sebanyak 45 peratus pengurangan intensiti pelepasan *greenhouse gas* (GHG)



seunit KDNK pada tahun 2030 berbanding tahun 2005, dan pengurangan selanjutnya sebanyak 60 peratus dalam tahun 2035.

**b. Inisiatif berkaitan *Artificial intelligence* (AI)**

Kerajaan telah melancarkan MyDIGITAL pada 19 Februari 2022 iaitu satu inisiatif nasional yang mencerminkan aspirasi Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan tinggi dan berpacuan digital serta menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital. Demi mencapai aspirasi MyDIGITAL, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia telah digubal untuk memperincikan usaha dan inisiatif bagi meningkatkan sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi negara.

Di samping itu, MIDA telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) melalui Pejabat Pelaburan Digital (DIO) untuk mempercepatkan proses transformasi digital melalui pelaburan asing dan domestik. Usaha penggalakan dan fasilitasi pelaburan oleh DIO telah membawa kepada kelulusan pelaburan pendigitalan sebanyak RM72.4 bilion bagi tahun 2022, sekaligus meletakkan Malaysia di landasan yang tepat ke arah mencapai sasaran pelaburan asing dan domestik bernilai RM70 bilion menjelang tahun 2025 seperti mana yang ditetapkan di dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

MIDA juga telah bekerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Intel Malaysia untuk Program Kecerdasan Buatan (AI) bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dikenali sebagai Program AI4S yang bermula pada suku pertama 2021. Melalui kerjasama tersebut, MITI telah melancarkan buku kompilasi *Proof of Concept* (POC) Program AI4S pada Jun 2022 yang menampilkan 31 projek perintis yang berjaya disiapkan. Buku AI4S merupakan penerangan mengenai aplikasi AI untuk

proses perniagaan termasuk syarikat PKS. Syarikat-syarikat yang menggunakan dan menyesuaikan teknologi berkaitan Industri 4.0 boleh mengoptimumkan produktiviti dan berkembang dalam menghadapi perubahan pesat dalam kitaran teknologi.

**c. Inisiatif berkaitan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)**

Pelaburan R&D adalah elemen penting dalam membawa Malaysia menuju ke arah negara maju dan berteknologi tinggi. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menggariskan strategi dan merancang untuk mencapai aspirasi sains, teknologi dan inovasi negara.

Usaha Kerajaan untuk memperkasakan aktiviti R&D juga dinyatakan dalam RMKe-12 dengan penubuhan Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) di bawah Kementerian Ekonomi bagi memantau kualiti pelaburan R&D dan memastikan galakan cukai diberikan kepada syarikat yang melaksanakan pemindahan teknologi.

Kerajaan memberi mandat kepada MITI melalui MIDA untuk menggalakkan pelaburan dalam R&D melalui pemberian insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986. Insentif yang ditawarkan adalah Status R&D, galakan cukai kepada syarikat penyedia perkhidmatan R&D dan aktiviti R&D dalaman (*in-house*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WETROM BIN BAHANDA  
[ KOTA MARUDU ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam memperbaiki mutu Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di kawasan Kota Marudu dalam menangani situasi bencana seperti banjir kerana Pusat Pemindahan Sementara masih kekurangan fasiliti asas seperti air, makanan dan khemah sementara kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam situasi bencana.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama-sama dengan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) negeri dan daerah sentiasa bekerjasama dalam menyelaras dan mengawasi perkembangan usaha-usaha menangani bencana, operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dilaksanakan dengan segera, teratur, terselaras dan berkesan termasuk dalam pengurusan Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Di Kota Marudu terdapat 13 buah PPS iaitu:

- (i) Sekolah: 4 buah
- (ii) Bangunan SRA: 2 Buah
- (iii) Bangunan Rukun Tetangga: 1 Buah
- (iv) Balairaya/Dewan: 6 buah

2. NADMA telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2,534,176.00 kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sabah untuk baik pulih dan naik taraf kemudahan PPS di Sabah. Bagi PPS di Kota Marudu, perkara ini telahpun dibincangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Kota Marudu dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah semenjak tahun lepas sebagai persiapan menghadapi bencana banjir. Bagi sekolah yang terlibat dengan PPS, kerja-kerja pembaikan kecil telah dilaksanakan pada awal tahun selepas kejadian banjir Januari 2023 lalu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN  
[TANGGA BATU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah ada langkah bersama diambil oleh Kementerian Komunikasi dan Digital, Kementerian Kewangan dan Kementerian Dalam Negeri untuk mencegah dan menghapus kegiatan *scammer* di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan penipuan ataupun '*scam*' sama ada secara dalam talian (*online*) ataupun luar talian (*offline*) adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi-agensi berkenaan, tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan.

Dalam hal ini, penglibatan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MSKMM) atau CyberSecurity Malaysia (CSM) untuk menangani kes-kes penipuan dalam talian hanyalah meliputi aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisis forensik digital serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa sebagai contoh dari PDRM.

## SOALAN NO: 97

Bagi memastikan usaha Kerajaan untuk membendung jenayah penipuan dalam talian yang semakin berleluasa dibuat dengan lebih strategik, pada 7 Oktober 2022 penubuhan Pusat Scam Respons Kebangsaan atau National Scam Response Centre (NSRC) telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2023. NSRC merupakan usaha sama merentas kementerian termasuklah Jabatan Perdana Menteri, KKD, Kementerian Kewangan dan Kementerian Dalam Negeri, National Anti-Financial Crime Centre (NFCC), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) PDRM, BNM, SKMM, institusi kewangan/perbankan dan pemain industri telekomunikasi.

NSRC bertindak sebagai pusat hentian setempat (*One Stop Centre*) yang mengkoordinasikan respon pantas terhadap laporan mengenai aktiviti jenayah penipuan atas talian menerusi panggilan pantas 997 khususnya bagi mengesan *money trail*, menahan wang bagi meminimumkan kerugian dan mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pelaku jenayah siber.

Selain itu, melalui NSRC juga pelaksanaan kempen-kempen kesedaran berkenaan jenayah penipuan dalam talian di peringkat nasional dibuat dengan kerjasama media tempatan dan media sosial, termasuk mempromosikan portal "Semak Mule" yang merupakan portal yang boleh diakses oleh orang awam atau mangsa penipuan bagi menyemak maklumat akaun dan talian yang mencurigakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan hasrat Kerajaan untuk membina sebuah universiti khas bagi memastikan semua murid cemerlang dapat melanjutkan pelajaran tanpa mengira kaum dan agama tetapi mengikut syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Ini adalah kerana, kapasiti universiti awam yang terhad dan persaingan yang sengit menyebabkan hampir 20 ribu pemohon tidak mendapat tempat di universiti awam setiap tahun meskipun layak melepasi syarat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semangnya universiti di Malaysia mengamalkan meritokrasi iaitu pengambilan pelajar berdasarkan merit dan kelayakan tanpa mengira latar sosial yang lain.
2. **Malah, prinsip meritokrasi** yang dilaksanakan bagi kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA adalah berasaskan **90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus pencapaian kokurikulum.**
3. Berdasarkan rekod, kadar kemasukan pelajar ke (UA) telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5% iaitu daripada 177,710 orang pelajar bagi tahun 2020 kepada 187,210 orang pelajar pada tahun 2022.
4. Jumlah permohonan yang tidak layak atau diterima masuk ke Universiti Awam bergantung kepada pelbagai faktor. Ketidacukupan tempat berlaku adalah kerana kapasiti dalam sesuatu jurusan yang dikawal dengan teliti dengan mengambil kira jumlah tenaga pengajar, kemudahan serta keperluan pasaran.
5. Semua ini adalah bagi tujuan memastikan kualiti terbaik dalam sesuatu jurusan. Yang perlu ditekankan adalah, IPT di seluruh negara sememangnya sudah menggunakan prinsip meritokrasi dengan mengutamakan kecemerlangan dan merit sebagai pertimbangan masuk ke IPT.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN  
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menyambung semula program MyBrain bagi membolehkan graduan kita menyambung pengajian peringkat sarjana dan PhD.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dengan mengambil kira potensi program MyBrain15 dalam menghasilkan intelek dan pakar bagi menyokong matlamat kesejahteraan pembangunan negara, Kementerian Pendidikan Tinggi kini sedang dalam proses membuat permohonan di bawah *Rolling Plan 4 RMKe-12*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu-isu berkenaan dengan 1MDB yang masih belum diselesaikan dan sedang diteliti oleh Task Force 1MDB yang telah ditubuhkan baru-baru ini, termasuklah perkembangan terkini rundingan Kerajaan Malaysia dengan Goldman Sachs dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mandat utama Pasukan Petugas Khas 1MDB (PPK) adalah menjejaki dana dan aset 1MDB yang telah diselewengkan bagi tujuan pemulihan aset tersebut kepada Kerajaan Malaysia. Bagi melaksanakan mandat tersebut, pihak PPK telah dan sedang bekerjasama beberapa agensi-agensi penguat kuasa luar negara bagi menjejaki dan mengenalpasti beberapa aset 1MDB yang berada di beberapa negara yang kini dalam tindakan perundangan oleh pihak berkuasa negara berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN  
MASDUKI [ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [ PARIT  
BUNTAR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
KOS SARA HIDUP** menyatakan status terkini mesyuarat antara lima  
buah Kementerian berhubung laporan mengenai isu ketirisan subsidi  
diesel yang dilaporkan menjangkau hampir RM10 bilion dan adakah  
Kerajaan bercadang untuk membentangkan laporan tersebut dalam  
tempoh terdekat.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Bagi menangani isu ketirisan subsidi diesel, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil inisiatif dengan melancarkan OPS TIRIS bermula 1 Mac 2023 dan akan dilaksanakan selama enam (6) bulan sehingga 31 Ogos 2023.

Dalam pelaksanaan OPS TIRIS, terdapat dua (2) jawatankuasa *task force* telah diwujudkan bersama agensi berkaitan iaitu Jawatankuasa Pemandu (JKP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPDN dan anggotanya terdiri daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pengangkutan (MOT), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan KPDN sendiri. JKP akan bermesyuarat pada setiap 2 bulan bagi merangka polisi, dasar dan perundangan bagi pelaksanaan Ops Tiris.

Manakala Jawatankuasa Teknikal (JKT) pula melibatkan urusan pelaksanaan operasi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN dan dianggotai oleh semua agensi penguatkuasaan yang lain.

Sepanjang pelaksanaan OPS TIRIS bermula 1 Mac 2023 sehingga 16 Mei 2023, sebanyak 6,140 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara merangkumi stesen minyak, pemborong, pengilang, kuari, pos kawalan dan lain-lain premis, dan sejumlah 187 kes (91 kes serahan agensi) telah dihasilkan melibatkan stesen minyak, rumah, pemborong, kuari, bengkel kenderaan dan lain-lain serta nilai rampasan sebanyak 2,265,434 liter minyak diesel keseluruhan dianggarkan berjumlah RM 4,950,142. Seramai 124 orang warganegara tempatan dan 39 orang warganegara asing yang menjadi jumlah keseluruhan 164 orang yang ditahan sepanjang tempoh yang sama pelaksanaan OPS TIRIS ini.

Pemeriksaan ini tertumpu kepada stesen-stesen minyak dan naziran terhadap 450 pemborong seluruh negara. Pemeriksaan juga turut

dijalankan kepada 7,850 pemegang permit barang kawalan termasuk siasatan dan pemeriksaan terhadap Persatuan Nelayan Kawasan (PNK).

Pada tahun 2022, subsidi yang diberikan kepada stesen minyak adalah sebanyak 9.05 billion liter dengan nilai sebanyak RM 20 billion. Kerajaan turut memberi peruntukan sebanyak RM192 juta kepada syarikat yang berkecualan untuk menjual diesel pada harga RM1.88 seliter.

Kemudahan diesel bersubsidi diberikan kepada pemegang *fleet card* yang melibatkan RM374 juta peruntukan Kerajaan serta diesel subsidi nelayan yang dijual pada harga super subsidi RM1.65 seliter melibatkan peruntukan Kerajaan sebanyak RM 1.38 billion.

Selain Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122], kes akan turut disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN  
HARUN [PORT DICKSON]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimana Kementerian memperkukuhkan peranan Malaysia dalam arena antarabangsa dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi termasuk bidang penyiaran dan penghasilan konten.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memperkukuhkan peranan Malaysia di arena antarabangsa dalam bidang penyiaran dan penghasilan konten, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah menyertai program pasaran kandungan kreatif antarabangsa dengan tujuan untuk memperkasakan industri kreatif negara.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bersama dengan syarikat produksi filem dan televisyen tempatan telah menghadiri program pasaran kandungan kreatif antarabangsa seperti Marche Du Film dan International Co-production & Entertainment Content Market (MIPCOM) di Cannes, Perancis, Hong Kong Filmart di Republik Rakyat China dan Asia TV Forum and Market di Singapura.

Pada tahun lepas, di pasaran Marche Du Film, Cannes, Perancis, yang merupakan pasaran antarabangsa bagi kandungan kreatif filem, FINAS, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dan 13 syarikat tempatan yang merangkumi penerbit filem tempatan, pembekal khidmat produksi, penyedia fasiliti penggambaran dan syarikat animasi tempatan telah berjaya membuat jualan (muktamad dan potensi) kandungan kreatif berjumlah RM158.7 juta. Secara tidak langsung, dengan gandingan kerjasama antara kerajaan dan penggiat industri kreatif tempatan akan menjadikan Malaysia dikenali dan mudah dilihat (*visibility*) di arena antarabangsa.

Selain itu, FINAS juga menyediakan Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia/Film In Malaysia Incentive (FIMI) yang merupakan galakkan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub destinasi penggambaran melalui pelaburan antarabangsa dan tempatan dengan menawarkan sehingga 30% rebat tunai ke atas Perbelanjaan Kos Produksi di Malaysia/ Qualifying Malaysia Production Expenditure (QMPE) yang meliputi aktiviti produksi, pasca produksi tempatan & antarabangsa. Tambahan maksimum 5% rebat juga diberikan sekiranya produksi



tersebut turut memaparkan elemen seni dan kebudayaan. Melalui pemberian insentif ini, pemindahan teknologi, pengalaman dan peluang pekerjaan akan dapat dinikmati oleh penggiat industri filem tempatan.

Selain daripada FINAS, MDEC juga menyertai acara yang membuka kepada akses pasaran antarabangsa dan membawa beberapa syarikat tempatan untuk diperkenalkan kepada pelabur-pelabur dan / atau pembeli-pembeli kandungan digital antarabangsa. Antara akses pasaran yang disertai adalah *Kidscreen Summit, Annecy Animation Festival, Games Developers Conference, Tokyo Game Show* dan banyak lagi.

Selain dari itu, MDEC akan menganjurkan acara Malaysia Digital Content Festival (MYDCF) pada bulan September 2023 di mana pelabur-pelabur dan pembeli-pembeli kandungan digital di rantau ini dan antarabangsa akan turut hadir. Kehadiran mereka dapat memberi peluang kepada lebih banyak syarikat tempatan untuk mempromosikan produk kandungan digital dan juga perkhidmatan yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN  
[PADANG RENGAS]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan status pencapaian internet berkelajuan tinggi di Kawasan Padang Rengas. Memandangkan kawasan Parlimen Padang Rengas tidak mendapat capaian internet yang maksimum.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga suku pertama 2023, status kadar capaian internet kawasan berpenduduk di Parlimen Padang Rengas telah mencapai sehingga 95.26%. Melalui inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di Parlimen Padang Rengas, sebanyak enam buah lagi menara komunikasi baharu telah diperuntukkan. Setakat suku pertama tahun 2023, terdapat satu buah menara komunikasi baharu yang terletak di kawasan Talang telah siap dan beroperasi manakala baki lima buah menara masih dalam peringkat pelaksanaan. Menara-menara tersebut dijangka untuk siap secara berperingkat pada penghujung suku keempat tahun 2023.

Bagi naik taraf stesen pemancar, kesemua 36 buah stesen pemancar telah siap dinaik taraf dan bagi sambungan gentian optik ke premis pula, sebanyak 2,298 daripada 4,685 premis telah siap tersedia. Baki bagi setiap perancangan dijangka siap secara berperingkat pada penghujung suku keempat tahun 2023.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit bagi menangani isu akses internet berkualiti, Kementerian Komunikasi dan Digital juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di kawasan luar bandar dan pendalaman di seluruh negara dengan lebih baik.

Di Perak, sehingga 11 Mei 2023, sebanyak 51 daripada 507 kawasan PoP telah berjaya disiapkan dengan 5,536 premis sedia untuk dilanggan dan menikmati internet berkelajuan tinggi. Bagi Parlimen Padang Rengas, 21 kawasan terlibat dengan pelaksanaan PoP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ DAMANSARA ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [DAMANSARA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada suatu Badan Siasatan Khas akan diwujudkan untuk menerima dan menyiasat aduan salah guna kuasa terhadap pegawai-pegawai berkuasa dan sekiranya ada nyatakan proses yang akan diwujudkan bagi tujuan tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri dalam Bajet MADANI 2023, Kerajaan Perpaduan beraspirasi untuk melaksanakan reformasi institusi dan tatakelola baik bagi menghapus segala ruang yang boleh mewujudkan amalan rasuah dan penyelewengan yang sistemik. Pengurusan salah guna kuasa sedia ada juga adalah di bawah antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis, Unit Integriti di setiap agensi Kerajaan serta Biro Pengaduan Awam.

2. Komitmen ini juga telah dijawab oleh YAB Perdana Menteri dalam sesi yang lepas yang mana buat masa ini, Kerajaan sedang meneliti keperluan untuk mewujudkan satu Badan Siasatan Khas untuk menerima dan menyiasat aduan salah guna kuasa terhadap pegawai-pegawai berkuasa.

3. Dalam hal ini, satu sesi libat urus telah diadakan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) melalui Jawatankuasa Pro-tem pada 2 Mei 2023 yang dihadiri oleh Pengerusi EAIC, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Peguam Cara Negara I, Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh, dan wakil daripada EAIC, BHEUU, Jabatan Peguam Negara (AGC), SPRM, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

4. Jawatankuasa Pro-tem juga akan mengadakan sesi libat urus bersama dengan semua pihak berkepentingan termasuk Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang serta badan bukan kerajaan dalam masa terdekat. Kerajaan kekal komited dalam mewujudkan sebuah badan benar-benar bebas yang mempunyai kuasa kawalan tatatertib yang efektif dan berkesan untuk menyemai dan meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguatkuasa dan agensi penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI  
BIN TAIB AZAMUDDEN [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ ALOR SETAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos keseluruhan perbelanjaan bagi penggunaan jet peribadi untuk Perdana Menteri Malaysia ke-10 sejak bulan Disember 2022 hingga April 2023 dan nyatakan destinasi serta tujuan kegunaan.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH, SARAWAK  
DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagaimana yang dimaklumi, penggunaan jet peribadi atau pun Pesawat Eksekutif Kerajaan adalah merupakan keistimewaan yang dinikmati oleh setiap YAB Perdana Menteri yang dilantik, selaku Ketua Kerajaan Malaysia.
2. Sejak bulan Disember 2022 hingga bulan April 2023, YAB Perdana Menteri telah menggunakan Pesawat Eksekutif Kerajaan seperti mana perincian berikut:
  - (i) 9 kali bagi tugas rasmi ke luar negara (Pesawat Eksekutif Kerajaan jenis Airbus di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri); dan
  - (ii) 17 kali untuk tujuan tugas rasmi ke destinasi domestik (Pesawat Eksekutif Kerajaan jenis Global Express dan Falcon di bawah seliaan Tentera Udara Diraja Malaysia)
3. Pesawat tersebut merupakan pesawat rasmi Kerajaan di mana ia digunakan atas urusan rasmi atau khas YAB Perdana Menteri. Segala kos yang terlibat dalam penerbangan tersebut adalah dalam anggaran yang bersesuaian dengan perkhidmatan dan pengurusan pesawat berkenaan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN  
[SRI GADING]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan berapa dana dan pemain Industri yang terlibat dengan pelaksanaan PEMANGKIN.**



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara kolektif, Kerajaan melalui agensi Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah memperuntukkan jumlah keseluruhan RM238 juta sebagai pelaburan awam ke dalam sembilan sektor PEMANGKIN dengan memberi fokus kepada pembangunan industri seperti infrastruktur digital, pendidikan, dan memberikan kemahiran kepada rakyat untuk berjaya dalam ekonomi digital. Jumlah RM238 juta ini adalah di bawah bajet Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) selama 3 tahun. Jumlah yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM50 juta dan mempunyai baki sebanyak RM188 juta sehingga tahun 2025.

Antara program-program yang dilaksanakan melalui Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN) adalah seperti National e-Commerce Strategic Roadmap (NESR), e-Invoicing, DE Rantau, Digital Agtech, DE Dagang, Level Up, My Digital Content Festival dan IP360 Metaverse Industry Expert Council 2023 dan lain-lain yang akan memberi manfaat kepada lebih kurang 124,000 pemain industri.

Sebanyak RM45 juta daripada jumlah pelaburan digunakan untuk meningkatkan kebolehpayaan teknologi seperti teknologi *blockchain*, automasi, *artificial intelligence* (AI) dan lain-lain. Manakala RM50 juta daripada jumlah pelaburan adalah melalui geran padanan digital. Melalui program ini, dijangka peluang pelaburan bernilai RM1 bilion akan dihasilkan melalui sembilan sektor yang difokuskan menjelang tahun 2025, yang akan disokong dan dibantu melalui ramai pemain industri dalam sektor awam dan swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[TUARAN]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tujuan sebenar Program eKasih dan berapa sebenarnya jumlah penduduk Malaysia yang tersenarai dalam eKasih tersebut bagi setiap daerah dan setiap negeri dan wilayah di seluruh negara, adakah jumlah itu berkurangan atau bertambah dari tahun ke tahun.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sistem eKasih adalah Pangkalan Data Kemiskinan Nasional yang telah dibangunkan dan diguna pakai oleh Kerajaan bermula tahun 2008 untuk membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan selain mengintegrasikan data dan maklumat isi rumah di bawah pendapatan garis kemiskinan. Tindakan ini adalah selaras dengan keputusan **Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Ogos 2007 dan 31 Oktober 2007.**
2. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2019 (*Household Income Survey 2019*). PGK semasa (2019) adalah RM2,208 berbanding PGK terdahulu (2016) iaitu RM980.
3. Dengan adanya Sistem eKasih ini memberi ruang kepada semua agensi pemberi bantuan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan mengakses data/ maklumat kemiskinan yang sama di peringkat Persekutuan dan Negeri. Selain itu, setiap kementerian/ agensi juga bertanggungjawab untuk mengemas kini maklumat bantuan di dalam sistem eKasih secara konsisten.
4. Sehingga **15 Mei 2023**, seramai **417,297** Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan dalam Sistem eKasih. Pecahan mengikut kategori kemiskinan dan strata adalah seperti **Jadual 1** di bawah. Manakala pecahan mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.

**Jadual 1: Statistik Kemiskinan Mengikut Kategori dan Strata**

KATEGORI		JUMLAH
<b>MISKIN TEGAR</b>	<b>MISKIN</b>	<b>417,297 KIR</b>
118,217 KIR	299,080 KIR	
STRATA		
<b>BANDAR</b>	<b>LUAR BANDAR</b>	
211,059 KIR	206,238 KIR	

5. Kerajaan komited dalam menyediakan taraf hidup yang wajar melalui pelbagai program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khususnya bagi memastikan kadar kemiskinan dapat dinoktahkan. Usaha pembasmian kemiskinan ini sedang rancak dilaksanakan oleh kementerian/ agensi antaranya:
- (i) Inisiatif Pendapatan Rakyat (Kementerian Ekonomi)
  - (ii) Sumbangan Tunai Rahmah (Kementerian Kewangan)
  - (iii) Program Rebat Bil Eletrik RM40 (Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
(PASIR MAS)**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan keseluruhan daripada penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani di enam buah negeri iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari di atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI bersama YAB Perdana Menteri yang dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) hanya melibatkan tiga (3) buah negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu. Rumah terbuka di negeri Kedah adalah merupakan program peringkat Kebangsaan dimana turut melibatkan jemaah menteri, perwakilan-perwakilan asing serta ketua-ketua jabatan Kerajaan.

2. Kos keseluruhan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM6.267 juta seperti berikut:

- a. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI Kedah sebanyak RM3.183 juta.
- b. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI Kelantan sebanyak RM1.542 juta.
- c. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI Terengganu sebanyak RM1.542 juta.

Jumlah perbelanjaan ini meliputi semua perkara seperti persiapan tempat, logistik dan perbelanjaan jamuan kepada orang ramai. Jumlah kehadiran untuk program di Kedah adalah seramai 25,000 orang, manakala di Kelantan dan Terengganu adalah seramai 15,000 orang pengunjung di setiap negeri.

3. Berbanding dengan penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri pada tahun lalu yang diadakan di Seri Perdana yang menelan belanja RM11 juta dengan kehadiran seramai 70,000 orang, pelaksanaan Rumah Terbuka Malaysia MADANI ini membuka ruang yang lebih luas untuk membolehkan pemimpin Kerajaan bertemu dan beramah mesra dengan rakyat di pelbagai lokasi.

4. Penganjuran Rumah Terbuka Malaysia MADANI pada kali ini juga mendapat kerjasama di kalangan Kementerian dan Jabatan Persekutuan termasuk Kerajaan Negeri. Hal ini membolehkan kos penganjuran dapat dikurangkan terutamanya dari segi sumber manusia dan keperluan logistik yang lain.

5. Dalam masa yang sama, penganjuran Rumah Terbuka Malaysia MADANI ini memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil tempatan untuk menjana ekonomi sebagai penyedia perkhidmatan dan makan minum sepanjang majlis berlangsung. Kesan ekonomi ini juga dapat dirasai oleh pengusaha-pengusaha hotel, pengangkutan dan peniaga-peniaga lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN  
[BACHOK]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta  
MENTERI EKONOMI menyatakan :-**

- a) perincian peserta Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) mengikut kategori dan peringkat umur serta berapa peruntukan yang telah digunakan pakai dari Februari 2023 sehingga kini; dan
- b) apakah bantuan dan sokongan Kementerian terhadap negeri-negeri yang mencatatkan penyertaan peserta IPR yang rendah termasuk sebarang perancangan alternatif untuk membantu golongan sasaran yang terkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Ekonomi telah melancarkan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) pada 26 Februari 2023. Di bawah IPR, sebanyak 3 inisiatif rintis telah diperkenalkan iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Sehingga 22 Mei 2023, jumlah keseluruhan permohonan IPR yang layak setelah disemak silang dengan data e-Kasih, iDAMAK dan Sumbangan Tunai Rahmah adalah berjumlah 33,501 individu. Dari segi kategori, seramai 16,135 individu (bersamaan 48%) memohon untuk program INSAN, 10,055 individu (bersamaan 30%) memohon untuk program INTAN dan 7,311 individu memohon untuk program IKHSAN. Pecahan mengikut peringkat umur pemohon IPR adalah seperti berikut;

<b>KATEGORI UMUR (TAHUN)</b>	<b>BILANGAN (ORANG)</b>
18 – 30	8,817
31 – 40	12,949
41 – 50	7,806
51 – 65	3,929
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>33,031</b>

Susulan pelancaran IPR pada 26 Februari 2023, program Basmi Miskin Tegar (BMT) sedia ada telah diintegrasikan dan dinamakan semula di bawah IPR. Sehingga kini, RM22.8 juta telah dibelanjakan. Manakala, untuk tempoh Februari hingga Mei 2023, RM370 ribu telah dibelanjakan. Memandangkan Kementerian Ekonomi sedang melaksana proses perolehan program IPR, sebahagian besar peruntukan dijangka akan dibelanjakan pada separuh kedua tahun 2023.

Berdasarkan analisa data portal IPR, adalah didapati bahawa permohonan daripada 6 negeri kurang membangun mencatatkan angka permohonan IPR yang rendah. Dalam hubungan ini, untuk memastikan penyertaan yang lebih menyeluruh di seluruh negara pada skala yang besar, Kementerian Ekonomi sedang giat melaksanakan libat urus dengan semua Kerajaan Negeri dan pejabat daerah bagi mengenalpasti peserta daripada kategori miskin tegar, miskin dan B40 didaftarkan dalam IPR.

Selain itu, Kementerian Ekonomi turut melaksanakan penyelarasan bersepadu dengan semua kementerian dan agensi mengguna pakai pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*), pendekatan dari bawah ke atas serta penyelesaian kemiskinan secara bersasar dan bukannya *one size fits all* di peringkat pusat, negeri dan daerah adalah



penting untuk memastikan kejayaan program ini. Penyelarasan ini adalah penting bagi memastikan inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan cepat dan dapat memanfaatkan lebih ramai peserta.

Kementerian Ekonomi turut memahami bahawa pelaksanaan inisiatif ini akan melibatkan semua Kerajaan Negeri dan daerah di seluruh negara. Banyak bidang kuasa adalah di bawah pihak berkuasa negeri terutama melibatkan tanah milik kerajaan negeri. Dalam hubungan ini, Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk mengenalpasti tanah berpotensi yang boleh dimanfaatkan di bawah inisiatif ini.

Bagi memastikan tiada yang tercicir, Kementerian Ekonomi juga dengan kerjasama pengendali pangkalan data e-Kasih, iDAMAK dan Sumbangan Tunai Rahmah serta Universiti Awam terpilih sedang melaksanakan proses pemetaan bagi memastikan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar, miskin dan B40 yang tidak mendaftar di portal IPR, dilibatkan sebagai peserta dibawah Program IPR yang bersesuaian mengikut minat mereka.

Sehingga kini, sejumlah 10 mesin layan diri telah ditempatkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Sabah. Dalam tempoh terdekat, Kementerian Ekonomi akan menempatkan mesin layan diri di Sarawak, Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Perak. Kerajaan menyasarkan sebanyak 5,000 mesin layan diri akan ditempatkan di lokasi yang menjadi tumpuan awam seperti terminal/stesen pengangkutan awam, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), bangunan kerajaan dan kawasan perumahan yang berdensiti tinggi di seluruh negara.

Bagi pelaksanaan INTAN, Kementerian Ekonomi menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bagi melaksanakan projek penanaman cili fertigasi di tanah rintis Tenaga Nasional Berhad (TNB) berdekatan Pangsapuri Pelangi Damansara, Petaling Jaya.

Projek rintis melibatkan 10 ekar tanah dan diusahakan oleh 40 peserta telah dilancarkan pada 21 Mac 2023, manakala baki 70 ekar akan diusahakan oleh 280 peserta akan dimulakan pada bulan Jun 2023.

INTAN juga akan turut dilaksanakan di Presint 9, Putrajaya melibatkan kawasan seluas 30 ekar. Kerja-kerja pembersihan tapak telah dimulakan sejak 1 Mei 2023. Projek ini dijalankan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat ini dijangka memanfaatkan sejumlah 60 peserta.

Seterusnya, pelaksanaan INTAN juga memberi fokus di kawasan pantai timur Malaysia. Pelaksanaan INTAN akan diperluas ke Terengganu dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu dan Majlis Pembangunan Koridor Wilayah Pantai Timur (ECERDC) di kawasan berkeluasan 80 ekar di Kampung Telaga Papan, Setiu, Terengganu yang bakal memanfaatkan 160 peserta secara keseluruhan. Pelaksanaan projek ini dijangka akan bermula pada bulan Jun 2023.

Pelaksanaan INTAN juga akan turut dilaksanakan di wilayah utara dengan kerjasama erat bersama Kerajaan Negeri Kedah dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan syarikat GrasiCili di Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang.

Pelaksanaan IKHSAN telah dilaksanakan secara rintis melibatkan 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor dan 1 PBT di Pulau Pinang yang melibatkan keseluruhan peserta berjumlah 75 orang.

Pelaksanaan IKHSAN juga turut diperluas dengan kerjasama strategik bersama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) melibatkan 300 peserta, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah melibatkan 300 peserta serta di syarikat konsesi bangunan guna sama kerajaan dan jalan raya dan syarikat konsesi pengurusan pembersihan awam.

Kerjasama semua pihak, termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan amat dialu-alukan untuk menjayakan dan memudahcara pelaksanaan Program IPR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA  
[PUTATAN ]**

**TARIKH** : **22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [ PUTATAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jelaskan adakah wujud perancangan Kerjasama dengan jabatan dan agensi agama Islam di Sabah untuk menangani isu kemiskinan golongan asnaf.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. MOHD NAI'IM MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua

1. Keberadaan YaPEIM di negeri Sabah bermula pada 1995 dengan tertubuhnya Pejabat Pentadbiran YaPEIM Negeri atau PPYN di Kota Kinabalu. Tambahan, YaPEIM juga mempunyai sebuah cawangan di Tawau bermula pada 2018.
2. Adanya PPYN dan cawangan ini memudahkan YaPEIM merancang dan menjalankan aktivitinya terutama dalam pemberian bantuan amal jariah dan pembangunan usahawan.
3. YaPEIM telah dan akan terus bekerjasama dengan jabatan dan agensi di Sabah seperti berikut:-
  - i. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

- ii. Yayasan Sabah
  - iii. Majlis Agama Islam Sabah
  - iv. Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah
  - v. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
  - vi. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
4. Antara program Amal Jariah YaPEIM di Sabah pada 2022 adalah:
- i. Program Foodbank YaPEIM melibatkan RM2.12 juta dengan penerima manfaat seramai 125,332 orang. Program ini melibatkan pemberian bantuan dalam bentuk tunai dan makanan kepada golongan masyarakat yang memerlukan.
  - ii. Program Sinar Kasih melibatkan RM81,600 dengan penerima manfaat seramai 34 orang anak. Program ini menyantuni anak yatim atau miskin yang kehilangan ketua keluarga secara mengejut akibat kemalangan atau bencana.
  - iii. Program Inspirasi Prihatin melibatkan RM220,444 dengan penerima manfaat seramai 7,139 orang. Program ini melibatkan pemberian sumbangan tunai kepada mangsa bencana atau kemalangan.
  - iv. Program Inspirasi Pendidikan melibatkan RM687,694 dengan penerima manfaat seramai 44,988 orang. Program ini dilaksanakan bagi membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar di luar bandar dengan menyediakan modul pembelajaran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) khususnya kepada pelajar dalam kategori lemah dan sederhana.
  - v. Program Inspirasi Ramadan Raya YaPEIM melibatkan RM246,840 dengan penerima manfaat seramai 12,807 orang. Program ini melibatkan majlis berbuka puasa, edaran makanan untuk berbuka puasa dan duit Raya kepada kepada golongan rentan sebagai persediaan untuk Ramadan dan Hari Raya.

5. Antara program Pembangunan Usahawan yang dilaksanakan di Sabah pada 2022 adalah :
- i. Program Pecutan Usahawan (*Accelerator*) Kohort Khas Sabah – melibatkan peruntukan berjumlah RM80,000 untuk 10 orang usahawan. Program 6 bulan ini berupa satu kerjasama dengan MTDC bagi membantu usahawan mikro dan kecil yang sudah mempunyai produk untuk meningkatkan status mereka kepada tahap yang lebih tinggi. Sasaran ialah usahawan mikro dan kecil supaya mereka dapat dilonjakkan kepada usahawan sederhana.
  - ii. Program ISHRAF 2.0 – melibatkan peruntukan sejumlah RM188,500 untuk 12 orang usahawan. ISHRAF (bermaksud memuliakan dalam Bahasa Arab) mensasarkan usahawan berstatus asnaf untuk menjalani proses bimbingan usahawan selama 12 bulan dengan objektif mengeluarkan mereka daripada status asnaf. Usahawan asnaf terpilih ini, yang disahkan status asnaf mereka oleh Majlis Agama Islam negeri, akan menerima bantuan perniagaan RM10,000 seorang daripada SME Bank selain latihan dan bimbingan yang ditaja oleh YaPEIM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN  
[ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan holistik Kementerian untuk mengurangkan kenaikan harga barang mentah yang meningkat dan berapa lama Menu Rahmah dapat bertahan dengan kenaikan kos bahan mentah yang semakin meningkat ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Malaysia mengamalkan sistem ekonomi pasaran terbuka di mana harga barang dipengaruhi oleh penawaran dan permintaan, Kerajaan sentiasa cakna memantau ekosistem pasaran dan akan mengambil langkah-langkah proaktif yang perlu untuk memastikan tiada pencatutan dan kenaikan harga barang yang melampau. Semasa bulan puasa dan hari raya aidilfitri baru-baru ini, Kerajaan telah melaksanakan berbagai inisiatif, program dan penguatkuasaan untuk membantu rakyat Malaysia Madani meningkatkan kuasa beli mereka dan mengurangkan kos sara hidup. Antara yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

**JUALAN RAHMAH** : Sebelum Ramadhan 2023 bermula, KPDN telah melaksanakan Jualan Rahmah bersama rakan strategik sektor peruncitan seperti pasaraya dan mini-market:

- a. Pasaraya tersebut antara lain seperti Econsave, TF Value, Lotus's, Aeon, Aeon Big, Speedmart 99, KKMart, MYDIN, dan 22 buah pasaraya di Sarawak termasuk HL Supermarket, Everrise, Farley Supermarket, CCK dan eMart Holdings.
- b. Dianggarkan lebih dari 14,000 SKU barang keperluan telah dijual pada harga diskon antara 5% - 50% lebih murah dari harga biasa dan ini telah meningkatkan kuasa beli rakyat yang telah mengunjungi Jualan Rahmah tersebut.
- c. Sehingga kini Jualan Rahmah telah dilaksanakan di 3,500 lokasi meliputi 120 parlimen dengan jualan berjumlah RM 55.62juta dan meningkatkan kuasa beli 56,488 pengunjung.

**BAZAAR RAMADHAN RAHMAH:** Semasa Bulan Ramadan pula, Bazaar Ramadhan Rahmah telah diadakan di seluruh negara di mana 30% dari gerai di Bazaar Ramadan menawarkan Menu Rahmah dengan hidangan berbuka puasa yang dijual pada harga RM5.00 ke bawah. Inisiatif ini juga telah dapat meringan beban rakyat sekaligus meningkatkan kuasa beli pengguna.

**JUALAN RAYA RAHMAH :** Sepanjang bulan Ramadhan juga, KPDN bersama Syarikat MYDIN, Jakel, Sabeela, Lulu, SZBlooms dan beberapa lagi syarikat menawarkan Jualan Raya Rahmah di mana keperluan hari raya dari segi pakaian dan sebagainya dijual pada harga diskon untuk membolehkan rakyat berjimat dan merayakan perayaan itu dengan ceria bersama keluarga dan sanak sedara.

**SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN :** Kementerian melaksanakan SHMMP Hari Raya dengan tujuan menetapkan harga maksimum untuk 30 barangan keperluan terpilih bagi tempoh masa tertentu ketika permintaan dijangka meningkat. SHMMP Hari Raya dilaksanakan selama 15 hari (7 hari sebelum, 1 hari semasa raya, dan 7 hari selepas raya). Sila rujuk portal KPDN untuk mengetahui perincian jenis barang dan harganya.

**HARGA MAKSIMUM AYAM DAN TELUR GRED A,B,C :** Kementerian turut meneruskan Penentuan Harga Maksimum bagi Ayam dan Telur Ayam dengan menetapkan harga maksimum Ayam Standard pada RM9.40sen/sekilo dan Telur Ayam Gred A, B dan C yang telah berjalan sejak setahun yang lalu bagi memberikan kestabilan harga kepada kedua-dua komoditi penyumbang sumber protein utama penduduk Negara ini.



**HARGA KAWALAN BARANG BERSUBSIDI DAN TIDAK BERSUBSIDI:**

Di samping itu, Kerajaan turut melaksanakan harga maksimum beberapa barangan keperluan utama di mana tujuh (7) adalah bersubsidi dan empat (4) adalah tanpa subsidi. Harga Kawalan bersubsidi adalah seperti RON95, Diesel Bersubsidi, LPG kegunaan domestik, Minyak Masak Polibeg, tepung gandum kegunaan am manakala yang tidak bersubsidi adalah gula pasir putih, Minyak Masak kemasan botol Pelitup muka dan Kit Ujian RTK. Di samping itu harga RON97 telah stabil dan tidak berubah sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih walaupun harga itu ditentukan berdasarkan formula APM setiap minggu.

**TOL RAHMAH :** Sempena Hari Raya juga Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya telah memberikan tol percuma untuk semua kenderaan menggunakan semua lebuhraya di Semenanjung Malaysia selama empat (4) hari. Kerajaan dijangka membayar lebih dari RM900 juta untuk membolehkan Rakyat Malaysia Madani balik kampung merayakan Aidilfitri bersama sanak keluarga.

**MENU RAHMAH:** Lebih dari 1,600 kedai makan dan restoran secara sukarela telah sama-sama berganding bahu dalam *Private Driven Initiative* ini menawarkan Menu Rahmah yang merupakan hidangan makanan seimbang mengandungi protin, serat sayur-sayuran dan kabohidrat yang dijual pada harga RM5.00 ke bawah.

- a. **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** telah menawarkan **Menu Rahmah Siswa** di semua IPTA pada harga RM3.50 se hidangan.
- b. Sebanyak **28 R&R dan 11 Laybys** turut menawarkan menu Rahmah di hamper semua lebuhraya termasuk lebuhraya LPT.

**IMPAK INISIATIF KERAJAAN MENINGKATKAN KUASA BELI DAN MENGURANGKAN KOS SARA HIDUP RAKYAT:** Berdasarkan Laporan Open DOSM, Pencapaian beberapa indikator menunjukkan keadaan ekonomi negara semakin pulih.

- a. KDNK bagi suku pertama tahun ini mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.6%, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh.
- b. Pencapaian KDNK ini turut disokong oleh permintaan buruh yang semakin meningkat, iaitu peningkatan jawatan sebanyak 233,700 atau 8.81 juta jawatan berbanding 8.57 juta dalam tempoh sama tahun lalu.
- c. Kadar inflasi bagi makan bermasak telah turun dari 9.6% kepada 9.3% di mana kajian awal menunjukkan ianya dipengaruhi oleh inisiatif Menu Rahmah.

**PENGUATKUASAAN :** Bahagian Penguat Kuasa (BPGK) dan Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) begitu cakna dengan kedudukan harga barang keperluan yang memberi kesan terhadap kuasa beli dan kos sara hidup rakyat.

- a. Pegawai Pemantau Harga (PPH) memantau harga lebih 400 barang keperluan di lebih dari 1,500 premis di mana harga-harga tersebut dikemaskini di apps Price Catcher untuk pengguna merancang pembelian.
- b. Penguat Kuasa pula melaksanakan pemeriksaan di semua peringkat termasuk pengeluar, pemborong dan peruncit bagi memastikan tiada unsur pencatutan di pasaran. Berbagai OPS dilaksanakan bagi memastikan bekalan stabil dan harga tidak dinaikkan secara melampau.
- c. OPS TERJAH, OPS PANTAU (BULAN PUASA), OPS PASAR (Hari Raya) adalah antara beberapa OPS yang dilaksanakan sepanjang bulan puasa dan menjelang raya.

- I. Sebanyak 66,170 pemeriksaan melibatkan 374 kes dilaksanakan dalam Ops Pantau .
- II. Ops Pasar 2023 Hari Raya Puasa (HRP) juga telah dilaksanakan dalam 3 fasa di seluruh negara bermula dengan fasa 1 dari 18 Februari hingga 8 Mei 2023. Jumlah pemeriksaan melibatkan 1,622 premis dengan 5,793 barangan di periksa, 1,522 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) dan 11 Notis Bertulis (NB) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 telah dikeluarkan kepada peniaga.

Banyak lagi inisiatif yang dibuat termasuk meningkatkan pendapatan rakyat seperti inisiatif IPR yang dilaksanakan oleh Kementerian Ekonomi, Program Francais yang diusahakan oleh KPDN, Jualan Agro Madani yang dilaksanakan oleh KPKM. Semua inisiatif di atas telah secara langsung dan tidak secara langsung membantu rakyat Malaysia Madani meningkatkan kuasa beli mereka dan mengurangkan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI  
ALIAS [JELEBU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kesiapsiagaan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dalam menghadapi pilihan raya di 6 buah negeri dan berapa anggaran kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia kini dalam fasa siap siaga bagi menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri (DN) / Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15 bagi negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan dengan mengambil kira tempoh hayat DN/DUN bagi Negeri-Negeri berkenaan akan berakhir dalam masa terdekat.
2. SPR telah membuat persediaan dan perancangan yang menyeluruh meliputi aspek seperti keperluan bajet pilihan raya, peralatan, logistik, pembangunan sistem, pengurusan sumber manusia dan latihan kepada

petugas. SPR juga telah mengadakan libat urus dengan jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dalam membantu melancarkan lagi proses pilihan raya.

3. Sebagai persiapan menghadapi PRU DN/DUN Ke-15 bagi enam (6) negeri berkenaan, SPR juga akan mewujudkan lebih banyak pusat mengundi tambahan ke atas daerah mengundi yang mempunyai bilangan pemilih yang tinggi. Urusan Pengemaskinian Daerah Mengundi ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa selaras dengan subseksyen 7(2) Akta Pilihan Raya 1958. SPR akan memastikan pewujudan pusat-pusat mengundi baharu ini akan memudahkan pemilih untuk keluar mengundi pada masa hadapan.

4. Selain itu, SPR juga menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih dari semasa ke semasa berdasarkan kepada Peraturan 10 dan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Ini termasuklah memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia dan memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan.

5. Manakala, anggaran kos bagi melaksanakan Pilihan Raya Umum (PRU) 6 Negeri tersebut dianggarkan sebanyak RM 420 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN KU ISMAIL [ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah pelaburan yang direalisasikan bagi sektor industri pembuatan dan perkhidmatan bagi tempoh suku tahun pertama 2023 serta nyatakan perbandingan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, projek-projek yang diluluskan terutamanya projek-projek *greenfield* akan mengambil masa antara 12 hingga 24 bulan untuk dilaksanakan. Jika dilihat kadar peratusan pelaksanaan bagi projek yang diluluskan di bawah MIDA, bagi tahun 2021 dan 2022 adalah sebanyak 45% dan 36%.

Berhubung dengan jumlah pelaburan yang direalisasikan bagi industri pembuatan dan perkhidmatan untuk tempoh suku pertama 2023, MITI sedang memuktamadkan data jumlah pelaburan tersebut untuk dibentang di dalam Mesyuarat Kabinet. Setelah dibentangkan, ia akan diumumkan di dalam laman web rasmi Kementerian, Agensi MITI berkaitan dan juga siaran media.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa jumlah anggota Veteran Angkatan Tentera yang tidak berpencen dan berapa bilangan anggota yang masih belum menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) terutama bagi anggota yang bertugas semasa darurat.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM), terdapat seramai **66,697** orang veteran yang tidak berpencen. Daripada jumlah tersebut, seramai **44,922** orang veteran dikenal pasti telah berkhidmat semasa tempoh darurat kedua pada tahun 1969-1989. Seramai **3,587** orang veteran tidak berpencen yang berkhidmat semasa tempoh darurat telah menerima Bantuan Sara Hidup (BSH).
2. Kementerian Pertahanan melalui JHEV ATM sentiasa komited untuk meneruskan usaha membantu golongan veteran ATM yang layak menerima BSH melalui inisiatif terbaru iaitu dengan menambah jumlah penerima BSH daripada 9,000 orang penerima kepada 15,000 orang penerima pada tahun 2023. Keutamaan diberikan kepada veteran ATM yang berumur 80 tahun ke atas untuk kelulusan secara automatik.
3. Kementerian Pertahanan akan terus berusaha untuk membantu lebih ramai veteran ATM selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan tidak ada pihak yang tertinggal daripada menerima bantuan terutamanya veteran ATM yang termasuk dalam golongan B40 dan mempunyai pendapatan di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Terima Kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[TANJONG MANIS]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan status terkini pemberian komputer riba percuma kepada pelajar yang layak. Berapa jumlah pelajar yang layak dari Parlimen Tanjong Manis.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program PerantiSiswa di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Digital merupakan satu program yang bertujuan untuk merapatkan kesenjangan digital dalam kelompok rakyat Malaysia dengan inisiatif pemberian gajet digital berbentuk tablet. Inisiatif ini memberi peluang mahasiswa dan pelajar daripada kelompok keluarga B40 agar dapat mempunyai akses digital bagi kegunaan asas mereka dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dalam pengajian. Secara tidak langsung, penerima inisiatif ini akan meningkatkan tahap literasi digital dan pendidikan umumnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, peratus agihan keseluruhan PerantiSiswa adalah sebanyak 98.1% dengan 363,159 tablet telah diedarkan kepada penerima yang layak di seluruh negara dalam tempoh pengagihan sehingga 10 Mei 2023 manakala baki tablet sebanyak 1.9% lagi akan diedarkan dalam masa terdekat kepada mahasiswa/pelajar yang layak menerimanya sebelum penghujung Jun 2023. Daripada jumlah tersebut, keseluruhan 402 unit PerantiSiswa (100%) telah selesai diagihkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dari lima buah sekolah di kawasan Parlimen Tanjong Manis.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN  
MOHD RAMLI [ DUNGUN ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aset-aset Tabung Haji yang telah dijual dan berapakah jumlah pendapatan oleh Tabung Haji daripada aset-aset yang masih dimiliki Tabung Haji.

**JAWAPAN :**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2018, **TH** telah memindahkan asset-aset yang terdiri daripada 106 ekuiti domestik yang tersenarai, satu (1) syarikat perladangan tidak tersenarai dan 29 tanah dan hartanah kepada Urusharta Jamaah Sdn Bhd, sebuah Syarikat Bertujuan Khas (SPV) milik penuh Kerajaan Malaysia pada nilai pindahan RM19.9 billion.

Perlu ditekankan juga bahawa proses pelaburan dan penjualan adalah merupakan proses yang biasa bagi mana-mana institusi pelaburan termasuk **TH** bagi meningkatkan nilai pelaburan keseluruhan dalam jangka masa yang sesuai. Aset yang dijual akan diganti dengan aset yang lain bagi menjana pendapatan mengikut Alokasi Aset Strategik yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat,

**TH** telah mencatatkan pendapatan kasar sebanyak RM3.85 billion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, meningkat berbanding RM3.72 billion pada tahun 2021.

Peningkatan pendapatan ini dicapai dalam keadaan persekitaran pelaburan yang mencabar bagi semua institusi pelaburan, termasuk **TH**. Pasaran saham domestik dan global terjejas melebihi 10 peratus, manakala pasaran modal pula terkesan dengan kenaikan agresif kadar pembiayaan.

**NO. SOALAN : 116**

Pendapatan pelaburan kekal berdaya tahan meskipun dalam ekonomi mencabar dan pasaran yang tidak menentu. Pelaburan instrumen pendapatan tetap dan ekuiti telah menyokong ketahanan pendapatan pada tahun 2022 dengan menyumbang 81 peratus daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Baki pendapatan sebanyak 19 peratus dijana daripada pelaburan harta tanah dan pasaran wang patuh Syariah.

Walaupun berhadapan tekanan inflasi, **TH** telah turut berjaya mengawal perbelanjaan lain dengan jumlah perbelanjaan operasi menurun sebanyak tiga peratus berbanding tahun 2021.

**TH** telah mengambil langkah meminimakan risiko supaya modal pelaburan terpelihara dan tidak terlalu terjejas. **TH** akan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi operasi, tadbir urus dan kedudukan kewangan dalam persekitaran ekonomi dan pasaran yang tidak menentu ini.

<b>SOROTAN PRESTASI 2022 Portfolio</b>	<b>Peratusan Alokasi Aset</b>	<b>Jumlah Pendapatan RM Juta</b>	<b>Peratusan dari jumlah Pendapatan</b>
Pendapatan Tetap (Sukuk)	60%	2,216	57%
Ekuiti	22%	916	24%
Harta Tanah	9%	462	12%
Pasaran Wang Islam	8%	259	7%
Lain-lain	1%	*	-
<b>Jumlah Kasar</b>	<b>100%</b>	<b>3,853</b>	<b>100%</b>

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)

**SOALAN**

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bagaimanakah pelaburan di dalam platform digital e-dagang benar-benar membawa inovasi kepada industri tempatan dari segi teknologi pertukaran yang menghasilkan reka cipta baru. Apakah statistik yang menunjukkan perkara ini berlaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) sentiasa berusaha dalam membangunkan ekonomi digital negara dan mentransformasikan industri tempatan menerusi inovasi dan aktiviti pendigitalan.

Pelaburan dalam e-dagang bukan hanya tertumpu untuk platform digital e-dagang semata-mata, bahkan merangkumi aspek inisiatif pendigitalan oleh syarikat tempatan, peningkatan pengetahuan, kepakaran dalam pendigitalan dan juga kemahiran bakat-bakat tempatan. Inovasi bagi industri tempatan perlu dilihat secara holistik merangkumi keseluruhan rantai bekalan dan ekosistem e-dagang. Sebagai contoh, syarikat-syarikat yang menggunakan platform atau aplikasi e-dagang, turut mengadaptasi inovasi baharu dalam pendigitalan perniagaan serta pemasaran perniagaan mereka yang juga merupakan suatu bentuk pertukaran/pemindahan teknologi (*technology transfer*).

Syarikat tempatan khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dapat memanfaatkan platform e-dagang terkemuka untuk mendapat akses pasaran yang lebih luas di peringkat global. Syarikat tempatan juga membangunkan laman web mereka sendiri, meningkatkan capaian dan pasaran melalui media sosial serta meningkatkan produktiviti dan pendapatan melalui integrasi digital, penggunaan *payment gateway* (e-payment) dan e-wallet.

Manakala, syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan digital tempatan turut menyediakan perkhidmatan atau penyelesaian berkaitan e-dagang, e-payment, dan e-wallet di dalam rantai bekalan e-dagang. Sehingga kini, terdapat sejumlah 196 syarikat tempatan berstatus MSC yang bergiat aktif sebagai penyedia perkhidmatan atau penyelesaian berkaitan e-dagang. Syarikat ini telah merekodkan jumlah pelaburan kumulatif sebanyak RM14.05 bilion dan peluang pekerjaan bernilai tinggi sebanyak 11,838, sepanjang tempoh 5 tahun lepas sehingga

pertengahan 2022.

MDEC turut melaksanakan usaha dan inisiatif secara berterusan seperti inisiatif eUsahawan, *100 Go Digital*, kempen *Shop Malaysia Online* (2021) dan DE Dagang (2022) yang antara lain bertujuan untuk memberikan sokongan kepada perniagaan tempatan daripada pelbagai sektor serta menggalakkan penerimgunaan (*adoption*) platform e-dagang, e-payment, dan juga e-wallet.

Sehingga Disember 2022, inisiatif tersebut telah berjaya membantu lebih daripada 500,000 perniagaan dan kempen yang dibuat telah menjana lebih 97 juta transaksi dengan Nilai Barangan Kasar (GMV) bernilai lebih RM6 bilion.

Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk menambah baik dan memperluaskan inisiatif pendigitalan melalui Malaysia Digital (MD) agar dapat memacu pertumbuhan aktiviti ekonomi digital dengan lebih pesat untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada rakyat dan syarikat-syarikat tempatan.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL  
BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan secara terperinci tentang bagaimana pihak Kerajaan Persekutuan akan menguruskan keseluruhan RM170 bilion jumlah pelaburan yang diperolehi daripada pelabur China seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada awal April 2023 lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China (RRC) dari 29 Mac hingga 1 April 2023, MITI telah mengaturkan dua program perniagaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Pertama ialah sesi Meja Bulat yang dihadiri oleh pemimpin industri dan ketua perniagaan RRC daripada sektor pembuatan dan perkhidmatan yang merangkumi 36 buah syarikat dari industri pembuatan telah menghasilkan komitmen pelaburan bernilai RM100.33 bilion.

Kedua, Forum Perniagaan Malaysia-China yang dihadiri lebih daripada 1,000 pemimpin-pemimpin perniagaan dari Malaysia dan RRC memberi peluang berinteraksi dan berkongsi pandangan dengan YAB Perdana Menteri mengenai idea baharu, isu dan cabaran ekonomi semasa. Di Forum Perniagaan tersebut, YAB Perdana Menteri telah menyaksikan pertukaran 19 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian *business-to-business* (B2B) antara syarikat-syarikat Malaysia dan RRC dengan potensi pelaburan berjumlah RM69.74 bilion dalam sektor pendidikan, pusat data, kesihatan, automotif, hartanah dan logistik.

Bagi memastikan komitmen pelaburan dari RRC ini dapat diurus, dipermudah dan direalisasikan secepat mungkin, Kerajaan akan mengambil pendekatan proaktif dan responsif dalam memberikan nasihat dan sokongan, termasuklah pelbagai aspek fasilitasi yang diperlukan melalui mekanisme pemantauan seperti berikut:

- i. memudah, mempercepatkan dan memantau proses kelulusan projek perkilangan melalui Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi (TRACK) di MIDA;
- ii. mempercepatkan kelulusan dengan kerjasama erat daripada pelbagai agensi bagi pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia di setiap peringkat Kerajaan pusat, negeri dan daerah melalui *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di MIDA dan pelbagai platform digital lain;

- iii. memperkenalkan inisiatif memudahkan urusan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) seperti Inisiatif #MyMudah sebagai langkah bukan fiskal menerusi langkah-langkah yang efektif dalam mengurangkan beban peraturan tidak wajar dan mengurangkan kos perniagaan; dan
- iv. pemantauan rapi di peringkat tertinggi dan akan menjadi agenda tetap di dalam mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN) yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Secara keseluruhannya, lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke RRC telah berjaya mencapai matlamatnya dalam mengukuhkan keyakinan pelabur-pelabur terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan utama, di samping memperbaharui komitmen bagi memperkasa kerjasama, hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala antara Malaysia dan RRC. Sehubungan ini, Kerajaan komited untuk terus melaksanakan dasar mesra perniagaan melalui pelbagai inisiatif fasilitasi pelaburan bagi memastikan projek-projek pelaburan ini dapat diuruskan dengan efektif dan dilaksanakan secepat mungkin.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG  
[TANJUNG PIAI]

TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi memastikan surat-surat biasa Perkhidmatan POS Malaysia untuk penduduk kampung dihantar terus ke alamat rumah penduduk kerana amalan meletakkan surat-surat biasa di warung-warung atau kedai-kedai menyebabkan banyak berlaku kehilangan. Banyak juga urusan yang melibatkan tarikh seperti surat panggilan temuduga kerja telah terlepas peluang kerana lewat diterima.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pos Malaysia merupakan syarikat pemegang lesen perkhidmatan sejagat di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012 bertanggungjawab membekalkan perkhidmatan pos asas berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Perkhidmatan Sejagat) (Pindaan) 2020.

Antara peruntukan yang terkandung dalam peraturan tersebut adalah berkenaan standard perkhidmatan bagi perkhidmatan pos asas yang perlu dipatuhi oleh Pos Malaysia sebagai pemegang lesen perkhidmatan sejagat yang merangkumi aspek “*Speed*” iaitu pencapaian tempoh penghantaran dan “*Reliability*” untuk mengukur kebolehpercayaan penghantaran surat.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Tanjung Piai berkenaan penghantaran surat ke warung-warung atau kedai-kedai, dimaklumkan bahawa lokasi-lokasi berkenaan telah dikenal pasti dan didaftarkan sebagai Pusat Posmen Kejiranan bagi kediaman yang tidak mempunyai alamat berdaftar. Penduduk setempat perlu membuat semakan dari semasa ke semasa di Pusat Posmen Kejiranan bagi memastikan surat mereka diambil dalam kadar segera selepas penghantaran dibuat. Bagi surat berdaftar, Posmen Kejiranan merupakan wakil serahan pos yang sah dan penerima (wakil) perlu mencatatkan maklumat seperti SOP penerimaan biasa.

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) mengambil maklum akan kelemahan dalam isu-isu kehilangan dan kelewatan serahan surat. Antara punca kehilangan dan kelewatan serahan surat ini adalah disebabkan ketiadaan alamat yang lengkap, alamat yang tidak sah dan alamat yang tidak boleh dikenal pasti terutama bagi kawasan luar bandar dan kawasan pendalaman bagi tujuan penghantaran surat.

Bagi menyelesaikan masalah ini, KKD melalui bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang

mengambil tindakan di bawah Pelan Accelerator Kurier Negara atau PAKEJ bagi meningkatkan akses dan kualiti perkhidmatan serahan surat melalui pengwujudan Sistem Alamat Negara (NAS).

Pelaksanaan projek NAS ini akan melibatkan pelbagai agensi terutamanya di dalam penyediaan data-data alamat seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penyedia perkhidmatan utiliti, syarikat-syarikat pos dan kurier dan lain lain. Projek NAS akan dilaksanakan melalui fasa yang dijangkakan mengambil masa selama 3 tahun. Projek fasa pertama dijangka akan disiapkan pada Disember 2023.

Apabila siap kelak, NAS akan menjadi satu pangkalan data yang menyimpan alamat Malaysia yang lengkap dan sahih. Data-data alamat ini akan diperolehi dari sumber kerajaan, pembekal utiliti dan penyedia telekomunikasi. Sistem ini boleh digunakan sebagai rujukan alamat oleh pelbagai agensi bagi tujuan perancangan, pembangunan dan operasi agensi-agensi berkaitan. Di dalam konteks serahan surat, NAS dapat membantu Pos Malaysia mengenal pasti kawasan serta mencari penyelesaian bagi kawasan yang ketiadaan alamat yang lengkap, alamat yang tidak sah dan alamat yang tidak boleh dikenalpasti.

Pengguna boleh membuat aduan kehilangan surat, kelambatan penerimaan surat atau hal berkaitan perkhidmatan pos kepada Pos Malaysia dan kepada SKMM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

<b>PERTANYAAN</b>	<b>:</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>:</b>	<b>DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>22 MEI 2023 ( ISNIN )</b>

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berkenaan status terkini perbincangan isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) serta bilakah dijangkakan isu Perjanjian Malaysia 1963 ini dapat dilaksanakan mengikut isi kandungan perjanjian yang telah ditandatangani ini seperti yang diaspirasikan oleh YAB Perdana Menteri.

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam memastikan perkara yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) diselesaikan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya platform perundingan mengenai MA63 diteruskan dan ditambahbaik kepada Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Selain itu, Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi serta Jawatankuasa Penyelarasan yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah turut ditubuhkan di bawah MTPMA63.

3. Buat masa ini, MTPMA63 telah bermesyuarat sebanyak 1 (satu) kali pada 20 Januari 2023 di Kuching, Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status kemajuan terkini bagi Perkara/Tuntutan Asas MA63 adalah seperti berikut:

- i. **Selesai Sepenuhnya (5 Perkara/Tuntutan Asas)**
  - a. Penyerahan kuasa kawal selia LPG kepada Kerajaan Negeri Sarawak;
  - b. Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
  - c. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;



- d. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak; dan
  - e. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai jabatan teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182).
- ii. **Selesai Sebahagian/Interim (3 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Semakan semula pemberian khas (Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan);
  - b. Pelantikan wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan
  - c. Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas.
- iii. **Telah Mempunyai Keputusan Dasar (6 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Penyerahan kuasa kawal selia elektrik dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
  - b. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai alam sekitar;
  - c. Penyerahan semula tanah direzabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
  - d. Tenaga buruh di Sabah dan Sarawak;
  - e. Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995 [Akta 533] bagi melantik wakil Kerajaan Sabah dan Sarawak sebagai wakil tetap dalam LHDN; dan
  - f. Semakan semula pemberian khas di bawah Perkara 112D, PP (Negeri Sarawak).
- iv. **Dalam Perbincangan - Belum Selesai (*Agree to Disagree*) (8 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum;
  - b. Mineral minyak dan medan minyak;
  - c. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750];
  - d. Hak negeri ke atas pelantar benua;
  - e. Tuntutan 2/5 (40%) daripada amaun bersih kutipan hasil yang diperolehi Persekutuan di Negeri Sabah sebagai kadar Pemberian Khas Negeri Sabah;

- f. Obligasi kewangan Persekutuan di bawah Senarai III, Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
  - g. Duti setem dikenakan ke atas instrumen pemindahan, caj, menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah (Bab 68) dan Kanun Tanah Sarawak (Bab 81); dan
  - h. Pertambahan perjawatan perkhidmatan awam Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan.
- v. **Dalam Perbincangan (3 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Borneonisasi perkhidmatan awam Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak;
  - b. Pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak; dan
  - c. Pembangunan sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan.
- vi. **Isu baharu(5 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Negeri Sarawak di Dewan Rakyat;
  - b. Cadangan Pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan;
  - c. Cadangan pindaan item 25A (Pelancongan) dalam Senarai I (Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan kepada Senarai III (Bersama), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
  - d. Kuasa autonomi kesihatan; dan
  - e. Kuasa autonomi pendidikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI  
[TUMPAT]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta  
PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji  
dan menggunakan semula nama asal Laut Melayu di perairan kita  
memandangkan ia adalah nama asalnya mengikut sejarah negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL  
SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan sentiasa komited mempertahankan kedaulatan perairan negara berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979. Tindakan yang dilaksanakan oleh Malaysia di perairan negara adalah berdasarkan kepada hak-hak kedaulatan (*sovereign rights*) di bawah undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Undang-Undang Laut, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Convention on the Law of the Sea – UNCLOS*) 1982.

2. Penggunaan nama bagi beberapa segmen laut seperti nama Laut China Selatan, Selat Melaka, Laut Sulu, Laut Sulawesi dan Laut Andaman merupakan penggunaan nama yang telah digunapakai secara meluas di peringkat global terutamanya bagi tujuan pemetaan laut yang berpandukan kepada Publikasi S-23 – *Names and Limits of the Oceans and Seas* yang dikeluarkan oleh *International Hydrographic Organisation* (IHO) yang ditubuhkan sejak tahun 1921 iaitu sebuah badan antarabangsa yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menyelaraskan dan menyelia perkara berhubung pemetaan dan keselamatan pelayaran. Malaysia menjadi negara ahli IHO sejak tahun 1975.

3. Sebarang tindakan yang disarankan termasuk cadangan untuk mempertimbangkan penggunaan nama Laut Melayu di perairan negara perlu diteliti dan dikaji dengan lebih lanjut. Ini bagi memastikan tindakan tersebut adalah selaras dengan amalan antarabangsa dan pemakaian undang-undang antarabangsa termasuk UNCLOS 1982 dan berupaya memberikan nilai tambah dalam membantu mengukuhkan tindakan *effectivitate* yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG  
[KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah undang-undang pendanaan politik akan dibentangkan di dalam sidang ini dan adakah cadangan masyarakat sivil untuk pendanaan awam akan diterima, memandangkan pengaruh politik wang akibat tiada undang-undang berkenaan membuka ruang rasuah dan mengakibatkan pengaruh tidak wajar oleh pihak berkepentingan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam membanteras rasuah dan politik wang. Justeru itu, RUU Dana Politik ini perlu diangkat semula untuk kelulusan dasar baharu oleh Jemaah Menteri.
2. Susulan perkembangan politik pasca Pilihanraya Umum 15, landskap politik di Malaysia turut mengalami beberapa perubahan di mana terdapat gabungan politik yang baru. Oleh yang demikian, sesi libat urus perlu diteruskan untuk mendapatkan maklum balas parti-parti politik dan pihak berkepentingan, agar RUU yang bakal digubal ini adalah inklusif dan komprehensif.
3. Dalam hal ini, RUU Dana Politik akan dicadang untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (PSC) supaya semua Ahli-Ahli Dewan Rakyat boleh memberi pandangan dan cadangan supaya semua aspek yang penting berkenaan dana politik ini diambil kira. Selain daripada RUU Dana Politik, Kerajaan juga akan mengambil kira amalan dan perundangan yang sedia ada untuk mengatasi isu dana politik, antaranya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5], Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 [Akta 335] dan Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Kegiatan Haram 2001 [Akta 613].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [ RANAU ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 ( ISNIN )**

**DATUK JONATHAN YASIN [ RANAU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk "memborneonisasikan" Perkhidmatan Awam Persekutuan di Sabah seperti mana yang dikehendaki oleh rakyat di negeri ini seperti yang terkandung dalam Memorandum 20 Perkara semasa Kerajaan North Borneo (Sabah) sebagai syarat bagi Sabah untuk menyertai pembentukan Malaysia.

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedang dalam proses mendapatkan perincian daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak berhubung tuntutan yang dikemukakan berkenaan dengan isu borneonisasi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Kerajaan memerlukan penelitian yang jelas berkenaan dengan tuntutan ini bagi membolehkan keputusan selanjutnya dapat dilaksanakan.

2. Isu mengenai borneonisasi ini akan dibincang dan diteliti dengan lebih lanjut di peringkat Jawatankuasa Teknikal di bawah Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang akan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi sebelum syor-syor yang berkenaan dibentangkan kepada MTPMA63 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[BESUT]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar bahawa kabinet telah bersetuju untuk menubuhkan RCI bagi meneliti dakwaan buku Tommy Thomas bertajuk "*My Story: Justice in The Wilderness*" dan jika benar, apakah status penubuhan tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setelah meneliti Laporan Pasukan Petugas Khas Siasatan Ke Atas Dakwaan-Dakwaan Dalam Buku Bertajuk "*My Story: Justice in the Wilderness*" Tulisan YBhg. Tan Sri Tommy Thomas, Bekas Peguam Negara pada 11 Januari 2023, Kerajaan antara lain telah bersetuju dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti secara menyeluruh isu-isu berkaitan integriti serta kebebasan institusi kehakiman dan perundangan di negara ini serta mengemukakan syor-syor bagi mereformasi institusi perundangan negara. Perkara ini dalam perincian dan tindakan lanjut oleh pihak BHEUU, JPM sebelum diangkat ke Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI  
[ BATANG LUPAR ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [ BATANG LUPAR ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan usaha untuk membasmi kemiskinan tegar seperti yang pernah diumumkan YAB Perdana Menteri serta apakah inisiatif Kerajaan untuk memperkasakan program-program pembasmian kemiskinan sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan agenda menangani kemiskinan dan pembangunan inklusif dilaksanakan dalam rancangan-rancangan pembangunan negara.

Usaha Kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar adalah terutamanya melalui inisiatif penjana pendapatan dan peningkatan kualiti hidup isi rumah melalui **program-program yang diselaras** dan dilaksanakan. Peruntukan **Perbelanjaan Pembangunan (DE)** berkaitan pembasmian kemiskinan dalam Belanjawan 2023 adalah **sebanyak RM4.62 bilion**

- a. Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di bawah Kementerian Ekonomi sebanyak RM750 juta: dan
- b. Projek pembaikan luar bandar dan program-program membasmi kemiskinan sekitar RM3.9 billion.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejumlah **RM750 juta** telah diperuntukkan untuk tujuan IPR. Di bawah IPR, **3 inisiatif** telah diperkenalkan iaitu :

- c. **Inisiatif Usahawan Tani (INTAN);**
- d. **Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN); dan**
- e. **Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).**

Inisiatif ini dilaksanakan melalui *whole-of-nation approach* melibatkan tiga peringkat iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pihak syarikat berkaitan kerajaan (GLC), swasta dan rakan-rakan strategik.

Komponen **pertama** dalam pelaksanaan IPR adalah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan miskin tegar dan B40 serta mengurangkan kebergantungan

kepada pengimportan bahan mentah. Bantuan yang akan diberikan oleh Kerajaan merangkumi penyediaan tapak, peralatan dan input pertanian, latihan dan bimbingan serta elaun bulanan sementara menerima hasil tuaian.

Komponen **kedua** pelaksanaan IPR adalah Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN). Melalui inisiatif ini, Kementerian Ekonomi dengan kerjasama strategik beberapa pihak akan menyediakan bantuan berbentuk mesin layan diri (*vending machine*) kepada peserta. Kerajaan akan menyalurkan bantuan kepada peserta dalam bentuk sewaan mesin layan diri sebanyak RM700 hingga RM800 sebulan untuk tempoh 24 bulan.

Komponen **ketiga** pelaksanaan IPR adalah Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap kontraktor serta pekerja asing dalam sektor 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*). Melalui inisiatif ini, Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri dan PBT bagi mewujudkan peluang kerja dengan gaji yang setimpal bagi kerja-kerja pembersihan tandas awam. Kerajaan akan menjadi pemudah cara dalam urusan pelantikan pekerja, menyediakan peralatan dan kelengkapan serta memberi bantuan elaun tambahan kepada peserta.

Bagi golongan miskin tegar yang tidak mempunyai akses kepada tiga inisiatif di atas, program bersasar berdasarkan potensi lokaliti dan minat peserta dilaksanakan di bawah Inisiatif Basmi Miskin Tegar (BMT). Kerajaan memberikan bantuan bagi pelaksanaan pertanian, penternakan dan keusahawanan serta latihan.

Selain itu juga, bantuan, subsidi dan insentif sebanyak RM64 billion disediakan untuk meminimumkan impak kenaikan kos sara hidup rakyat Malaysia. Ini termasuklah Sumbangan Tunai Rahmah (STR), bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, bantuan petani dan pesawah serta subsidi kepenggunaan seperti elektrik dan petrol.

Kerajaan sedar pemeraksanaan agenda pembasmian kemiskinan ini perlu dilaksanakan melalui pendekatan keseluruhan negara. Kerajaan Negeri, sektor swasta serta pertubuhan antarabangsa dan masyarakat sivil turut memainkan peranan penting dalam usaha pembasmian kemiskinan tegar. Antara inisiatif menggunakan pendekatan keseluruhan negara yang dilaksanakan adalah termasuk:

- a. Kerajaan Sabah dan Sarawak bersetuju untuk menggunakan sebahagian bayaran hasil petroleum untuk program pembasmian kemiskinan. Kelantan dan Terengganu juga akan memperuntukkan sebahagian daripada Wang Ihsan untuk membantu golongan miskin.
- b. Sumbangan sosial korporat sehingga RM250 juta bagi menumpukan usaha membantu golongan rakyat termiskin.
- c. UNDP dan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia diperuntukkan RM30 juta bagi memperbanyak aktiviti berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDG*), termasuklah RM10 juta bagi menggerakkan program kebun komuniti di peringkat Parlimen bagi menyokong agenda keterjaminan makanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS  
[ KOTA BELUD ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi Jabatan Peguam Negara menfailkan rayuan pada 8 Mac 2023 terhadap keputusan mahkamah tinggi yang memerintahkan laporan siasatan pihak berkuasa Malaysia terhadap nahas pesawat Nomad pada 6 Jun 1976 didedahkan kepada umum dan nyatakan alasan dan sebab-sebab laporan ini diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan dikekalkan status ini selama 47 tahun.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rayuan yang telah difailkan oleh Jabatan Peguam Negara terhadap keputusan Mahkamah Tinggi berkenaan perkara ini telahpun ditarik balik pada 13 April 2023. Oleh itu, isu yang diajukan ini tidak berbangkit lagi memandangkan rayuan telah ditarik balik pada 13 April 2023 setelah Jemaah Menteri memutuskan untuk mengelaskan semula laporan siasatan nahas pesawat Nomad dan didedahkan kepada umum.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN ABU HASSAN  
[KUALA PILAH]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Haji Adnan Bin Abu Hassan [Kuala Pilah]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai inisiatif untuk membantu anak sulung dalam keluarga B40 melanjutkan pengajian ke universiti dengan penawaran biasiswa dan sejauh mana perbezaannya dengan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak menyediakan inisiatif atau bantuan khusus kepada anak sulung dalam keluarga B40.
2. Walau bagaimanapun, dalam hal ini, bagi membantu keluarga B40 melanjutkan pengajian ke universiti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menawarkan tiga bantuan kepada pelajar daripada golongan B40 iaitu:
  - i. **Program Dermasiswa B40 TVET** yang dikhususkan kepada pelajar B40 yang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda dalam bidang TVET;
  - ii. **Bantuan Kewangan Asasi (BKA)** yang diberikan kepada para pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Asasi di Universiti Awam; dan
  - iii. **Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK)** yang diberikan kepada para pelajar daripada keluarga B40 yang mengikuti pengajian di peringkat sijil di Kolej-kolej Komuniti.
3. Bantuan-bantuan yang diberikan ini merangkumi yuran pengajian dan elaun sara hidup kepada pelajar.
4. Bagi **Program Pembangunan Siswa SULUNG (SULUNG)** pula, program ini merupakan program berbentuk pembiayaan Pendidikan kepada individu pertama dalam keluarga B40 yang belum pernah ada ahli keluarga melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE  
[BATANG SADONG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 ( ISNIN )**

**PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [ BATANG SADONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah agenda yang telah berjaya dilaksanakan oleh pentadbiran Kerajaan Perpaduan dalam memartabatkan semangat Perjanjian Malaysia 1963. Nyatakan juga agenda baharu yang akan diteliti untuk dilaksanakan dalam memastikan kemakmuran di Wilayah Sarawak dan Sabah.

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam memastikan perkara yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) diselesaikan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya platform perundingan mengenai MA63 diteruskan dan ditambahbaik kepada Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Selain itu, Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi serta Jawatankuasa Penyelarasan yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah turut ditubuhkan di bawah MTPMA63.

3. Buat masa ini, MTPMA63 telah bermesyuarat sebanyak 1 (satu) kali pada 20 Januari 2023 di Kuching, Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status kemajuan terkini bagi Perkara/Tuntutan Asas MA63 adalah seperti berikut:

- i. **Selesai Sepenuhnya (5 Perkara/Tuntutan Asas)**
  - a. Penyerahan kuasa kawal selia LPG kepada Kerajaan Negeri Sarawak;
  - b. Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
  - c. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;

- d. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak; dan
  - e. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai jabatan teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182).
- ii. **Selesai Sebahagian/Interim (3 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Semakan semula pemberian khas (Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan);
  - b. Pelantikan wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan
  - c. Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas.
- iii. **Telah Mempunyai Keputusan Dasar (6 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Penyerahan kuasa kawal selia elektrik dan *Sabah Electricity Sdn Bhd* (SESB) daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
  - b. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai alam sekitar;
  - c. Penyerahan semula tanah direzabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
  - d. Tenaga buruh di Sabah dan Sarawak;
  - e. Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995 [Akta 533] bagi melantik wakil Kerajaan Sabah dan Sarawak sebagai wakil tetap dalam LHDN; dan
  - f. Semakan semula pemberian khas di bawah Perkara 112D, PP (Negeri Sarawak).
- iv. **Dalam Perbincangan - Belum Selesai (*Agree to Disagree*) (8 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum;
  - b. Mineral minyak dan medan minyak;
  - c. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750];
  - d. Hak negeri ke atas pelantar benua;
  - e. Tuntutan 2/5 (40%) daripada amaun bersih kutipan hasil yang diperolehi Persekutuan di Negeri Sabah sebagai kadar Pemberian Khas Negeri Sabah;

- f. Obligasi kewangan Persekutuan di bawah Senarai III, Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
  - g. Duti setem dikenakan ke atas instrumen pemindahan, caj, menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah (Bab 68) dan Kanun Tanah Sarawak (Bab 81); dan
  - h. Pertambahan perjawatan perkhidmatan awam Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan.
- v. **Dalam Perbincangan (3 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Borneonisasi perkhidmatan awam Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak;
  - b. Pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak; dan
  - c. Pembangunan sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan.
- vi. **Isu baharu (5 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Negeri Sarawak di Dewan Rakyat;
  - b. Cadangan Pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan;
  - c. Cadangan pindaan item 25A (Pelancongan) dalam Senarai I (Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan kepada Senarai III (Bersama), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
  - d. Kuasa autonomi kesihatan; dan
  - e. Kuasa autonomi pendidikan.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kuasa autonomi pendidikan dan kuasa autonomi kesihatan merupakan agenda baharu yang akan dibincangkan dalam platform perundingan yang sedia ada. Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak boleh membawa perkara/tuntutan asas MA63 yang baharu untuk dibincangkan dan diperincikan di peringkat Jawatankuasa Teknikal MTPMA63 sebelum di bawah ke MTPMA63 untuk pertimbangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN  
BANDY [ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [ KALABAKAN ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah perkembangan terkini kejayaan TERAJU di dalam menggalakkan penyertaan Bumiputera di dalam industri strategik mencakupi aspek pertahanan dan keselamatan, pembinaan moden dan aeroangkasa seperti mana yang terkandung di dalam Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) di bawah pelan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TBP2030).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) akan terus berperanan dalam membantu menjayakan agenda pemerkasaan Bumiputera terutama dalam bidang ekonomi termasuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik seperti pertahanan dan keselamatan, pembinaan moden dan aeroangkasa.

Dalam hal ini, TERAJU telah memainkan peranan dalam meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera dalam industri strategik melalui pelaksanaan program sedia ada serta menggalakkan dan mempersiapkan usahawan Bumiputera ini untuk bersaing ke peringkat antarabangsa.

Selain daripada berkolaborasi bersama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) melalui Program *Bumiputera Initiatives for Globalisation* (BIG) untuk mengenal pasti syarikat-syarikat aeroangkasa Bumiputera yang berdaya saing dan berimpak tinggi meluaskan pasaran mereka ke peringkat global dan menyelaras bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam mengenal pasti syarikat Bumiputera dalam sektor pembinaan seperti pemain industri di kalangan Bumiputera di bawah sektor *Industrialised Building System* (IBS), TERAJU juga menyelaras dan menggalakkan syarikat Bumiputera ke Pertunjukan Udara Antarabangsa Farnborough (FIA) 2022 dan juga penyertaan syarikat berpotensi di Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA 2023).

TERAJU juga menyelaras dan bekerjasama dengan semua Kementerian melalui Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPAB) serta agensi berkaitan dalam usaha meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera dalam industri strategik.



TERAJU akan terus menyokong agenda Bumiputera supaya menjadi agenda nasional bagi mencapai pembangunan sosioekonomi yang adil, saksama dan inklusif ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati, berkeyakinan serta bersikap ihsan.

Kementerian Ekonomi sedang menambah baik kerangka pemerkasaan agenda Bumiputera dengan memberi tumpuan kepada *scaling up* syarikat Bumiputera dan juga melalui *reverse linkages* iaitu memadankan syarikat Bumiputera yang berdaya saing dengan syarikat dari luar negara yang mempunyai keupayaan dan potensi untuk sama-sama berkembang

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI  
ALIAS [JELEBU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa kadar kebolehpasaran lepasan siswazah di Malaysia pada tahun 2022 mengikut bidang pengkhususan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi daripada Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian, kadar kebolehpasaran graduan peringkat nasional bagi tahun 2022 ialah **90.2 peratus**. Kadar ini meningkat sebanyak 4.7 peratus berbanding 85.5 peratus pada tahun 2021 bagi tempoh enam bulan selepas graduan menamatkan pengajian.
2. Bagi tahun 2022, lima (5) bidang pengajian/ pengkhususan yang mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi. **Bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan mencatatkan peratusan kebolehpasaran tertinggi** dengan bilangan seramai 72,611 orang atau 92.7 peratus.
3. **Bidang pengajian kedua mencatatkan peratusan kebolehpasaran tertinggi** ialah bidang **Teknologi maklumat dan komunikasi** dengan bilangan seramai 19,192 orang atau 91.9 peratus.
4. Tiga lagi bidang yang mencatatkan kebolehpasaran tinggi adalah:
  - a. bidang **Sains semulajadi, matematik dan statistik** dengan bilangan seramai 12,294 orang atau 90.2 peratus;
  - b. bidang **Pendidikan** dengan bilangan seramai 15,848 orang atau 89.9 peratus; dan
  - c. bidang **Perniagaan, pentadbiran dan perundangan** dengan bilangan seramai 76,559 orang atau 89.3 peratus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [ SELANGAU ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN EDWIN ANAK BANTA [ SELANGAU ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan ataupun indikasi pelan mitigasi kita setakat ini dalam menangani masalah inflasi dan kenaikan kos sara hidup.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan kadar inflasi pada masa ini merupakan fenomena global yang dialami oleh kebanyakan negara, termasuk Malaysia. Peningkatan kadar inflasi ini, antaranya disebabkan oleh perbezaan di antara permintaan dan penawaran. Selain itu, terdapat beberapa faktor utama yang menjadi punca kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang melibatkan faktor luaran dan faktor dalaman.

Kenaikan harga komoditi dunia telah bermula sejak April 2021 selepas pembukaan semula ekonomi global, konflik di antara Rusia dan Ukraine, gangguan rantai bekalan serta kenaikan kos logistik dan pengangkutan. Di peringkat domestik pula, kenaikan kos pengeluaran, permintaan domestik yang semakin kukuh susulan peralihan ke fasa endemik serta kekurangan bekalan domestik, termasuk makanan telah mendorong kepada peningkatan inflasi dan kos sara hidup di Malaysia.

Berdasarkan kepada faktor-faktor ini, Kerajaan telah merangka pelbagai dasar dan strategi bagi mengurangkan impak kenaikan harga kepada rakyat. Sebagai contoh, buat masa ini, Kerajaan memutuskan untuk meneruskan kawalan harga bagi bahan makanan seperti ayam standard, telur ayam dan minyak masak, melaksanakan Program Penyeragaman Harga (PPH) meliputi kawasan luar bandar/pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi 7 barangan asas, iaitu beras putih, gula, minyak masak 1 kilogram, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel.

Selain itu, pengenalan Menu Rahmah sebagai sebahagian daripada inisiatif awal di bawah Program Payung Rahmah turut diperkenalkan. Inisiatif ini menawarkan harga makanan sebanyak RM5 bagi setiap hidangan untuk memastikan golongan B40, terutamanya dalam kategori miskin tegar mendapat akses kepada pilihan harga yang lebih mampu bayar. Kerajaan juga terus menyediakan pelbagai bantuan sosial,

termasuk bantuan tunai kepada kumpulan sasar bagi mengurangkan kos sara hidup yang tinggi. Pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 1 telah disalurkan kepada golongan B40 secara berperingkat mulai 17 Januari 2023, manakala Fasa 2 bermula 5 April 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah mula membuah hasil. Kadar inflasi di Malaysia telah mula mereda dan menunjukkan trend penurunan sebanyak 7 bulan berturut-turut dengan merekodkan 3.4% pada Mac 2023 berbanding kadar tertinggi 4.7% pada Ogos 2022. Inflasi kumpulan Makanan dan Minuman bukan Alkohol yang menjadi pendorong utama kepada kenaikan inflasi di Malaysia turut menyederhana kepada 6.9% pada Mac 2023 berbanding 7.3% pada November 2022. Selain itu, kumpulan Pengangkutan turut mencatatkan penurunan seiring dengan harga minyak mentah dunia.

Kerajaan sedar pertumbuhan ekonomi yang diiringi dengan kos sara hidup yang tinggi akan membebankan rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan telah melancarkan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) pada 26 Februari 2023 bagi membantu isi rumah kumpulan miskin tegar dan B40. IPR bersifat serampang dua mata dengan tumpuan untuk menambah pendapatan dan menyelesaikan masalah kekurangan bekalan bahan mentah makanan. Terdapat tiga inisiatif di bawah IPR, iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Melalui inisiatif ini, kegiatan penjana pendapatan dibangunkan bersesuaian dengan keperluan memperbaiki struktur ekonomi negara di peringkat akar umbi dengan mewujudkan ekosistem yang mampan dan akan memberi manfaat kepada 100,000 penerima dari isi rumah miskin tegar dan B40 pada tahun 2023. Kerajaan akan menyediakan bantuan, meliputi latihan kemahiran dan perniagaan, infrastruktur, peralatan dan kelengkapan, pepadanan pekerjaan serta sokongan pemasaran. Peserta IPR selepas 24 bulan dijangka dapat menjana pendapatan yang

lebih baik dan keluar daripada kemiskinan. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM750 juta di bawah Belanjawan 2023. Sehingga 22 Mei 2023, sebanyak 33,501 permohonan telah diterima untuk menyertainya IPR.

Kedudukan kewangan Kerajaan yang terhad mendorong Kerajaan untuk menyemak semula perbelanjaan dari segi pemberian subsidi dan bantuan agar lebih bersasar. Penjimatan daripada pelaksanaan subsidi bersasar akan dapat disalurkan kepada program dan projek yang memberi impak yang besar kepada rakyat. Kerajaan juga akan terus memberi tumpuan terhadap pelaksanaan inisiatif dan program yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat, terutamanya golongan miskin tegar dan B40 terjaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
[AYER HITAM]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [ AYER HITAM ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan reformasi polisi yang akan dilaksanakan bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi tumpuan pelaburan langsung asing (FDI) yang kini ketinggalan berbanding Indonesia dan Vietnam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa komited untuk mempergiatkan aktiviti penggalakan pelaburan bagi memastikan kedudukan Malaysia kekal kompetitif walaupun berhadapan dengan landskap global yang mencabar.

Terdapat pelbagai faktor yang menggalakkan pelaburan langsung asing (*foreign direct investment* - FDI), antaranya adalah *ease of doing business*, infrastruktur yang baik, ketersediaan tenaga kerja dan kestabilan politik. Bagi Indonesia dan Vietnam, ketersediaan pasaran domestik dan populasi penduduk yang jauh lebih tinggi berbanding Malaysia iaitu seramai 273.8 juta dan 97.47 juta orang masing-masing merupakan salah satu faktor dalam penarikan FDI ke negara-negara



tersebut. Selain itu, keberadaan sumber mineral dan kos buruh yang lebih rendah menjadikan Indonesia dan Vietnam sebagai destinasi pelaburan bagi sebahagian projek FDI.

Dalam konteks penarikan pelaburan ke Malaysia, Kerajaan sentiasa berusaha untuk membangunkan industri yang berteraskan teknologi tinggi dan mempunyai nilai tambah tinggi bagi mengukuhkan ekosistem industri di negara dan sekaligus mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang kompetitif bagi pelaburan. Antara strategi utama yang telah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan Malaysia mengutamakan pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi termasuklah:

- i. menggubal dan menambahbaik dasar-dasar berkaitan pelaburan, termasuklah Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy* - NIP) berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspirations* - NIA), di mana dasar baharu ini:
  - a. akan mendorong dan mempercepatkan pertumbuhan jangka panjang untuk Malaysia melalui kemasukan pelaburan berkualiti yang mampan dalam bidang pertumbuhan baharu dan kompleks. Aspirasi ini berfungsi sebagai asas teras NIP yang menggariskan strategi penting untuk menggiatkan semula dan memangkin ekosistem pelaburan Malaysia; dan
  - b. memberi tumpuan kepada keterangkuman dan kemampanan yang serasi dengan matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance* - ESG). Pelaburan baharu berteraskan ESG akan mendorong pertumbuhan dalam sektor yang canggih dari segi teknologi, serta mengukuhkan hubungan rantaian kehadapan dan kebelakang.
- ii. semakan semula terhadap Pelan Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Masterplan* (NIMP) 2030). Kajian ini akan meneliti isu utama seperti reformasi struktur, mempertingkatkan ekonomi, mewujudkan ekosistem yang sesuai bagi industri sasaran dan

menyediakan pembangunan kapasiti bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam melaksanakan prinsip ESG. NIMP 2030 dijangka siap pada suku ketiga tahun ini dan akan menjadi dokumen polisi utama dalam membangunkan industri Malaysia sehingga tahun 2030; dan

- iii. cadangan pakej galakan cukai baharu dan menambahbaik pakej galakan cukai sedia ada di dalam belanjawan tahunan. Di dalam Belanjawan 2023, Kerajaan telah menawarkan Galakan Cukai bagi Pengilang Peralatan Pengecasan untuk Kenderaan Elektrik serta menambahbaik Elaun Modal Automasi yang kini meliputi adaptasi elemen Industri 4.0, sektor pertanian serta had perbelanjaan yang dipertingkat sehingga RM10 juta. Pakej galakan baharu dan penambahbaikan terhadap pakej sedia ada adalah penting bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam menarik pelaburan baharu yang berkualiti tinggi serta meningkatkan ekosistem pelaburan tempatan.

Strategi-strategi yang dilaksanakan ini telah menunjukkan kesan positif di mana Malaysia merekodkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.6 peratus pada suku pertama 2023, lebih baik berbanding pertumbuhan negara serantau seperti Indonesia (5 peratus), China (4.5 peratus) dan Vietnam (3.3 peratus).

Melangkah ke hadapan, Kerajaan melalui MITI dan agensi akan sentiasa komited dalam melaksanakan reformasi polisi secara konsisten bagi memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi tumpuan pelaburan langsung asing dan domestik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN  
ANAK BEGRI [ BETONG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [ BETONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini mengenai rundingan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) seperti tuntutan komposisi satu pertiga kerusi bagi Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat serta lain-lain perkara yang sedang dalam perbincangan dan bilakah sasaran untuk menyelesaikan rundingan ini sekaligus menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam memastikan perkara-perkara yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) diselesaikan mengikut kerangka undang-undang.

2. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya platform perundingan mengenai MA63 diteruskan dan ditambahbaik kepada Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Selain itu, Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi serta Jawatankuasa Penyelarasan yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah turut ditubuhkan di bawah MTPMA63.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai Perkara/Tuntutan Asas MA63 masih diteruskan. Status kemajuan terkini bagi perbincangan tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Selesai Sepenuhnya (5 Perkara/Tuntutan Asas)**
  - a. Penyerahan kuasa kawal selia LPG kepada Kerajaan Negeri Sarawak;
  - b. Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
  - c. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;

- d. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak; dan
  - e. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai jabatan teknik (AP182).
- ii. **Selesai Sebahagian/Interim (3 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Semakan semula pemberian khas (Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan);
  - b. Pelantikan Wakil Kerajaan Negeri Sabah Dan Sarawak Sebagai Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan
  - c. Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas.
- iii. **Telah Mempunyai Keputusan Dasar (6 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Penyerahan kuasa kawal selia elektrik dan *Sabah Electricity Sdn Bhd* (SESB) daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
  - b. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai alam sekitar;
  - c. Penyerahan semula tanah direzabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
  - d. Tenaga buruh di Sabah dan Sarawak;
  - e. Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995 [Akta 533] bagi melantik wakil Kerajaan Sabah dan Sarawak sebagai wakil tetap dalam LHDN; dan
  - f. Semakan semula pemberian khas di bawah Perkara 112D, PP (Negeri Sarawak).
- iv. **Dalam Perbincangan - Belum Selesai (Agree to Disagree) (8 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum;
  - b. Mineral minyak dan medan minyak;
  - c. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750];
  - d. Hak negeri ke atas pelantar benua;

- e. Tuntutan 2/5 (40%) daripada amaun bersih kutipan hasil yang diperolehi Persekutuan di Negeri Sabah sebagai kadar Pemberian Khas Negeri Sabah;
  - f. Obligasi kewangan Persekutuan di bawah Senarai III, Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
  - g. Duti setem dikenakan ke atas instrumen pemindahan, caj, menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah (Bab 68) dan Kanun Tanah Sarawak (Bab 81); dan
  - h. Pertambahan perjawatan perkhidmatan awam Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan.
- v. **Dalam Perbincangan (3 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Borneonisasi perkhidmatan awam Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak;
  - b. Pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak; dan
  - c. Pembangunan Sempadan Sabah – Sarawak - Kalimantan
- vi. **Isu baharu (5 Perkara/Tuntutan Asas)**
- a. Pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Negeri Sarawak di Dewan Rakyat;
  - b. Cadangan Pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan;
  - c. Cadangan pindaan item 25A (Pelancongan) dalam Senarai I (Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan kepada Senarai III (Bersama), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
  - d. Kuasa autonomi kesihatan; dan
  - e. Kuasa autonomi pendidikan.

## **NO. SOALAN: 133**

4. Tempoh masa bagi penyelesaian setiap perkara/tuntutan adalah tertakluk kepada proses perundangan yang berkaitan. Selain itu, tahap kesediaan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dari sudut operasi, sumber manusia, aspek kewangan juga merupakan aspek yang perlu diambil kira sebelum suatu perkara/tuntutan asal MA63 dapat diselesaikan.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Negeri Sarawak di Dewan Rakyat adalah merupakan isu baharu yang dibincangkan dalam MTPMA63. Kerajaan akan mempertimbangkan perkara ini berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh Industri Halal Malaysia sejak pelancaran Halal Industry Master Plan 2030 (HIMP 2030) pada 23 Mac 2023.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pasaran ekonomi Islam global merupakan antara penyumbang besar dalam pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup sosioekonomi masyarakat dunia. Ia bukan sahaja merangkumi bidang kewangan Islam malah meliputi perindustrian halal seperti penghasilan produk makanan & minuman, produk farmaseutikal serta produk-produk kosmetik & penjagaan diri. Berikutan peningkatan penduduk Muslim dunia, saiz pasaran halal antarabangsa dijangka berkembang daripada USD2.4 trilion pada 2020 kepada USD7.7 trilion (RM32.2 trilion) menjelang tahun 2030. Sejalan matlamat Kerajaan di bawah RMKe-12 dan Malaysia MADANI, industri halal dikenal pasti sebagai antara industri strategik dan aktiviti pertumbuhan utama yang menyumbang kepada kemampanan pembangunan ekonomi negara.

Dalam menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Islam global, Pelan Induk Industri Halal 2030 (*Halal Industry Master Plan 2030 - HIMP*) memberi tumpuan terhadap keperluan dan potensi pembangunan industri halal dengan memfokuskan kepada sub-sektor terpilih yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, menggalakkan penyertaan aktif syarikat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta mempergiat pengkomersilan produk R&D dan inovasi halal. Pelaksanaan HIMP 2030 akan mengukuhkan ekosistem industri halal tempatan yang seterusnya meningkatkan perdagangan dan pelaburan negara, mencipta peluang pekerjaan dan mengukuhkan integriti rantai bekalan halal.

Sebanyak 23 inisiatif telah dikenalpasti yang merangkumi dasar dan kerangka kawal selia mesra Industri Halal, meneroka pasaran eksport baru, mewujudkan kumpulan pakar industri Halal, meningkatkan kualiti infrastruktur di taman industri halal serta mengenalpasti *Halal Champions* iaitu syarikat-syarikat peneraju dalam segmen produk masing-masing.

Sejak dilancarkan pada 23 Mac 2023 oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, *Halal Development Corporation* (HDC) telah merangka pelan tindakan yang perlu dilaksanakan berasaskan kepada 23 inisiatif tersebut. Antaranya adalah termasuk:

- a. mengukuhkan keupayaan domestik dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan halal yang bermutu tinggi;
- b. menambah nilai eksport produk dan barangan halal;
- c. meningkatkan jumlah pelaburan asing dan domestik tidak terhad di dalam Taman Industri Halal;
- d. membangunkan modal insan, kepakaran dan professional tempatan; dan
- e. menjalankan aktiviti kajian dan penyelidikan pembangunan (R&D) berkaitan industri halal termasuk pengkomersilan produk R&D dan penggunaan teknologi terkini.

Selain itu, tumpuan juga diberikan untuk meningkatkan pembinaan keupayaan, jati diri dan minda kelas pertama serta *mindset* keusahawanan yang merupakan faktor utama bagi melahirkan usahawan tempatan yang berjaya. Para usahawan khususnya golongan muda akan terus diperkasakan dengan penerapan pembangunan kapasiti dan keupayaan supaya berani mengambil risiko dan bersedia mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk meningkatkan prestasi dan mengembangkan perniagaan tanpa terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan.

Sekian , terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk penambahan jumlah kerusi Parlimen di wilayah Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Urusan Kajian Semula Persempadanan berdasarkan keperluan di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.
2. Bagi melaksanakan cadangan pertambahan kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sabah dan Sarawak, pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat perlu dibuat terlebih dahulu dan pindaan ini perlu mendapat persetujuan 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat.
3. Kajian akan dilaksanakan berkenaan perkara ini sebelum ia dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan dasar.
4. Kajian mengenai perkara ini dijangka akan mengambil sedikit masa oleh sebab ia melibatkan pindaan undang-undang khususnya berkaitan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM  
[ARAU]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ ARAU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) Apakah usaha Kementerian dalam menangani isu muflis dalam kalangan belia; dan
- (b) Pelan jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian dalam meningkatkan literasi kewangan terutama golongan belia.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG & REFORMASI INSTITUSI)**

- (a) Usaha Kementerian dalam menangani isu muflis dalam kalangan belia.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan hari ini sentiasa prihatin kepada golongan muflis atau bankrap terutama bankrap dari kalangan belia. Pelbagai usaha telah

dilakukan oleh Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan dalam menangani isu muflis dalam kalangan belia. Antara usaha-usaha dari aspek perundangan adalah seperti berikut :-

- (a) Peruntukan berkenaan pelepasan automatik telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 2017 di dalam Akta Insolvensi 1967 (Akta 360). Peruntukan pelepasan automatik tersebut membolehkan bankrap termasuklah dari golongan belia dilepaskan dari kebangkrapan dalam tempoh yang singkat iaitu 3 tahun dari tarikh pemfailan Pernyataan Hal Ehwal (PHE) dengan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl). Kerajaan juga akan membuat penambahbaikan kepada peruntukan pelepasan automatik melalui Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023.
- (b) Kerajaan melalui pindaan kepada Akta 360 telah meningkatkan had minimum muflis dari RM50,000 kepada RM100,000. Peningkatan had minimum muflis ini secara tidak langsung telah membantu mengurangkan peratusan bankrap yang didaftarkan dengan Mdl termasuklah golongan belia.
- (c) Pada tahun 2017, Perkiraan Sukarela (*Voluntary Arrangement*) telah diperkenalkan di bawah Akta 360. Proses Perkiraan Sukarela membolehkan individu yang berhadapan dengan prosiding kebangkrapan memohon kepada mahkamah untuk penggantungan prosiding dan berunding dengan pemiutang berhubung pelan cadangan bayaran balik hutang. Apabila persetujuan dicapai, tiada perintah kebangkrapan akan direkodkan.

2. Selain aspek perundangan, Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu muflis di kalangan golongan belia seperti :

- (a) Semasa sesi Pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan dasar kerajaan untuk memberikan peluang kedua kepada rakyat yang telah diisytiharkan bankrap. Sementara menunggu Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2023 diluluskan, Kerajaan

telah mengambil inisiatif untuk membantu bankrap dengan jumlah hutang berskala kecil iaitu di bawah jumlah RM50,000 yang memenuhi syarat dapat dilepaskan daripada kebangkrapan bermula 1 Mac 2023.

- (b) Individu yang mempunyai masalah keberhutangan yang serius juga boleh mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Agensi ini membantu untuk membuat penstrukturan semula bayaran hutang selain memberikan khidmat nasihat, kaunseling dan bantuan dalam bidang berkaitan dengan kredit, pengurusan kewangan dan pendidikan.
- (c) Mdl sentiasa melaksanakan program-program kesedaran seperti hari bersama pelanggan, klinik insolvensi dan menggunakan saluran media sosial bagi menggalakkan bankrap untuk berurusan dan bekerjasama dengan Mdl. Oleh itu bankrap dapat memahami serta menjalankan tanggungjawabnya dan perkara tersebut dapat membantu bankrap untuk keluar daripada kebangkrapan dalam tempoh yang singkat.

3. Usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan seperti yang dinyatakan di atas telah membantu menangani isu muflis di kalangan golongan belia.

(b) **Pelan jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian dalam meningkatkan literasi kewangan terutama golongan belia.**

4. Bagi memupuk kesedaran mengenai amalan pengurusan kewangan yang baik di kalangan belia, Mdl telah mengadakan program *outreach* bagi mendekati golongan belia yang berada di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Ia merupakan program literasi kewangan pelan jangka pendek yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada belia berkenaan kesan keberhutangan yang serius dan kebangkrapan ke atas seorang individu.

5. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) turut memainkan peranan penting dalam menjalankan program pendidikan kewangan kepada orang ramai termasuk golongan belia. Bagi pelan jangka pendek,

program-program berbentuk literasi kewangan dianjurkan dengan kerjasama strategik dengan lain-lain kementerian seperti Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Program ini memberi pendedahan kepada belia dan pelajar universiti tentang kaedah pengurusan kewangan dan perbelanjaan berhemah.

6. Program literasi kewangan yang dijalankan dengan pelan jangka masa sederhana dan panjang pula melibatkan struktur program yang jelas bagi memenuhi kumpulan sasaran. Sebagai contoh Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER) telah dilaksanakan sejak 2011 dan ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia terutamanya untuk golongan muda dan mereka yang baru membuat pinjaman kewangan. Selain itu terdapat juga program pendidikan kewangan yang dijalankan untuk bakal graduan yang akan menempuhi alam pekerjaan.

7. Program literasi kewangan yang berstruktur turut menekankan pendedahan praktikal. Ini dapat dilihat melalui *Program Social Enterprise Literacy for Youth* dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada kaedah pengurusan kewangan secara praktikal serta menekankan tanggungjawab sosial belia. Seterusnya, *Program Be Your Own Boss* pula menyediakan tips kewangan kepada golongan pekerja untuk membangunkan portfolio kewangan mereka sendiri di samping meneruskan pekerjaan.

8. AKPK turut menjalankan program literasi kewangan di peringkat pendidikan formal. Dalam usaha untuk menerapkan ilmu pengurusan kewangan di peringkat awal, AKPK telah memperkenalkan subjek Pengurusan Kewangan Peribadi di Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang membawa 2 jam kredit. Subjek ini telah dilaksanakan di beberapa Institut Pengajian Tinggi.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD  
[KEPALA BATAS]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) Status dan jumlah pembeli Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) Permatang Sintok; dan
- (b) Apakah tindakan pihak Kerajaan terhadap pemaju dan kesan pembeli rumah atas kelewatan pembinaan perumahan penjawat awam Malaysia ini.

**JAWAPAN**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. PPAM Konifer di Taman Permatang Sintok, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang ini adalah pembangunan sejumlah 112 unit kediaman pangsapuri oleh Syarikat Motif Era Sdn. Bhd. Projek di atas Tanah Persendirian dengan jumlah Dana Mudahcara RM3,393,600.00 yang diluluskan pada 26 April 2017. Projek yang sepatutnya disiapkan pada 18 Mei 2019 telah tertangguh dengan kemajuan fizikal pembinaan sehingga April 2023 adalah pada tahap 68% dan projek ini dikategorikan dalam Sistem PPAM sebagai projek sakit. Sehingga kini seramai 59 orang penjawat awam telah menandatangani Perjanjian Jual Beli (PJB) dengan pemaju pada harga RM129,700.00 bagi setiap unit. Hasil semakan dan siasatan yang dilaksanakan oleh Unit PPAM JPM mendapati bahawa projek ini telah mengalami masalah kerana Pemaju menghadapi masalah kewangan bagi menyiapkan pembinaan kediaman tersebut dan keadaan ini semakin buruk selepas Negara dilanda pandemik Covid-19 yang amat memberi kesan terhadap industri pembinaan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Pemajuan PPAM secara keseluruhannya adalah merupakan pemajuan swasta dan pembeli bagi projek ini adalah dilindungi di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118). Bagi isu yang dihadapi oleh PPAM Konifer, sejak operasi PPAM dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri pada bulan Disember 2022, beberapa langkah intervensi telah diambil bagi memastikan permasalahan yang dihadapi dapat ditangani dengan sebaiknya terutamanya yang terkait dengan kepentingan pembeli yang merupakan penjawat awam. Antaranya ialah Pemaju telah diminta untuk mengemukakan dengan segera Surat Aku Janji penyiapan kerja bagi memastikan projek ini dapat disiapkan. Kerajaan juga akan memastikan pemantauan dari sudut kualiti kerja dilaksanakan dengan

lebih diteliti bagi mengelakkan hasil kerja yang tidak memuaskan dan seterusnya memberi kesan kepada pembeli.

3. Dari segi kesan kepada pembeli bagi projek ini pula, oleh kerana Perjanjian Jual Beli antara Pemaju dan Pembeli yang ditandatangani bagi projek ini adalah berdasarkan kepada Jadual J dibawah Akta 118, secara umumnya pembeli telah pun membayar 10% daripada nilai belian semasa Perjanjian Jual Beli ditandatangani manakala baki 90% lagi hanya akan dibayar oleh Pembeli selepas menerima notis Pemaju bagi penyerahan pemilikan kosong (*Vacant Possesion*) dengan disokong oleh perakuan siap dan pematuhan (CCC). Selain itu, merujuk kepada surat bertarikh 26 Januari 2022 dari Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), seramai 10 orang pembeli PPAM Konifer telah mendapat penjadualan semula ansuran bulanan pembiayaan LPPSA. Dalam masa yang sama, sekiranya para pembeli masih menghadapi sebarang isu yang berbangkit, aduan selanjutnya boleh dikemukakan kepada Unit PPAM JPM untuk tindakan selanjutnya.

4. Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan akan mengemukakan model baharu penambahbaikan pelaksanaan PPAM di bawah tema Malaysia Madani dalam tempoh masa terdekat. Pendekatan yang lebih bersifat *people-centric* ini akan lebih menonjolkan ciri-ciri rahmah yang ingin dibawa oleh pihak Kerajaan kini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [ BALING]**

**TARIKH : 23 MEI 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan hasrat Kementerian untuk menaik taraf sekolah tahfiz dan pondok terutamanya di daerah Baling.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan sentiasa peka dan mengambil perhatian keperluan institusi-institusi pendidikan Islam di seluruh negara. Bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif, kerajaan melalui belanjawan 2023 telah memperuntukkan sebanyak RM150 juta bagi tujuan selenggara dan naik taraf institusi-institusi pendidikan Islam tanpa mengira mana-mana kawasan parlimen.
2. Sebagai rekod, pada tahun 2022, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM140 juta bagi bantuan selenggara dan naik taraf sekolah agama, pondok dan tahfiz. Bantuan ini memberi manfaat kepada 2,201 buah institusi agama di seluruh negara.
3. Semenjak tahun 2020 hingga 2022, sebanyak 23 buah pusat tahfiz di Baling telah menerima peruntukan Bantuan Khas Kerajaan Persekutuan. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM281,600.00 kepada 6 buah sekolah tahfiz pada tahun 2020. Pada tahun 2021 sebanyak RM422,600.00 diperuntukkan kepada 8 buah tahfiz dan sejumlah RM692,000.00 diberikan kepada 11 buah tahfiz pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LEE CHUAN HOW  
[ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bantuan yang dibelanjakan untuk kes-kes bencana alam terperinci, mengikut pecahan daerah, daripada Januari 2013 sehingga Disember 2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah ditubuhkan pada 26 Ogos 2015 dan bertanggungjawab dalam aspek pengurusan bencana negara.
2. Penyaluran peruntukan bantuan bencana yang meliputi Bantuan Wang Ihsan (BWI), Bantuan Barangan Keperluan Asas (BBKA) dan Bantuan Pembaikan Rumah (BPR) Maksimum RM5,000 daripada NADMA kepada Kerajaan Negeri adalah berdasarkan permohonan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) melalui maklumat Ketua Isi Rumah (KIR) mangsa bencana yang telah disemak dan disahkan oleh Pejabat Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).
3. Bagi tempoh 2015 sehingga 2022, jumlah keseluruhan pengagihan bantuan bencana kepada KIR mangsa bencana yang layak adalah sebanyak RM1.165 bilion. Perinciannya adalah seperti di berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah (RM juta)</b>
2015	141.19
2016	11.83
2017	15.94
2018	25.92
2019	6.98
2020	5.40
2021	113.63
2022	844.62
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,165.51</b>

4. Bagi Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan awal sebanyak RM330 juta kepada semua negeri bagi memastikan bantuan bencana dapat disampaikan dengan segera dalam tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada Kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan membina jalan raya yang baik dan memudahkan akses ke Taman Negara Mulu melalui bandar Miri memandangkan kini Taman Negara Mulu yang mampu menarik pelancong asing hanya boleh disampai melalui pengangkutan udara.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Projek “*Proposed Road Linking Miri-Marudi, Marudi-Mulu (Kuala Melinau) and Long Panai-Long Lama*” telah disenaraikan untuk pertimbangan dan akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Projek ini akan dilaksanakan oleh Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) yang dijangka bermula pada tahun 2023 setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Sarawak. Projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 137 km dari Miri ke Mulu dan Long Lama selain akan turut menghubungkan taman-taman negara seperti Lambir, Loagan Bunut, Mulu, Kejin Tugang dan Niah di Bahagian Miri, Sarawak.

Pembinaan jalan ini kelak akan memberi manfaat kepada kira-kira 70,000 penduduk tempatan dengan kemudahan infrastruktur yang lebih selamat dan kondusif berbanding keadaan sekarang yang bergantung kepada pengangkutan air dan udara.

Selain itu, pembinaan jalan ini turut akan memberi *spillover effects* kepada kawasan sekitar dan berupaya meningkatkan jumlah pelancong ke kawasan taman negara yang berada di sepanjang jalan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU  
LANGAT]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN 144**

**TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai usaha Kerajaan mengatasi masalah banjir warga asing di bawah agensi UNHCR yang terlalu ramai tanpa kawalan sewajarnya serta tanpa kemudahan manusiawi sehingga mereka terlantar merata-rata menyusahkan rakyat.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL  
SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan amat mengambil berat terhadap kebimbangan rakyat berikutan banjir pelarian dan pemohon suaka yang memegang Kad UNHCR di dalam negara. Kerajaan juga mengambil maklum terhadap kekusaran rakyat berikutan kehadiran serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh segelintir daripada golongan pelarian dan pemohon suaka ini di dalam negara yang

sedikit sebanyak menjejaskan keharmonian dan keselamatan penduduk setempat.

2. Peningkatan yang amat ketara jumlah pelarian dan pemohon suaka yang memegang Kad UNHCR iaitu 75,617 orang pada tahun 2009 kepada 185,760 orang pada Mac 2023 dan dalam masa yang sama proses penempatan golongan ini ke negara ke tiga oleh pihak UNHCR dan IOM yang perlahan menyebabkan Kerajaan perlu campurtangan di dalam pengurusan pelarian di dalam negara.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tinggi Pengurusan Pelarian dan Pemohon Suaka telah bermesyuarat pada 8 Mei 2023 (Isnin) dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kemajuan Wilayah dan Desa serta Pengerusi Jawatankuasa Peringkat Tinggi Pengurusan Pelarian dan Pemohon Suaka telah menetapkan bahawa Kerajaan akan melaksanakan pembaharuan secara berstruktur (*structural reform*) untuk mencapai matlamat Malaysia mempunyai mekanisme pengurusan pelarian dan pemohon suaka sendiri tanpa bergantung kepada entiti asing.

4. Kerajaan akan meneruskan kerjasama dengan pihak UNHCR terutamanya dalam aspek kebajikan dan penempatan golongan ini ke negara ketiga. Selain itu, peranan dan penglibatan agensi Kerajaan, UNHCR dan NGO di dalam negara dan luar negara perlu diperkemas untuk memastikan aspek keselamatan rakyat dan bantuan kemanusiaan bagi pelarian dapat diseimbangkan selaras dengan polisi dan dasar ditetapkan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY  
BIN BANDY [KALABAKAN]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [ KALABAKAN ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah perkembangan usaha pihak Kementerian untuk membangunkan teknologi kenderaan elektrik (EV) tempatan bagi memenuhi agenda kelestarian mobiliti negara seiring dengan Dasar Automotif Negara (NAP) 2020, Dasar Pengangkutan Negara (NTP) 2019-2030 dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2020, industri automotif tempatan telah diberi halatuju bagi persiapan masa hadapan melalui pembangunan *Next Generation Vehicle* (NxGV) termasuk kenderaan elektrik (EV) yang cekap tenaga dan mesra alam sekitar serta mempunyai kepintaran teknologi bagi menyokong sistem kenderaan yang lebih pintar, efisien dan selamat.

Bagi memenuhi agenda kelestarian mobiliti negara seiring dengan Dasar Automotif Negara (NAP) 2020, Dasar Pengangkutan Negara NTP 2019-2030 dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030, Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Petugas EV Kebangsaan (NEVTF) pada November 2020 untuk menyelaraskan, menilai dan memantau pelaksanaan inisiatif dan program yang berkaitan dengan pembangunan industry EV.

NEVTF diterajui oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan dianggotai oleh ahli-ahli tetap yang terdiri daripada wakil daripada Kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan serta wakil industri/persatuan, di mana organisasi yang berkaitan telah dipertanggungjawabkan dengan skop yang relevan dengan bidang kuasa masing-masing.

Secara khususnya, pembangunan teknologi EV adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). MOSTI melalui NanoMalaysia Berhad sedang membangunkan teknologi EV termasuk penukaran kenderaan ICE kepada EV, teknologi penyimpanan tenaga dan *Battery Swapping System*. MOSTI turut menawarkan program *sandbox* EV untuk memacu perkembangan inovasi R&D ke peringkat pengkomersialan serta menyokong pembangunan teknologi industri hiliran menggunakan unsur nadir bumi, khususnya bagi *supermagnet*.

Di samping itu, Kerajaan turut menyediakan bantuan dan sokongan dalam bentuk pembangunan kemahiran melalui *Malaysia Automotive, Robotics & IoT Institute* (MARii) kepada syarikat-syarikat yang berhasrat untuk membangunkan komponen kritikal untuk EV seperti sistem pengurusan bateri (*Battery Management Systems - BMS*), sistem pengurusan haba (*Thermal Management Systems - TMS*), *Light Detection and Ranging* (LIDAR) dan rangkaian *Radio Detection and Ranging* (RADAR).

Jabatan Standards Malaysia (JSM) dan MARii selaku agensi di bawah MITI bertanggungjawab untuk membangunkan standard-standard yang berkaitan bagi menyokong dan memastikan teknologi EV yang dibangunkan adalah selamat digunakan. Antara standard yang telah dibangunkan termasuklah spesifikasi keselamatan motosikal elektrik dan kaedah-kaedah pengujian bateri *lithium-ion* bagi kenderaan elektrik. Beberapa standard baharu juga sedang dikaji bagi tujuan penyelarasan di peringkat nasional termasuklah *Battery Swapping* bagi motosikal elektrik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos lawatan Perdana Menteri keluar negara dan jumlah pelaburan-pelaburan yang telah berjaya dibawa masuk dari setiap negara yang dilawati.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH, SARAWAK  
DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah terlibat dalam lawatan rasmi ke 9 buah negara. Negara-negara yang dilawati oleh YAB Perdana Menteri dan delegasi Kerajaan adalah Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, Thailand, Turkiye, Filipina, Arab Saudi, Kemboja dan Republik Rakyat China.
2. Misi utama yang digalas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan antara lain adalah bagi meyakinkan bakal-bakal pelabur untuk melabur di Malaysia di samping memperkukuh, mendalami dan memperluas kerjasama dua hala di antara Malaysia dan negara-negara yang telah dilawati, terutamanya dalam sektor kebudayaan dan pelancongan ke arah menggalakkan perhubungan yang lebih akrab dalam kalangan rakyat dan pertumbuhan sosio ekonomi yang mampan, serta memupuk persefahaman yang lebih jitu di antara kedua-dua buah negara.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan rasmi dan persidangan antarabangsa ini merupakan satu platform yang terbaik bagi mempromosikan Malaysia serta mampu memberi maklumat terkini kepada komuniti perniagaan antarabangsa terhadap kedudukan ekonomi dan persekitaran perniagaan di Malaysia. Di antara program yang dilaksanakan sepanjang lawatan rasmi ini termasuklah mesyuarat tertutup bersama bakal pelabur, seminar dan mesyuarat meja bulat.



4. Semasa Lawatan Rasmi ke Arab Saudi dari 22 hingga 24 Mac 2023, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyaksikan pemeteraian dan pertukaran memorandum persefahaman/kerjasama di antara syarikat-syarikat Malaysia dan Arab Saudi antaranya melibatkan kerjasama bagi pengeluaran cip untuk semi-konduktor termasuk pembukaan kilang di Negeri Sembilan dan di Arab Saudi serta aspek latihan kepada Jemaah Haji di 23 buah negara di rantau Asia dengan anggaran kos pelaburan berjumlah USD 50,000,000.00.
  
5. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengadakan lawatan rasmi ke Kemboja pada 27 Mac 2023 bagi memenuhi jemputan daripada TYT Hun Sen, Perdana Menteri Kemboja. Dalam hal ini, kedua-dua Pemimpin menyaksikan penandatanganan 2 Memorandum Persefahaman yang ditandatangani oleh YB Menteri Sumber Manusia bagi pihak Kerajaan Malaysia serta Menteri Buruh dan Latihan Vokasional Kemboja, bagi pihak Kerajaan Kemboja seperti berikut:
  - (i) Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kemboja berhubung Pengambilan, Penggajian dan Penghantaran Pulang Pekerja Domestik; dan
  - (ii) Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kemboja berhubung Pengambilan, Penggajian dan Penghantaran Pulang Pekerja.
  
6. Misi-misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan serta lawatan rasmi ini telah berjaya menarik **potensi pelaburan dianggarkan berjumlah RM184.73 billion** dan **potensi eksport berjumlah RM3.22 billion**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN  
(ALOR SETAR)**

**TARIKH : 24 MEI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [Alor Setar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia bekerjasama dengan Kementerian dan agensi berkaitan untuk mengaplikasikan konsep wakaf di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan, pendidikan, pertanian, perladangan dan perdagangan.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NAI'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) sering bekerjasama dengan pihak Kementerian dan agensi berkaitan dalam melaksanakan pembangunan, pendidikan, pertanian, perladangan dan perdagangan menggunakan aplikasi wakaf seperti berikut:

1. Kerjasama **JAWHAR dan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dengan Jabatan Kerja Raya (JKR)** dalam melaksanakan projek **pembangunan** di atas tanah wakaf dalam setiap Rancangan Malaysia. Sehingga kini terdapat 18 projek pembangunan atas tanah wakaf yang meliputi aspek kebajikan, kesihatan, ekonomi, perumahan dan pendidikan telah dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia;
2. Kerjasama **Universiti Awam (UA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan MAIN** dalam mewujudkan tabung wakaf bagi mendanai dan membangunkan aspek **pendidikan tinggi** di UA seperti di Universiti Malaysia (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
3. Di samping itu, kerjasama **YWM dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** dalam **Program Wakaf Foodbank** pada tahun 2023 di bawah Wakaf Tunai Malaysia YWM dapat membantu mengurangkan pembaziran makanan melalui penyediaan mesin retort di lokasi terpilih. Inisiatif ini melibatkan

pembungkusan makanan secara retort dan akan dimanfaatkan oleh golongan sasar terutamanya **pelajar B40** dalam usaha mengurangkan beban kos sara hidup di kampus;

4. Dalam bidang **pertanian**, pada tahun 2022, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM3 juta kepada YWM bagi melaksanakan projek rintis Wakaf Pertanian Bersepadu atau WATANI di atas tanah berkeluasan 10 ekar di Presint 20, Putrajaya dengan tumpuan diberikan kepada lima (5) tanaman utama iaitu nanas, pisang, jagung, cili dan *golden melon*. Projek ini turut diperluaskan kepada ternakan ikan keli. Hasil jualan produk-produk WATANI akan dikembalikan kepada dana Wakaf Tunai Malaysia YWM bagi pembangunan wakaf akan datang. Selain itu, terdapat MAIN yang turut memperkembangkan potensi tanah wakaf dalam aspek **perladangan** seperti mengusahakan ladang kelapa sawit di Negeri Perak yang dimiliki oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk);

5. Dalam aspek **perdagangan**, YWM telah **bekerjasama dengan Halal Development Corporation (HDC)**, agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi mewujudkan **Wakaf Halal Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS)** pada tahun 2022. Inisiatif ini menyediakan dana wakaf berbentuk pinjaman bagi pembelian mesin-mesin untuk kegunaan PKS seperti mesin penguli tepung, mesin pemprosesan sembelihan ayam, mesin pemprosesan makanan / minuman dan lain-lain peralatan yang bersesuaian;

6. Kerjasama YWM dengan **Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)** dalam mewujudkan **Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air atau Wakaf Air** pada tahun 2020 di bawah Wakaf Tunai Malaysia YWM bagi mengumpul dana wakaf untuk membiayai projek-projek perkhidmatan air berskala kecil bernilai di bawah RM50,000 di Semenanjung Malaysia dan RM75,000 bagi Sabah dan Sarawak;

7. Kerjasama YWM dengan **Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)**, agensi di bawah NRECC dalam

mewujudkan **Tabung Wakaf Masjid Hijau** pada tahun 2021 sebagai sumber pendanaan bagi projek pembangunan masjid-masjid di Malaysia yang berasaskan teknologi hijau;

8. YWM turut menjalinkan kerjasama dengan institusi pengurus dana seperti **Kenanga Investors Berhad, Maybank Asset Management** dan **Permodalan BSN** dalam mewujudkan produk pelaburan yang disinergikan dengan wakaf. Sebahagian keuntungan pelaburan akan diwakafkan kepada YWM dan dana tersebut akan dimanfaatkan dalam sektor kesihatan, pendidikan, halal, pemerksaan komuniti, teknologi hijau, bencana dan keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [ PADANG BESAR ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana tahap kemajuan projek yang dipantau oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) terutamanya bagi projek Sanglang Integrated Jetty (SIJ).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

NCIA komited dalam memastikan kesemua tahap kemajuan projek-projek yang dilaksanakan oleh NCIA mengikut jadual seperti dirancang. Sehingga 15 April 2023, pelaksanaan dua projek yang berimpak tinggi NCIA di negeri Perlis iaitu projek Kawasan Perindustrian Lembah Chuping – *Chuping Valley Industrial Area* (CVIA) Fasa 1 dan Kemudahan Infrastruktur Luaran bagi projek Pelabuhan Darat Perlis – *Perlis Inland Port* (PIP) masing-masing mengikut jadual dengan kemajuan seperti berikut:

- a. CVIA Fasa 1: 93.5%
- b. Infrastruktur Luaran PIP Pakej 1 (*'Bonded road'*): 55.67%
- c. Infrastruktur Luaran PIP Pakej 2 (Jejambat dan *'railway spurline'*) 8.00%

Projek Jeti Bersepadu Sanglang atau *Sanglang Integrated Jetty* (SIJ) merupakan salah sebuah komponen di dalam Perlis Maritime Corridor yang turut dikenalpasti sebagai sebuah projek strategik berimpak tinggi di negeri Perlis di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER 2021 – 2025.

Projek SIJ akan diterajui oleh pihak swasta dan disokong oleh NCIA melalui pelaksanaan kajian pembangunan infrastruktur sokongan yang berpotensi untuk dibangunkan di SIJ yang kini telah dimohon untuk kelulusan di bawah RP4 tahun 2024, RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [ PUTRAJAYA ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. RADZI JIDIN [ PUTRAJAYA ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) potensi kenaikan kadar inflasi di Malaysia akibat daripada pengapungan harga ayam dan telur pada Julai 2023; dan
- (b) tindakan yang akan diambil Kerajaan sekiranya pengapungan membawa kepada kenaikan mendadak harga ayam dan telur.



**JAWAPAN:**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, penentuan potensi kenaikan kadar inflasi di Malaysia akibat daripada pengapungan harga ayam dan telur pada Julai 2023 adalah di luar daripada bidang kuasa Kementerian. Hal ini kerana sebarang perkara berkaitan unjuran, simulasi, potensi serta jangkaan pergerakan inflasi adalah bersifat teknikal dan kaedah penentuan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Statistik Malaysia.

Walau bagaimanapun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa bersedia sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan termasuk reaksi pengguna apabila pengapungan harga tersebut dilaksanakan. Antara aspek yang akan diberikan tumpuan oleh KPDN adalah seperti penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang berkaitan, bagi memastikan kecukupan bekalan dan menyiasat sekiranya terdapat aduan daripada pengguna berhubung kenaikan harga yang melampau atau tidak munasabah serta dari semasa ke semasa memberi penerangan dan pemahaman kepada pengguna bagi merancang pembelian serta menyalurkan aduan ke saluran yang betul. KPDN juga bersedia menjalinkan kerjasama antara kementerian dan agensi bagi memastikan hak pengguna terbela.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN  
[ BACHOK ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [ BACHOK ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah penjimatan yang telah diambil Kerajaan khususnya dalam penganjuran majlis besar-besaran seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri bagi mengelakkan pembaziran perbelanjaan Kerajaan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH, SARAWAK  
DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah penjimatan demi untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Dalam hal ini, Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam juga telah dikeluarkan untuk memastikan semua Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Badan Berkanun/Ketua Eksekutif Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan Ketua agensi-agensi lain untuk melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan, antara lain sebagai

usaha pemulihan ekonomi serta kesejahteraan rakyat dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup.

2. Antara strategi-strategi yang telah ditetapkan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 5 Disember 2022, YAB Perdana Menteri memutuskan untuk tidak menerima gaji pokok sebagai Perdana Menteri, manakala untuk YB Timbalan-Timbalan Perdana Menteri dan YB Menteri-Menteri pula, pengurangan sebanyak 20% daripada gaji pokok sehingga kedudukan ekonomi pulih;
- (ii) perjalanan bertugas rasmi ke luar negara hanya dibenarkan bagi urusan mesyuarat dan persidangan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri sahaja; dan
- (iii) pendekatan kreatif dan inovatif bagi tujuan penjimatan tanpa melibatkan perbelanjaan besar dalam penganjuran program atau aktiviti turut diambil dengan melibatkan kerjasama strategik dengan komuniti berkaitan atau agensi Kerajaan yang menjadi pemilik atau pengurus sesuatu premis agar kadar sewaan yang dikenakan adalah berpatutan atau nominal sahaja.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semua perbelanjaan untuk program-program Malaysia MADANI adalah tertakluk kepada Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam. Pematuhan kepada peraturan kewangan akan menjadi keutamaan dalam pengurusan mana-mana program Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL  
RAHMAN [ LABUAN ]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [ LABUAN ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah pencapaian terkini Pihak Berkuasa Koridor seperti Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) khususnya terhadap pembangunan wilayah Sabah dan Sarawak termasuk tumpuan kepada aktiviti ekonomi utama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Berkuasa Koridor ditubuhkan dengan objektif untuk mempercepat pembangunan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi bagi menangani ketidakseimbangan wilayah. Selaras dengan inisiatif yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Pihak Berkuasa Koridor di lima (5) Koridor Ekonomi Wilayah akan menumpukan kepada usaha mempercepat pembangunan berasaskan nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan. Ini termasuk mengalakkan usaha dalam menarik pelaburan berkualiti dengan menawarkan pakej insentif bersesuaian, melaksanakan projek-projek yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta menambah baik ekosistem perniagaan.

Usaha berterusan akan diambil dalam memperkukuh strategi pembangunan wilayah bagi memastikan impak pembangunan yang lebih besar di wilayah Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan wilayah Koridor Pembangunan Sabah (SDC). Dalam hubungan ini, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan (SEDIA) telah merekodkan pencapaian pelaburan direalisasi sehingga tahun 2022 sebanyak RM1.67 bilion dengan pewujudan peluang pekerjaan sebanyak 8,661 kepada penduduk di wilayah SDC. Manakala Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) pula, merekodkan jumlah pelaburan direalisasi sebanyak RM830 juta dengan pewujudan peluang pekerjaan sebanyak 49,685 kepada penduduk di wilayah SCORE dalam tempoh yang sama.

Penubuhan RECODA dan SEDIA berupaya menjadi pemangkin dalam usaha membangunkan pertumbuhan ekonomi di Sabah dan Sarawak melalui projek-projek berimpak tinggi seperti Taman Perindustrian Samalaju (SIP) dan Projek Penyediaan Infrastruktur bagi Pusat Pembangunan Hab Halal Tanjung Manis Fasa 1A di wilayah SCORE. Manakala projek Pembesaran Pelabuhan Konten Sapangar Bay, Kota Kinabalu di bawah wilayah SDC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. TS HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN  
[JERANTUT]**

**TARIKH : 22 MEI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**IR. TS HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [ JERANTUT ]** minta **KEMENTERIAN PELABURAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan Keenterian untuk memberikan insentif kepada mana-mana syarikat yang ingin melabur ke dalam bidang stesen pengecas kenderaan elektrik (*EV Charging Station*) agar Malaysia mampu mencapai Negara Bebas Karbon 2030.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan *Low Carbon Mobility Blueprint* (LCMB) 2021-2030, sektor pengangkutan di Malaysia merupakan sektor yang kedua terbesar menyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau (*Green House Gas* (GHG) *emission*) selepas sektor tenaga, dan sektor pengangkutan darat yang meliputi kereta penumpang, kenderaan komersial serta motosikal, merupakan yang paling tinggi sumbangannya kepada GHG dalam sektor pengangkutan, iaitu sekitar 90%.

Dalam usaha menangani masalah ini, Kerajaan telah menyasarkan sebanyak 15% daripada jualan kenderaan penumpang dan perdagangan tahunan adalah kenderaan elektrik (termasuk kenderaan jenis hibrid) menjelang tahun 2030, dan 38% menjelang tahun 2040. Bagi menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik khususnya *Battery Electric Vehicles* (BEV), Kerajaan juga menyasarkan sebanyak 10,000 unit kemudahan pengecasan kenderaan elektrik disediakan menjelang tahun 2025.

Bagi meningkatkan permintaan dalam pasaran demi menarik pelabur dalam bidang stesen pengecas EV (*EV Charging Station*), di bawah Bajet 2022, Kerajaan telah mengumumkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi kos pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan EV untuk tahun taksiran 2022-2023. Bagi mengukuhkan ekosistem industri EV dan merencanakan lagi penggunaan EV, di bawah Bajet 2023, Kerajaan telah menawarkan insentif baharu kepada syarikat yang ingin melabur untuk aktiviti pengilangan *EV Charging Equipment* iaitu pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2032 dan layak Elaun Cukai Pelaburan 100% untuk pengurangan cukai pendapatan sehingga 100% bagi tempoh lima (5) tahun.

Di samping itu, insentif yang ditawarkan Kerajaan juga tidak terhad kepada aktiviti pembuatan atau pengilangan *EV Charging Equipment*. Kerajaan juga menawarkan *Green Investment Tax Allowance* (GITA) dan *Green Income Tax Exemption* (GITE) untuk aktiviti perkhidmatan hijau (*green services*) termasuk penyediaan infrastruktur pengecasan EV sejak tahun 2014 bagi permohonan yang diterima oleh *Malaysian Investment*

*Development Authority* (MIDA) sehingga 31 disember 2023 untuk tempoh galakan selama tiga (3) tahun.

Selain daripada insentif, satu kerangka strategi untuk pembangunan dan perancangan infrastruktur pengecasan EV secara menyeluruh di Malaysia telah dibangunkan bagi mencapai sasaran tersebut. Kerangka strategi ini sedang dibincangkan dan diperhalusi oleh pihak-pihak berkepentingan.

Prosedur Permohonan Dan Kelulusan Pemajuan Stesen Pengecasan Kenderaan Elektrik (ProEV) yang telah dibangunkan oleh PLANMalaysia untuk kegunaan dan rujukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang dimuktamadkan bagi mengurangkan tempoh masa pemprosesan kelulusan pemasangan. Suruhanjaya Tenaga juga telah mengeluarkan satu panduan untuk aktiviti pemasangan EVCS bagi memastikan sistem pengecasan EV yang dipasang adalah selamat untuk digunakan oleh pengguna, selain mematuhi keperluan teknikal yang ditetapkan.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini dan yang baharu di masa hadapan dijangka dapat meningkatkan lagi penggunaan dan permintaan EV termasuk menarik pelabur untuk membangunkan stesen pengecas EV (*EV Charging Station*) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan sasaran Malaysia untuk mencapai status negara neutral karbon menjelang tahun 2050 sepertimana digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Sekian, terima kasih.